



RUKUN NEGARA

Bahawasanya Negara Kita Malaysia

mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan
seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara yang liberal terhadap
tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan
sains dan teknologi moden.

MAKA KAMI, rakyat Malaysia,
berikrar akan menumpukan
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

(Sumber: Jabatan Penerangan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia)

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

SEJARAH

TINGKATAN **2**



Penulis

Dr. Suffian bin Mansor
Dr. Mardiana binti Nordin
Ahmad Salehee bin Abdul
Ishak bin Saidoo

Editor

Abdul Ghani bin Abu
Md Shukuri bin Hamzah

Pereka Bentuk

Zainal Abidin bin Hasan

Ilustrator

Rozlin Azrar bin Abd Azib



DBP

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KUALA LUMPUR

2017



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0057

KK 959-221-0102011-49-1647-30101
ISBN 978-983-49-1647-3

Cetakan Pertama 2017
© Kementerian Pendidikan Malaysia 2017

Hak Cipta Terpelihara. Mana-mana bahan dalam buku ini tidak dibenarkan diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara bahan elektronik, mekanik, penggambaran semula mahupun dengan cara perakaman tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan untuk Kementerian Pendidikan Malaysia oleh:

Dewan Bahasa dan Pustaka,
Jalan Dewan Bahasa,
50460 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-21479000 (8 talian)
No. Faksimile: 03-21479643
Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:
Dewan Bahasa dan Pustaka

Muka Taip Teks: Times New Roman
Saiz Muka Taip Teks: 11 poin

Dicetak oleh:
Ultimate Print Sdn. Bhd.,
Lot 2, Jalan Sepana 15/3,
Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
40200 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang berikut:

- Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah, Kementerian Pendidikan Malaysia
 - (i) YBhg. Profesor Dr. Kamaruzaman bin Yusoff
 - (ii) YBhg. Profesor Dr. Sivamurugan a/l Pandian
 - (iii) YBhg. Profesor Dr. Ishak bin Saat
 - (iv) YBhg. Profesor Madya Dr. Bilcher Bala
 - (v) YBhg. Profesor Madya Dr. Neilson Ilan Mersat
 - (vi) YBhg. Dr. Ho Hui Ling
- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jawatankuasa Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Arkib Negara Malaysia
- Jabatan Muzium Malaysia
- Jabatan Warisan Negara
- Pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
- Yayasan Warisan Johor
- Perbadanan Muzium Melaka
- Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia
- Perpustakaan Universiti Malaya
- Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Perpustakaan Negara Malaysia
- Persatuan Sejarah Malaysia
- Pusat Dokumentasi Melayu
- Permodalan Nasional Berhad
- Kraftangan Malaysia
- Muzium Negeri Terengganu
- Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor
- Semua pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini.

KANDUNGAN

Pendahuluan

vi

Bab 1 Kerajaan Alam Melayu

2

- 1.1 Konsep Alam Melayu 4
- 1.2 Kewujudan Kerajaan di Alam Melayu 8
- 1.3 Kerajaan Alam Melayu yang Masyhur 9
- 1.4 Kerajaan Alam Melayu dan Kerajaan Luar yang Sezaman 14

Bab 2 Sistem Pemerintahan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

24

- 2.1 Sistem Pemerintahan 26
- 2.2 Kegiatan Ekonomi 28

Bab 3 Sosiobudaya Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

38

- 3.1 Bahasa dan Tulisan 40
- 3.2 Persuratan 44
- 3.3 Seni Bina 46
- 3.4 Struktur Sosial 49

Bab 4 Agama, Kepercayaan dan Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

54

- 4.1 Agama dan Kepercayaan 56
- 4.2 Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu 60


Bab 5 Kesultanan Melayu Melaka

70

- 5.1 Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka 72
- 5.2 Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka 74
- 5.3 Pengakhiran Kesultanan Melayu Melaka yang Berpusat di Melaka 90



Bab 6 Kesultanan Johor Riau	96
6.1 Pengasasan Kesultanan Johor Riau	98
6.2 Kegemilangan Kesultanan Johor Riau	104



Bab 7 Kesultanan Melayu Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor	114
7.1 Pengasasan Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor	116
7.2 Warisan Kesultanan Melayu Melaka di Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor	124




Bab 8 Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis	136
8.1 Pengasasan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis	138
8.2 Hubungan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan Negeri-negeri Melayu yang Lain	146



Bab 9 Warisan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis	156
9.1 Warisan Kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis	158
9.2 Keunikan Adat dan Pemerintahan Negeri Sembilan	168



Bab 10 Sarawak dan Sabah	176
10.1 Sarawak dan Sabah dalam Alam Melayu	178
10.2 Kemunculan Pemerintahan Tempatan	180
10.3 Kegiatan Ekonomi Masyarakat Sarawak dan Sabah	184
10.4 Keunikan Masyarakat Bumiputera Sarawak dan Sabah	186



Bibliografi	206
Indeks	208

PENDAHULUAN

Buku Teks *Sejarah Tingkatan 2* ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang disediakan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Buku teks ini merupakan kesinambungan Buku Teks *Sejarah Tingkatan 1*. Penulisan buku teks ini juga berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Sejarah Tingkatan 2 yang diperincikan kepada sepuluh bab bertemakan Warisan Negara. Tema ini terdiri daripada dua tajuk utama, iaitu Tajuk 5: Kerajaan Alam Melayu dan Tajuk 6: Kesultanan Melayu Melaka Sebagai Asas Kerajaan Masa Kini.

Malaysia terangkum di dalam Alam Melayu yang memiliki sejarah yang unik menerusi kemunculan kerajaan awal yang setanding dengan tamadun lain di dunia. Oleh sebab itu, negara kita berkongsi dan mewarisi ciri-ciri kerajaan tersebut. Perkongsian dan warisan dibuktikan melalui pengasasan dan pengukuhan Kesultanan Melayu Melaka lalu diteruskan pula oleh Kesultanan Johor Riau. Kerajaan-kerajaan lain dibincangkan mengikut kelompok masing-masing atas faktor kelangsungan, latar belakang sejarah dan faktor geografi. Kerajaan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor dibincangkan dalam satu kelompok, disusuli kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis. Perbincangan dilengkapi pula bagi Sarawak dan Sabah sebagai sebahagian daripada kerajaan Alam Melayu. Semua kerajaan ini meninggalkan warisan yang gemilang kepada sejarah negara kita dan membuktikan keserumpunan Alam Melayu.

Pengetahuan dan pemahaman tentang tajuk-tajuk ini dipelajari secara kronologi agar mencapai fokus utama KSSM untuk melahirkan murid yang arif dan peka sejarah. Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) diterapkan bagi menunjukkan signifikan pembelajaran sejarah dan refleksi diri masa ini dalam diri murid demi kepentingan masa depan mereka.

Kandungan buku teks ini turut menerapkan kepelbagaian strategi pengajaran dan pembelajaran, seperti kaedah kontekstual, kajian masa depan, kajian kes, kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) serta mengaplikasikan Pembelajaran Kemahiran Abad Ke-21. Selain itu, elemen Kelestarian Global turut ditekankan agar murid bersikap responsif terhadap persekitaran dalam kehidupan seharian. Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) pula dijelmakan menerusi pelbagai pendekatan pentaksiran seperti latihan dan aktiviti agar murid berupaya mengaplikasikan ilmu dan berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif.

Bagi membantu guru dan murid menguasai kandungan buku teks ini, setiap bab menggunakan beberapa ikon mengikut kategori aktiviti yang disediakan. Yang berikut ialah Panduan Penggunaan Buku Teks:

Rangsangan

Dipersembahkan pada setiap awalan bab dalam bentuk bergambar. Bahan rangsangan ini berperanan mencungkil minat murid untuk mengikut pembelajaran seterusnya.

BAB 1
KERAJAAN ALAM MELAYU

Sinopsis

Alam Melayu merupakan kawasan yang merangkumi kepulauan dan tanah besar. Sejarah awal Alam Melayu memperlihatkan kemunculan beberapa kerajaan yang mashhur seperti Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit, Kedah Tua dan Gangga Nagara. Kerajaan-kerajaan ini mempunyai persamaan dalam aspek geografi, bahasa dan budaya. Kerajaan-kerajaan ini telah berkembang maju sebagai pusat perdagangan dan keagamaan yang tersohor. Kegemilangan kerajaan ini turut dikenali setanding dengan tamadun dunia yang lain.

Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menjelaskan konsep Alam Melayu.
2. Menenerangkan kewujudan kerajaan Alam Melayu.
3. Memerihalkan kerajaan-kerajaan Alam Melayu yang mashhur.
4. Menghubungkan kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan di luar Alam Melayu yang sezaman.

Peta menunjukkan kerajaan-kerajaan Alam Melayu yang mashhur.

Garis masa kerajaan-kerajaan Alam Melayu yang mashhur.

Kerajaan	Abad
Funan	1 - 6
Kedah Tua	4 - 10
Gangga Nagara	6 - 10
Srivijaya	7 - 10
Champa	7 - 10



Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)

Membolehkan murid memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi terhadap setiap maklumat serta peristiwa sejarah yang dipelajari. Kemahiran ini dimantapkan dalam kalangan murid melalui aktiviti yang berkaitan.

Panduan Penggunaan Buku Teks



Elemen Kewarganegaraan dan Nilai Sivik

Diterapkan secara tersurat dan tersirat dalam teks, soalan atau pelbagai bentuk aktiviti. Bertujuan menyuntik iktibar terhadap kandungan pembelajaran yang dipelajari.

Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menghuraikan kepentingan kedudukan strategik yang menyumbang kepada kemajuan sesebuah kerajaan.
2. Menemenangkan kepentingan kebijaksanaan pemimpin untuk memajukan negara.
3. Menghubungkaitkan kepentingan menghargai kegemilangan kerajaan Alam Melayu dengan pembentukan jati diri.
4. Merumuskan kebanggaan terhadap kelungusan warisan kerajaan Alam Melayu.

Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi perkembangan kerajaan Alam Melayu.
2. Menoroka bukti kewujudan kerajaan Alam Melayu.
3. Membuat interpretasi konsep Alam Melayu.
4. Membuat imaginasi sifat keterbukaan kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar yang sezaman.
5. Membuat rasionalisasi hubungan kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar yang sezaman.

Penjelasan tersurat

Penjelasan tersirat

Hubungan Kerajaan Alam Melayu dengan India



Hubungan diplomatik antara kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar menunjukkan usaha persahabatan yang cuba dipjalankan antara kerajaan.

Kerajaan-kerajaan Alam Melayu bersifat terbuka dan saling menghormati dalam persahabatan hubungan dengan kerajaan luar. Hubungan ini penting untuk membantu menjalinkan hubungan kegemilangan kerajaan Alam Melayu. Jelaslah bahawa pemerintah kerajaan Alam Melayu bijak mengurus hubungan kerajaannya dengan kerajaan luar.

Aktiviti 'Fikir-Pasangan-Kongsi' (Think-Pair-Share)

- Berdasarkan peta kerajaan Alam Melayu di sebelah, lakukan aktiviti yang berikut:
- (a) Secara individu, kenal pasti lokasi kerajaan Alam Melayu yang masyhur.
 - (b) Bincangkan dengan rakan sekelas tentang negara dan ibu negara Asia Tenggara yang ada pada hari ini. Kemudian, seterakannya.
 - (c) Kongsi hasil perbincangan di dalam kelas.

Perkembangan Sosiobudaya

Keunikan perkembangan sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu merupakan warisan yang sangat bernilai. Perkembangan tersebut dapat dilihat dalam aspek tulisan, bahasa, persuratan dan seni bina.

1. Sistem Tulisan dan Bahasa

Masyarakat kerajaan Alam Melayu telah mengadaptasi pengaruh luar untuk memperkembangkan sistem tulisan dan bahasa mereka. Tulisan Palava dan Kawi yang berasal dari India digunakan dengan meluas sebagai medium tulisan meluas tempatan dan Sanskrit. Demikian juga huruf-huruf Arab disesuaikan sehingga terbentuknya tulisan Jawi yang menjadi warisan sistem tulisan masyarakat Melayu hingga kini.



Hikayat Amir Hamzah, karya persuratan dalam bahasa Melayu dan ditulis dengan tulisan Jawi.
(Sumber: Jufri Sana'ie dan Nizarah Ghopar, *Alumni Mengaji Tulisan Melayu*, Singapura: National Library Board, 2009, hlm. 90)

2. Persuratan

Masyarakat kerajaan Alam Melayu telah memaparkan keintelektualan melalui kegiatan persuratan. Pada awalnya, kegiatan ini berkembang dalam bentuk batu bersurat dan lahir karya-karya dalam bentuk manuskrip. Keunikan intelektual ini dapat dilihat dalam bentuk batu bersurat kerajaan-kerajaan Melayu.

3. Seni Bina

Kemahiran dalam seni bina merupakan keunikan yang menjadi warisan kerajaan Alam Melayu. Seni bina dibina bagi memudahkan kehidupan seperti dalam perkembangan keagamaan. Kehidupan di persisiran pantai dan lembah sungai melahirkan petunggang-petunggang kapal yang handal.

Glosari

Adaptasi: penyesuaian dengan sesuatu keadaan yang baharu atau berbeza-beza.

KPS

Secara berkumpulan, dengan menoroka bukti daripada pelbagai sumber tentang pelbagai tulisan yang digunakan oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu.

3.1 Bahasa dan Tulisan

Pengenalan

Perkembangan bahasa berkait rapat dengan perkembangan sistem tulisan. Sifat keterbukaan masyarakat kerajaan Alam Melayu membolehkan sistem tulisan berkembang dalam kerajaan Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit dan Kedah Tua. Penggunaan bahasa turut mengalami situasi yang sama.

Kerajaan Funan

- Kerajaan Funan menjadikan bahasa Sanskrit sebagai bahasa utama. Hal ini dibuktikan dengan penemuan batu bersurat Funan bertarikh abad kedua.
- Tulisan masyarakat Funan berasaskan tulisan orang Hu yang menggunakan tulisan orang India.
- Funan menggunakan kalender *Saka* yang berasal dari India.

Kerajaan Champa

- Masyarakat kerajaan Champa menuturkan bahasa Melayu Champa dan bahasa Sanskrit. Hal ini dibuktikan dengan penemuan batu bersurat dalam kedua-dua bahasa.
- Dalam aspek tulisan, masyarakat kerajaan Champa menggunakan tulisan Palava dan tulisan Champa Kuno. Penggunaan tulisan Palava dibuktikan dengan penemuan inskripsi bertarikh abad keenam yang ditulis oleh Raja Sambhavarman.
- Agama Islam tersebar di Champa sejak abad kelapan. Oleh itu, bahasa Melayu Champa menjadi bahasa utama seiring dengan perkembangan tulisan Jawi.



Batu bersurat tertua berbahasa Melayu Champa yang ditemukan bertarikh abad keempat.
(Sumber: Abdul Rahman al-Ahmedi, 'Akara dan Batu Bersurat Melayu Kuno', *Traité Indonésien Manuscrits Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara, 1997, hlm. 134)

Tahukah Anda?

- Pendidikan masyarakat kerajaan Alam Melayu berlaku kepada semua golongan masyarakat.
- Golongan pemerintah seperti raja, kaum kerabat dan bangsawan menerima pendidikan formal yang berlangsung di istana. Proses ini melahirkan golongan bijak pandar dan pajuaga istana yang boleh menghasilkan karya dalam bentuk batu bersurat dan manuskrip.
- Golongan diperintah, iaitu rakyat menerima pendidikan tidak formal yang lebih mengkhusus kepada kehidupan harian seperti ilmu ubah-ubahan, peta bercocok tanam, ilmu pertukangan dan persenjataan serta adat resam.

Glosari

Kalendar Saka: kalendar ini diperkenalkan oleh Raja Kanishka daripada Dinasti Kushan di utara India pada tahun 78 M. Kalendar Saka ini mengandungi 12 bulan dalam setahun.
(Sumber: Paul Michel Munoz, *Early Kingdoms of the Indonesian Archipelago and the Malay Peninsula*, Singapura: Editions Didier Millet, 2006, hlm. 321)

Tahukah Anda?

Maklumat tambahan bagi meningkatkan pemahaman murid terhadap sesuatu perkara. Murid digalakkan menggunakan pelbagai sumber untuk menoroکا ilmu yang berkaitan.



Glosari

Menjelaskan maksud sesuatu perkataan yang sukar difahami dalam teks bagi meningkatkan kefahaman murid.



Cerna Minda

Menguji pengetahuan sedia ada murid menerusi soalan aras rendah dan sederhana berkaitan teks.

4. Orang Laut
Orang Laut memberikan taaq seka kepada raja dan memantapkan pertuan yang pramat dalam mengukuhkan kekuasaan kerajaan. Mereka dalam memantapkan urusan perdagangan dengan diijinkan taaq gajagan.

- Mereka merupakan pelaut dan penunjuk arah yang cekap kepada pedagang yang berdagang di Melaka.
- Orang Laut juga bertanggungjawab sebagai tentera untuk menjamin keselamatan pedagang di perairan Melaka.

5. Kemudahan Pelabuhan
Pelabuhan di Melaka ditangkapi dengan pelbagai kemudahan yang menarik minat pedagang. Antaranya termasuklah:

- Cadang tempu menyimpan barang.
- Kemudahan pengangkutan.
- Kemudahan bekalan makanan dan minuman.
- Khidmat membaiki kapal.
- Tempat penginapan.
- Syabandar yang menjaga kebijakan pedagang.
- Kemudahan tempu berhad.

Cerna Minda
Apakah aspek pengurusan perdagangan yang menyebabkan aktiviti perdagangan dapat dijalankan dengan lancar di pelabuhan Melaka?

Aktiviti (Dramatisasi)
1. Bentuk kumpulan dan buat skrip untuk lakonan situasi di pelabuhan Melaka yang bertajuk "Syabandar memastikan priman penting dalam memajukan pelabuhan Melaka".
2. Pilih orang untuk untuk menjadi syabandar.
3. Lakukan situasi seperti di pelabuhan Melaka.



QR Code

Imbas kod menggunakan alat peranti semasa untuk mendapatkan maklumat tambahan dalam pelbagai bentuk seperti video dan dokumen. Bertujuan menambah pengetahuan dan minat murid.



KBAT

Memfokuskan tahap pemikiran aplikasi, analisis, menilai dan mencipta. Murid dirangsang menerusi soalan berfikir aras tinggi.



Aktiviti

Merupakan gerak kerja berdasarkan pelbagai kaedah pembelajaran untuk membentuk murid yang kreatif dan saling bekerjasama. Aktiviti ini dijenamakan berdasarkan Pembelajaran Abad Ke-21 yang berpusatkan murid. Selain itu, terdapat aktiviti Cuba Buat yang menguji kemahiran daya cipta murid.



Imbas Kembali

Diletakkan pada bahagian akhir setiap bab bagi membolehkan murid mengimbas kembali topik yang telah dipelajari.

Imbas Kembali
Kerajaan Alam Melayu

- Kerajaan Alam Melayu
- Aspek Geografi
- Aspek Budaya

Pemahaman dan Pemikiran Kritis

Cakna dan Cerminan Sejarah
Nilai Patriotisme dan Berhikmah

- Apabila mempelajari sejarah tempatan, kita seharusnya memperkukuhkan semangat patriotisme untuk membela negara.
- Perjuangan mereka merupakan teras kepada kita sebagai generasi muda.
- Belajarlah mereka kerana Alam Melayu dengan semangat bersekolah, berprestasi dan berprestasi.

Refleksi Diri
Cuba berfikir dan berfikir, apakah yang dapat kita lakukan untuk memajukan negara kita?

19th ASEAN PLUS THREE SUMMIT
7 SEPTEMBER 2016, BENTONG, LAMPUNG



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

Merupakan pelbagai bentuk latihan bagi mengukur penguasaan murid terhadap kandungan bab yang dipelajari. Penilaian meliputi pelbagai aras pemikiran bagi menggalakkan murid berfikir secara kritis.



Contoh Skema Jawapan



Cakna dan Cerminan Sejarah

Melibatkan tiga unsur, iaitu nilai, patriotisme dan iktibar. Murid membuat perkaitan terhadap kandungan pembelajaran dengan diri, keluarga dan tindakan sebagai warganegara. Murid diterapkan perasaan cinta akan negara dan berasa bangga sebagai rakyat Malaysia yang kaya dengan warisan tradisi.

Diharapkan penyediaan Buku Teks *Sejarah Tingkatan 2* ini membantu guru dan murid mencapai matlamat dan objektif mata pelajaran Sejarah, KSSM dan Falsafah Pendidikan Negara.

Dr. Suffian bin Mansor
Dr. Mardiana binti Nordin
Ahmad Salehee bin Abdul
Ishak bin Saidoo



BAB 1

KERAJAAN ALAM MELAYU



Sinopsis

Alam Melayu merupakan kawasan yang merangkumi kepulauan dan tanah besar. Sejarah awal Alam Melayu memperlihatkan kemunculan beberapa kerajaan yang masyhur seperti Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit, Kedah Tua dan Gangga Nagara. Kerajaan-kerajaan ini mempunyai persamaan dalam aspek geografi, bahasa dan budaya. Kerajaan-kerajaan ini telah berkembang maju sebagai pusat perdagangan dan keagamaan yang tersohor. Kegemilangan kerajaan ini turut dikenali setanding dengan tamadun dunia yang lain.




Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menjelaskan konsep Alam Melayu.
2. Menerangkan kewujudan kerajaan Alam Melayu.
3. Memerihalkan kerajaan-kerajaan Alam Melayu yang masyhur.
4. Menghubungkan kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan di luar Alam Melayu yang sezaman.




Peta menunjukkan kerajaan-kerajaan Alam Melayu yang masyhur.



Garis masa kerajaan-kerajaan Alam Melayu yang masyhur.



[Sumber: Adaptasi daripada Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (*et.al*), *Asal Usul Melayu, Induknya di Benua Sunda*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2016, hlm. 15]



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menghuraikan kepentingan kedudukan strategik yang menyumbang kepada kemajuan sesebuah kerajaan.
2. Menerangkan kepentingan kebijaksanaan pemimpin untuk memajukan negara.
3. Menghubungkan kepentingan menghargai kegemilangan kerajaan Alam Melayu dengan pembentukan jati diri.
4. Merumuskan kebanggaan terhadap kelangsungan warisan kerajaan Alam Melayu.



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi perkembangan kerajaan Alam Melayu.
2. Meneroka bukti kewujudan kerajaan Alam Melayu.
3. Membuat interpretasi konsep Alam Melayu.
4. Membuat imaginasi sifat keterbukaan kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar yang sezaman.
5. Membuat rasionalisasi hubungan kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar yang sezaman.

1.1

Konsep Alam Melayu

Pengenalan

Alam Melayu merangkumi gugusan kepulauan dan tanah besar di bahagian tenggara benua Asia. Alam Melayu juga dikenali dengan pelbagai istilah seperti Kepulauan Melayu dan Dunia Melayu. Istilah ini berbeza-beza mengikut peredaran zaman. Pada masa dahulu, gugusan tanah luas terbentang yang menghubungkan kawasan daratan dengan kepulauan ini dikenali sebagai Pentas Sunda. Kawasan di Pentas Sunda ini mempunyai ciri-ciri fizikal dan hidupan yang hampir sama. Anda telah mempelajari hal ini semasa berada di Tingkatan 1. Manusia yang tinggal di kawasan ini berkongsi tamadun yang sama seperti kepercayaan, asal usul keturunan, bahasa, budaya dan masyarakat. Oleh itu, konsep Alam Melayu ini boleh dilihat dari sudut geografi, bahasa dan budaya.

Geografi

Terdapat pelbagai pendapat tokoh-tokoh tempatan dan luar negara berkaitan aspek geografi Alam Melayu. Pendapat mereka menjadi rujukan dalam perbincangan tentang konsep Alam Melayu.



Profesor Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, ahli arkeologi.

Alam Melayu meliputi kawasan dari Madagaskar ke Tanah Melayu, Papua New Guinea, Australia, New Zealand, Kepulauan Pasifik dan sampai ke Taiwan.

[Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (*et.al*), *Asal Usul Melayu, Induknya di Benua Sunda*, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2016, hlm. 15]



Tahukah Anda?

Buku *Ilmu Alam Melayu* yang ditulis oleh R. O. Winstedt digunakan di sekolah-sekolah di Tanah Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa istilah Alam Melayu telah digunakan oleh British di Tanah Melayu.



Abdul Hadi Haji Hassan, ahli akademik.

Alam Melayu merupakan suatu lingkungan geografi yang luas meliputi Kepulauan Melayu hingga selatan Thailand.





Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Pendeta (Dr.) Ismail Hussein, ahli bahasa dan budayawan.

Dunia Melayu meliputi selatan Vietnam, Kemboja, selatan Myanmar, Segenting Kra, Malaysia, Indonesia, Brunei dan Filipina.


(Sumber: Ismail Hussein, *Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan*, Bangi: Penerbit UKM, 1993, hlm. 14)



Alfred Russel Wallace, sarjana Barat.

Kepulauan Melayu meliputi Tanah Melayu hingga Tenasserim dan Kepulauan Nicobar, Filipina dan Kepulauan Solomon hingga Papua New Guinea.

(Sumber: Alfred Russel Wallace, *The Annotated Malay Archipelago*, Oxford: John Beaufoy Pub., 2009, hlm. 60)



Alam Melayu



Profesor Dr. Ding Choo Ming, pengkaji manuskrip Melayu.

Dunia Melayu merupakan sebuah kawasan yang luas meliputi Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, selatan Thailand dan Filipina.

(Sumber: Ding Choo Ming, *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi*, Bangi: Penerbit UKM, 2016, hlm. 20)



Tokoh-tokoh ini telah mengemukakan pandangan yang hampir sama dari aspek geografi Alam Melayu, iaitu kawasan yang merangkumi Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei, Filipina, selatan Thailand, selatan Myanmar dan selatan Indochina. Pada hari ini, Alam Melayu merupakan sebahagian daripada Asia Tenggara.



Cerna Minda

Siapakah tokoh-tokoh yang mengemukakan pandangan tentang konsep Alam Melayu?



KPS

Interpretasikan konsep Alam Melayu.

Bahasa

Konsep Alam Melayu juga boleh dilihat dari aspek penggunaan bahasa serumpun yang dikaitkan dengan bahasa Melayu. Bahasa Melayu tergolong dalam bahasa Austronesia yang merupakan antara 200 bahasa yang dipertuturkan di Alam Melayu.



Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar, tokoh bahasa.

Bahasa serumpun di Alam Melayu mempunyai perkaitan dengan bahasa etnik peribumi. Persamaan ini boleh dikenal pasti melalui kata-kata tertentu. Apabila membuat perbandingan bahasa-bahasa serumpun ini, terdapat pertalian kekeluargaan bahasa-bahasa ini dengan bahasa Melayu.



(Sumber: Asmah Haji Omar, *Ensiklopedia Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008, hlm. 4)

Jadual: Persamaan bunyi perkataan bagi beberapa etnik di Alam Melayu.

Bahasa Melayu (Malaysia)	Bahasa Jawa (Indonesia)	Bahasa Melayu (Brunei)	Tagalog (Filipina)	Melanau (Sibu, Sarawak)	Kadazandusun (Sabah)
Empat	Papat	Ampat	Apat	Pat	Apat
Lima	Limo	Lima	Lima	Limah	Limo



Bahasa Melayu telah digunakan secara meluas di Alam Melayu sejak awal Masihi lagi. Sifat orang Melayu yang gemar belayar telah mengembangkan lagi bahasa Melayu ke Alam Melayu. Tambahan pula sifat bahasa Melayu yang sederhana dan mudah dipelajari membolehkan bahasa ini diterima di Alam Melayu.

(Sumber: Sutan Takdir Alisjahbana, *Indonesia: Social and Cultural Revolution*, Jakarta: Dian Rakyat, 2008, hlm. 25)



Sutan Takdir Alisjahbana, tokoh bahasa.



Tahukah Anda?

Istilah Melayu Polinesia digunakan sebelum digantikan dengan Austronesia.

Pada tahun 1972, Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations of Educational, Scientific and Cultural Organisation* - UNESCO) telah memilih istilah Melayu bagi merujuk suku bangsa yang berbahasa Melayu yang mendiami Asia Tenggara.

Pandangan tokoh-tokoh ini menunjukkan bahawa bahasa di Alam Melayu adalah serumpun dan mempunyai persamaan bunyi sebutannya.



Mengapakah terdapat persamaan bunyi perkataan dalam beberapa bahasa di Alam Melayu?

Budaya

Penduduk di Alam Melayu mempunyai budaya serumpun yang merangkumi bahasa dan tulisan, persuratan, struktur sosial, kesenian, kepercayaan dan adat.



Sejak awal lagi, budaya di Alam Melayu ini telah berkembang maju dengan munculnya beberapa kepandaian tertentu dalam bidang kesenian. Antaranya termasuklah pembuatan gangsa dan seni mempertahankan diri. Kedua-dua kepandaian ini merupakan ciptaan asli di Alam Melayu. Selain itu, nilai-nilai serumpun wujud dalam masyarakat Alam Melayu terutamanya gotong-royong. Dalam aspek seni persembahan pula, muncul wayang kulit di Kelantan dan Pulau Jawa.

(Sumber: A. Aziz Deraman, *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 14)



Dato' A. Aziz Deraman, budayawan.

Persamaan budaya dalam kalangan penduduk Alam Melayu membuktikan bahawa Alam Melayu ini merupakan kawasan yang memiliki kebudayaan serumpun.



Silat menjadi identiti budaya serumpun di Alam Melayu.

Alam Melayu merupakan suatu lingkungan geografi yang luas dan mempunyai persamaan bahasa dan budaya. Walaupun penduduk Alam Melayu kini dibahagikan kepada beberapa buah negara tetapi ikatan keserumpunan bahasa dan budaya masih kuat dalam kalangan penduduk di Alam Melayu. Hal ini memupuk kesedaran bahawa kita serumpun di Alam Melayu.



Cerna Minda

Nyatakan aspek keserumpunan Alam Melayu.

1.2

Kewujudan Kerajaan di Alam Melayu

Pengenalan

Kerajaan Alam Melayu telah bermula daripada petempatan kecil yang berkembang menjadi pelabuhan. Pelabuhan ini seterusnya berkembang menjadi kerajaan. Kerajaan ini muncul seawal abad pertama. Antara kerajaan tersebut termasuklah Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit, Kedah Tua dan Gangga Nagara.



1. Kerajaan Funan
Lokasi: Lembah Sungai Mekong
Masa: Abad Pertama
Pusat Kerajaan: Vyadhapura

2. Kerajaan Champa
Lokasi: Selatan dan tengah Vietnam.
Masa: Abad Kedua
Pusat Kerajaan: Indrapura

3. Kerajaan Srivijaya
Lokasi: Lembah Sungai Musi, Sumatera
Masa: Abad Ketujuh
Pusat Kerajaan: Palembang

4. Kerajaan Angkor
Lokasi: Lembah Sungai Mekong
Masa: Abad Kesembilan
Pusat Kerajaan: Hariharalaya

5. Kerajaan Majapahit
Lokasi: Lembah Sungai Brantas, Jawa Timur.
Masa: Abad Ke-13
Pusat Kerajaan: Kota Trowulan

6. Kerajaan Kedah Tua
Lokasi: Sungai Mas dan Sungai Bujang.
Masa: Abad Kelima
Pusat Kerajaan: Sungai Mas dan Pangkalan Bujang.

7. Kerajaan Gangga Nagara
Lokasi: Pantai barat bahagian tengah Tanah Melayu.
Masa: Abad Keenam
Pusat Kerajaan: Pangkalan

Kerajaan-kerajaan awal Alam Melayu.

Kewujudan kerajaan Alam Melayu sejak awal abad pertama membuktikan bahawa Alam Melayu juga mempunyai kerajaan yang sezaman dengan tamadun lain. Kerajaan ini telah berjaya membina kegemilangan yang agung. Kewujudan kerajaan ini menyedarkan kita bahawa kawasan yang kita diami ini juga mempunyai warisan kerajaan yang agung seperti tamadun lain di dunia.



Mengapakah kerajaan-kerajaan awal di Alam Melayu muncul di lembah sungai?

Pengenalan

Antara kerajaan Alam Melayu yang masyhur termasuklah Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit, Kedah Tua dan Gangga Nagara. Kemasyhuran kerajaan ini dapat dilihat dalam aspek pemerintahan, ekonomi, agama dan kemunculan pelabuhan.

Kerajaan Funan

Kerajaan Funan yang berpusat di Vyadhapura diasaskan oleh seorang Brahmin bernama Kaundinya. Beliau berkahwin dengan Soma, pemerintah wanita di Sungai Mekong dan membentuk kerajaan Funan.

Kemasyhuran

Kerajaan Funan masyhur semasa diperintah oleh Fan Shih-man. Beliau telah meluaskan empayar Funan ke Sungai Mekong hingga Teluk Camranh di sebelah timur. Kemudian, beliau menguasai selatan Myanmar dan Segenting Kra. Kejayaan beliau menguasai wilayah ini membolehkan Funan menguasai jalan perdagangan utama antara timur dengan barat. Kesannya, pada abad ketiga Funan menjadi pusat perdagangan utama di Alam Melayu.

Raja Funan terakhir ialah Rudravarman. Serangan kerajaan Chenla yang terletak di utara Funan telah menyebabkan kemerosotan kerajaan Funan.



Mengapakah golongan Brahmin penting dalam pemerintahan kerajaan Funan?

Kerajaan Champa

Kerajaan Champa diasaskan oleh Chu-Lien pada tahun 192 M. Pusat kerajaan ini adalah di Indrapura. Champa sering berhadapan dengan serangan dari Dai Viet. Chu-Lien berjaya membebaskan Champa daripada pengaruh China.

Kemasyhuran

Zaman kemasyhuran Champa bermula di bawah pemerintahan Che Bong Nga. Beliau berjaya mengatasi ancaman Dai Viet dan meluaskan empayar Champa ke wilayah Dai Viet hingga Lembah Sungai Merah. Serangan Champa ke wilayah Dai Viet berjaya membunuh Raja Tran Due Tong, pemerintah Dai Viet. Pemerintahan beliau mendapat pengiktirafan daripada Dinasti Ming pada tahun 1369.

Kemerosotan kerajaan Champa bermula apabila pemerintahnya, Indravarman meninggal dunia pada tahun 1441. Dai Viet menggunakan peluang ini dengan melancarkan beberapa serangan ke atas Champa. Pada tahun 1471, Champa ditawan oleh Dai Viet.

**Tahukah Anda?**

Kerajaan Dai Viet merujuk kawasan utara Vietnam hari ini.

Kerajaan Srivijaya

Kerajaan Srivijaya diasaskan oleh Dapunta Hyang Sri Jayanasa pada tahun 683 M di Palembang. Beliau telah memperkukuh kerajaan Srivijaya dengan menakluk kawasan sekitarnya seperti Bangka dan Taruma.

Kemasyhuran

Semasa era pemerintahan Sangramadhananjaya pada abad kelapan, Srivijaya telah berjaya menakluk Sumatera, selatan Myanmar, Tanah Melayu dan Segenting Kra. Penaklukan ini juga membolehkan Srivijaya menguasai jalan laut antarabangsa, iaitu Selat Melaka dan Selat Sunda, seterusnya menjadi kuasa perdagangan utama di Alam Melayu. Selain terkenal sebagai pusat perdagangan, Srivijaya menjadi pusat pengajian agama Buddha.

Serangan tentera Chola dari selatan India pada tahun 1025 telah menyebabkan kerajaan Srivijaya menjadi lemah.



Cerna Minda

Apakah faktor yang menyebabkan kerajaan Srivijaya menjadi lemah?



Mengapakah penguasaan jalan laut antarabangsa membolehkan sesebuah kerajaan menjadi masyhur?

Kerajaan Angkor

Kerajaan Angkor yang berpusat di Hariharalaya diasaskan oleh Jayavarman II dari Chenla. Beliau telah menyatukan wilayah di Lembah Sungai Mekong.

Kemasyhuran

Suryavarman II meluaskan empayar Angkor ke sekitar Lembah Sungai Mekong hingga selatan Myanmar. Beliau berjaya menghalang ancaman daripada Champa dan Dai Viet, di samping mewujudkan jalinan perdagangan antara pedagang tempatan dengan pedagang luar. Usaha beliau ini diteruskan pula oleh Jayavarman VII yang telah meluaskan empayar Angkor hingga sempadan Annam. Beliau membina Angkor Thom dan mendirikan 102 buah hospital.

Selepas kematian Jayavarman VII, Angkor mula lemah. Serangan Siam pada tahun 1594 telah melemahkan kerajaan Angkor.



Cerna Minda

Siapakah pemerintah Angkor yang berjaya meluaskan empayar hingga sempadan Annam?



Apakah kepentingan jalinan perdagangan antara pedagang tempatan dengan pedagang luar kepada kerajaan Alam Melayu?



Aktiviti

"Saya Lihat, Saya Fikir, Saya Bertanya" (I See, I Think, I Wonder)

Gambar menunjukkan salah sebuah pintu di dalam Angkor Thom. Angkor Thom merupakan ibu kota kerajaan Angkor.



(Sumber: Michael Freeman dan Claude Jacques, *Ancient Angkor*, Bangkok: Rivers Books Ltd., 2007, hlm. 74)

Secara berkumpulan, bincang dan lakukan aktiviti yang berikut:

1. Kaji gambar Angkor Thom dan tuliskan apa-apa yang dapat anda lihat.
2. Dengan merujuk pelbagai sumber dan melayari Internet, kumpulkan maklumat tentang Angkor Thom:
 - (a) Apakah jenis bahan binaan yang digunakan?
 - (b) Berapakah tempoh masa yang diambil untuk membinanya?
 - (c) Bagaimanakah masyarakat kerajaan Angkor membinanya?
 - (d) Mengapakah masyarakat kerajaan Angkor membinanya?
3. Kaitkan kepentingan Angkor Thom pada masa ini. 🌂
4. Dapatkan maklumat dibentangkan di dalam kelas secara bergilir-gilir. Setiap kumpulan dibenarkan bertanya bagi mendapatkan maklumat tambahan.

Kerajaan Majapahit

Kerajaan Majapahit diasaskan oleh Raden Vijaya dengan bantuan tentera Mongol dalam perebutan kuasa di Jawa pada tahun 1294. Kerajaan ini berpusat di Kota Trowulan.

Kemasyhuran

Kemasyhuran Majapahit bermula dengan pelantikan Patih Gajah Mada sebagai Perdana Menteri (Majapahit) oleh pemerintah Tribuana Tunggaladewi. Patih Gajah Mada berjaya mengembalikan keamanan dan keselamatan kerajaan Majapahit. Beliau juga mula meluaskan tanah jajahannya ke timur Pulau Jawa; pesisir pantai timur Sumatera; pesisir selatan dan barat Pulau Borneo; bahagian selatan dan timur Sulawesi; dan Kepulauan Maluku. Hal ini menjadikan Majapahit sebagai pusat perdagangan pada abad ke-14.

Kematian Patih Gajah Mada dan serangan kerajaan Demak pada tahun 1478 telah menyebabkan kerajaan Majapahit menjadi lemah.



Cerna Minda

Namakan kawasan perluasan kuasa oleh Patih Gajah Mada.

Kerajaan Kedah Tua

Kemunculan kerajaan Kedah Tua bermula dengan penglibatan masyarakat di Guar Kepah yang menjalankan kegiatan perdagangan dengan pedagang dari luar di Sungai Mas. Pada peringkat awal, pusat kerajaan ini adalah di Sungai Mas dan Pangkalan Bujang. Kewujudan kerajaan Kedah Tua ini diperkukuhkan dengan catatan golongan agama dan pedagang dari China, India dan Arab-Parsi. Sumber China menamakan kerajaan Kedah Tua sebagai Chieh Ch'a. Manakala sumber dari India dan Arab, masing-masing merujuk kerajaan Kedah Tua sebagai Kataha dan Kalah-bar.

Kemasyhuran

Kemasyhuran kerajaan Kedah Tua dikaitkan dengan kepesatan kegiatan perdagangan di Lembah Bujang. Pedagang dari timur dan barat datang untuk menjalankan kegiatan perdagangan dengan penduduk tempatan dan pedagang luar yang lain. Seiring dengan kemajuan perdagangan ini, kerajaan Kedah Tua juga menjadi pusat keagamaan agama Buddha. Kemasyhuran kerajaan Kedah Tua ini menyebabkan kerajaan Srivijaya menguasai Kedah Tua. Namun begitu, serangan tentera Chola dari India pada tahun 1025 telah melemahkan kegiatan perdagangan di Kedah Tua.

Kerajaan Kedah Tua mula mengalami perubahan pemerintahan pada abad ketujuh apabila munculnya pengasasan Kesultanan Kedah yang memulakan kerajaan baharu di Kedah.



Cerna Minda

Apakah faktor kemasyhuran kerajaan Kedah Tua?



Penemuan beberapa buah candi di kawasan Lembah Bujang yang menunjukkan kewujudan kerajaan Kedah Tua.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Early History*, Singapura: Didier Millet, 1998, hlm. 106)

Kerajaan Gangga Nagara

Berdasarkan kajian arkeologi, kerajaan Gangga Nagara muncul pada abad keenam. Walau bagaimanapun, kerajaan Gangga Nagara telah berfungsi sebagai pusat pelabuhan sejak abad kelima. Menurut sumber tradisi, pengasas kerajaan Gangga Nagara ialah Raja Ganji Sarjuna. Terdapat pendapat lain yang menyatakan kerajaan Gangga Nagara ini dibuka oleh Raja Khmer dari Kemboja. Pada peringkat awal pusat kerajaan ini adalah di Pangkalan.

Kemasyhuran

Kemasyhuran kerajaan Gangga Nagara bermula pada abad kesembilan. Sejak abad kelima, kerajaan Gangga Nagara sering dikunjungi oleh pedagang luar kerana kekayaan hasil bumi seperti emas dan bijih timah. Kerajaan Gangga Nagara juga berjaya mempertahankan kedaulatannya daripada serangan kerajaan Srivijaya pada tahun 850 M.

Kerajaan Gangga Nagara mulai lemah apabila diserang oleh tentera Chola dari India pada tahun 1025. Serangan ini telah memusnahkan pelabuhan Gangga Nagara.



Cerna Minda

Apakah kekayaan hasil bumi kerajaan Gangga Nagara?

Kerajaan Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit, Kedah Tua dan Gangga Nagara merupakan kerajaan yang masyhur. Kerajaan ini merupakan contoh kebijaksanaan kepimpinan masyarakat Alam Melayu. Oleh sebab itu, kebijaksanaan dan kemasyhuran ini wajar menjadi contoh kepada kita untuk membina tamadun bangsa yang setanding dengan bangsa-bangsa lain di dunia.



Kaitkan kepimpinan pemerintah dengan kemasyhuran sesebuah kerajaan.

1.4


Kerajaan Alam Melayu dan Kerajaan Luar yang Sezaman

Pengenalan

Kerajaan Alam Melayu muncul sezaman dengan kerajaan-kerajaan luar yang lain. Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan Alam Melayu membangun dan maju setanding dengan kerajaan tersebut. Kerajaan Alam Melayu juga mempunyai hubungan perdagangan, keagamaan dan diplomatik dengan kerajaan ini.

Kerajaan Luar yang Sezaman

Abad Pertama



Pada abad pertama, kemunculan kerajaan Funan sezaman dengan empayar Rom, empayar Parsi, empayar Kushan dan Dinasti Han.



Kerajaan
Awal Alam
Melayu



Cerna Minda


Namakan kerajaan luar yang sezaman dengan kerajaan Alam Melayu.

Abad Kesembilan



Pada abad kesembilan, kerajaan Champa, Srivijaya dan Angkor sezaman dengan kerajaan Abbasiyah, empayar Byzantine, Dinasti Tang dan kerajaan Chola.

Abad Ke-14



Pada abad ke-14, kerajaan Champa, Angkor dan Majapahit sezaman dengan empayar Mongol, kerajaan Turki Uthmaniyah dan Kesultanan Delhi.

Gapura Bajang Ratu, kerajaan Majapahit.

Kerajaan Alam Melayu merupakan kerajaan yang penting dan mempunyai tamadun tinggi yang setanding dengan kerajaan luar yang lain.



Kerajaan Alam Melayu muncul sezaman dengan kerajaan-kerajaan luar yang lain. Buktikan.

Hubungan Perdagangan

Kerajaan Alam Melayu menjalinkan hubungan perdagangan dengan kerajaan luar. Kedudukan strategik di laluan perdagangan timur dan barat serta kekayaan hasil bumi mendorong pemerintah kerajaan Alam Melayu menjalinkan hubungan perdagangan dengan kerajaan lain.



Jalan perdagangan Alam Melayu dengan kerajaan luar bermula dari abad pertama hingga abad ke-15.

Perkembangan hubungan perdagangan ini menunjukkan amalan sikap keterbukaan para pemerintah kerajaan Alam Melayu telah membawa kemakmuran ekonomi.



Cerna Minda

Berdasarkan peta di atas, nyatakan pelabuhan yang terdapat di India dan China.



Apakah kepentingan kegiatan perdagangan terhadap sesebuah negara pada masa ini?

Hubungan Keagamaan

Hubungan kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar mendorong penyebaran agama Hindu, Buddha dan Islam. Penyebaran agama-agama ini telah mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan seperti pentadbiran, perundangan, ekonomi dan sosiobudaya.

Hindu

Terdapat beberapa cara penyebaran agama Hindu di Alam Melayu, iaitu melalui peranan pedagang, tentera dan golongan Brahmin.



Penemuan artifak pengaruh Hindu di Lembah Bujang, Kedah.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Early History*, Singapura: Didier Millet, 1998, hlm. 120)

Buddha

Peranan Asoka, pemerintah empayar Maurya, menghantar sami-sami Buddha ke Alam Melayu untuk menyebarkan agama Buddha.



Penemuan artifak pengaruh Buddha di Lembah Bujang, Kedah.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Early History*, Singapura: Didier Millet, 1998, hlm. 96)

Islam

Terdapat beberapa cara penyebaran agama Islam di Alam Melayu, iaitu melalui peranan pedagang, pemerintah dan pendakwah.



Ukiran pengaruh Islam yang ditemukan di Beruas, Perak.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Early History*, Singapura: Didier Millet, 1998, hlm. 132)

Penyebaran agama-agama ini ke Alam Melayu menggambarkan sikap keterbukaan penduduk Alam Melayu. Agama Hindu dan Buddha telah dianuti oleh sebahagian penduduk tempatan. Setelah kedatangan agama Islam, sebahagian besar penduduk di Alam Melayu menganut agama ini.



Cerna Minda

Bagaimanakah agama Hindu, Buddha dan Islam tersebar ke Alam Melayu?

Hubungan Diplomatik

Hubungan diplomatik merupakan hubungan politik antara dua kerajaan. Dalam hal ini, kerajaan Alam Melayu telah menjalankan hubungan diplomatik dengan kerajaan di China dan India bagi mengukuhkan kedudukannya dan membuka jalan kepada perkembangan perdagangan.


Hubungan Kerajaan Alam Melayu dengan China



KPS

Bina garis masa hubungan kerajaan Alam Melayu dengan China.

Hubungan Kerajaan Alam Melayu dengan India



Hubungan diplomatik antara kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar menunjukkan usaha persahabatan yang cuba dijalinan antara kerajaan.

Kerajaan-kerajaan Alam Melayu bersifat terbuka dan saling menghormati dalam menjalinan hubungan dengan kerajaan luar. Hubungan ini penting untuk membantu kemajuan kerajaan Alam Melayu. Jelaslah bahawa pemerintah kerajaan Alam Melayu bijak mengurus hubungan kerajaannya dengan kerajaan luar.



Aktiviti

"Fikir-Pasangan-Kongsi" (*Think-Pair-Share*)



Berdasarkan peta kerajaan Alam Melayu di sebelah, lakukan aktiviti yang berikut:

- Secara individu, kenal pasti lokasi kerajaan Alam Melayu yang masyhur.
- Bincangkan dengan rakan sekelas tentang negara dan ibu negara Asia Tenggara yang ada pada hari ini. Kemudian, senaraikannya.
- Kongsikan hasil perbincangan di dalam kelas.



Imbas Kembali

Kerajaan Alam Melayu

Konsep Alam Melayu

- Aspek Geografi
- Aspek Bahasa
- Aspek Budaya

Kewujudan Kerajaan Alam Melayu

- Kerajaan Funan
- Kerajaan Champa
- Kerajaan Srivijaya
- Kerajaan Angkor
- Kerajaan Majapahit
- Kerajaan Kedah Tua
- Kerajaan Gangga Nagara

Kerajaan Alam Melayu yang Masyhur

- Kemasyhuran

Kerajaan Alam Melayu dan Kerajaan Luar yang Sezaman

- Hubungan Perdagangan
- Hubungan Keagamaan
- Hubungan Diplomatik



1. Kerajaan Funan
Lokasi: Lembah Sungai Mekong
Masa: Abad Pertama
Pusat Kerajaan: Vyadhapura

3. Kerajaan Srivijaya
Lokasi: Lembah Sungai Musi, Sumatera
Masa: Abad Ketujuh
Pusat Kerajaan: Palembang

6. Kerajaan Kedah Tua
Lokasi: Sungai Mas dan Sungai Bujang.
Masa: Abad Kelima
Pusat Kerajaan: Sungai Mas dan Pengkalan Bujang.

2. Kerajaan Champa
Lokasi: Selatan dan tengah Vietnam.
Masa: Abad Kedua
Pusat Kerajaan: Indrapura

4. Kerajaan Angkor
Lokasi: Lembah Sungai Mekong
Masa: Abad Kesembilan
Pusat Kerajaan: Hariharalaya

5. Kerajaan Majapahit
Lokasi: Lembah Sungai Brantas, Jawa Timur.
Masa: Abad Ke-13
Pusat Kerajaan: Kota Trowulan

7. Kerajaan Gangga Nagara
Lokasi: Pantai barat bahagian tengah Tanah Melayu.
Masa: Abad Keenam
Pusat Kerajaan: Pangkalan

Kerajaan-kerajaan awal Alam Melayu.



Gapura Bajang Ratu, kerajaan Majapahit.

Bab ini telah menjelaskan bahawa Alam Melayu merupakan lingkungan kawasan yang luas dalam aspek geografi, keserumpunan bahasa dan budaya. Kerajaan ini telah mencapai kegemilangan dan menjadi masyhur. Kegemilangan ini juga dikaitkan dengan keterbukaan kerajaan Alam Melayu untuk mengadakan hubungan dengan kerajaan luar. Bab seterusnya akan membincangkan kegemilangan kerajaan Alam Melayu dalam aspek pemerintahan dan ekonomi.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Penduduk Alam Melayu mempunyai ikatan keserumpunan.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah aspek keserumpunan tersebut?

- I. Agama
 - II. Bahasa
 - III. Budaya
 - IV. Ekonomi
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

2.
 - Kerajaan ini diasaskan oleh Jayavarman II.
 - Kerajaan ini terletak di Lembah Sungai Mekong.

Kerajaan Alam Melayu yang manakah berkaitan dengan maklumat di atas?

- A. Funan
- B. Angkor
- C. Champa
- D. Srivijaya

3. Mengapakah peranan Patih Gajah Mada dianggap penting kepada kerajaan Majapahit?
 - A. Meluaskan empayar.
 - B. Mengasaskan kerajaan.
 - C. Menyebarkan pegangan agama.
 - D. Menguasai laluan perdagangan.
4. Apakah kepentingan hubungan diplomatik kepada kerajaan Alam Melayu?
 - A. Kesetiaan rakyat.
 - B. Kemakmuran negara.
 - C. Peningkatan penduduk.
 - D. Pengekalan sumber alam.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5.




Nama: _____



Nama: _____



Nama: _____



Berdasarkan gambar di atas, jawab soalan yang berikut:

- Namakan tokoh di atas yang mentakrifkan konsep Alam Melayu mengikut aspek geografi.
- Padankan gambar tokoh di atas dengan peta geografi di sebelahnya.
- Nyatakan pendapat tokoh lain tentang konsep Alam Melayu berdasarkan aspek geografi.

6. Kerajaan Alam Melayu juga merupakan kerajaan yang penting dan mempunyai tamadun tinggi yang setanding dengan kerajaan luar yang lain.

Berdasarkan pernyataan di atas, jawab soalan yang berikut:

- Senaraikan kerajaan luar yang sezaman dengan kerajaan Alam Melayu pada abad pertama.
 - Nyatakan kegemilangan kerajaan Alam Melayu dalam aspek perluasan kuasa.
 - Pada pendapat anda, bagaimanakah kita dapat meneruskan kegemilangan tamadun kerajaan Alam Melayu? 🍷
7. Secara berkumpulan, hasilkan satu buletin tentang hubungan kerajaan Alam Melayu dengan China dan India. Aspek perbincangan buletin hendaklah mengandungi perkara yang berikut:
- Bentuk hubungan.
 - Cara penghantaran utusan.
 - Tujuan jalinan hubungan.



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Apabila mempelajari budaya serumpun, kita memperoleh pengetahuan tentang persamaan amalan budaya masyarakat.
- Pemahaman sejarah kewujudan kerajaan Alam Melayu dapat melahirkan rasa bangga akan kegemilangan negara.
- Hubungan antara kerajaan Alam Melayu dengan kerajaan luar mendidik kita agar menjalinkan kerjasama dan bersifat terbuka untuk kemakmuran negara.

Diri dan Keluarga

Sikap toleransi dan berbaik-baik dengan ahli keluarga akan mengukuhkan institusi kekeluargaan.

Negara

Sebagai warganegara Malaysia, kita harus berbangga kerana negara kita bersifat terbuka dalam menjalinkan hubungan persahabatan dengan negara luar. Oleh itu, kita perlu menjaga imej baik negara di mata masyarakat antarabangsa.



Jalinan persahabatan antara negara ASEAN (Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara - *The Association of Southeast Asian Nations*) dengan negara maju dapat memberikan faedah kepada kedua-dua belah pihak dalam memajukan negara masing-masing.

BAB 2

SISTEM PEMERINTAHAN DAN KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT KERAJAAN ALAM MELAYU



Sinopsis

Kerajaan Alam Melayu mempunyai sistem pemerintahan tersendiri, iaitu sistem beraja. Masyarakat kerajaan Alam Melayu juga menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi seperti pertanian, perdagangan, mengutip hasil hutan dan hasil laut serta perlombongan dan pembuatan.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menerangkan sistem pemerintahan kerajaan Alam Melayu.
2. Menghuraikan kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menilai kepentingan kebijaksanaan pemimpin dalam mentadbir negara.
2. Menghuraikan kepentingan menghargai warisan kerajaan Alam Melayu.
3. Menerangkan iktibar yang diperoleh daripada kegemilangan kerajaan Alam Melayu.
4. Merumuskan kepentingan kehidupan berorganisasi dalam membentuk kemakmuran negara.



Ukiran kapal dagang pada dinding Candi Borobudur yang menggambarkan kegiatan perdagangan masyarakat Alam Melayu.

(Sumber: Koleksi Suffian Mansor, 2015)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi pemerintahan kerajaan Alam Melayu.
2. Meneroka bukti perkembangan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu.
3. Membuat interpretasi kehebatan sistem pemerintahan kerajaan Alam Melayu.
4. Membuat imaginasi kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu.
5. Membuat rasionalisasi hubungan antara kerajaan Alam Melayu dengan tamadun dunia.

2.1

Sistem Pemerintahan

Pengenalan

Sistem pemerintahan yang diamalkan oleh kerajaan Alam Melayu yang masyhur ialah sistem beraja. Sistem beraja ini terbahagi kepada dua, iaitu pusat dan wilayah.

KERAJAAN FUNAN

Raja

Raja-raja Funan menggunakan pelbagai gelaran. Antaranya termasuklah Kurung Bnam yang bermaksud raja gunung, Rajadhiraja yang melambangkan raja Funan sebagai raja segala raja dan Cakravatin yang bermaksud pemerintah alam sejagat.

Pemerintahan Pusat dan Wilayah

Raja Funan dibantu oleh golongan agama dan golongan tentera.

Funan dibahagikan kepada tujuh buah wilayah. Ketua wilayah ini terdiri daripada putera-putera raja. Mereka digelar sebagai Raja Kecil.

KERAJAAN CHAMPA

Raja

Raja-raja Champa menggunakan gelaran Rajadhiraja. Raja-raja Champa diiktiraf sebagai pemerintah yang mulia dan suci serta dikaitkan dengan Dewa Siva.

Pemerintahan Pusat dan Wilayah

Raja Champa dibantu oleh para pembesar yang bertanggungjawab mengutip cukai, menjaga keamanan dan mengukuhkan pertahanan.

Pada peringkat wilayah, Champa dibahagikan kepada lima wilayah, iaitu Indrapura, Amaravati, Vijaya, Kauthara dan Panduranga.



Inskripsi pada Telaga Batu tentang sistem pemerintahan kerajaan Srivijaya.

(Sumber: Koleksi Mardiana Nordin, 2015)

KERAJAAN SRIVIJAYA

Raja

Raja-raja Srivijaya mempunyai unsur kesaktian dan dianggap sebagai Bodhisattva yang merujuk peranan raja sebagai Buddha di bumi. Raja Srivijaya digelar sebagai Raja di Gunung dan Maharaja di Pulau.

Pemerintahan Pusat dan Wilayah

Raja dibantu oleh Yuvaraja, iaitu Putera Mahkota, Pratiyuvaraja sebagai Raja Muda dan Rajakumara. Raja turut dibantu oleh golongan agama, tentera, pemungut cukai, hakim dan penjaga harta kerajaan.

Pentadbiran wilayah terbahagi kepada dua, iaitu Kedatuan yang ditadbir oleh Datu berketurunan raja dan Pradatuan yang ditadbir oleh Datu bukan berketurunan raja.



Glosari

Inskripsi: kata, ungkapan, lambang yang ditulis atau diukir pada permukaan sesuatu objek.



Cerna Minda

Siapakah yang layak menggunakan gelaran Raja Kecil?

KERAJAAN ANGKOR

Raja

Raja-raja Angkor menggunakan gelaran Dewaraja yang mengaitkan raja sebagai dewa. Kuasa kedua dan ketiga yang penting dalam sistem pemerintahan ialah Permaisuri dan Raja Muda.

Pemerintahan Pusat dan Wilayah

Raja-raja Angkor dibantu oleh pembesar-pembesar yang bertanggungjawab dalam bidang keagamaan, kehakiman, keselamatan dan perbendaharaan.

Pada peringkat wilayah, Angkor dibahagikan kepada wilayah, daerah, daerah kecil dan kampung.

KERAJAAN KEDAH TUA

Kerajaan Kedah Tua banyak dibayangi oleh kerajaan besar di Alam Melayu terutamanya kerajaan Srivijaya. Namun begitu, kerajaan Kedah Tua mempunyai bentuk pentadbiran yang mudah dengan adanya seorang ketua. Ketua ini mengurus hal perdagangan dan keagamaan. Apabila kerajaan Kedah Tua menjadi sebahagian daripada kerajaan Srivijaya, corak pemerintahannya berubah. Kerajaan Kedah Tua menjadi sebahagian daripada Pradatuan kerajaan Srivijaya.

KERAJAAN MAJAPAHIT

Raja

Raja-raja Majapahit menggunakan gelaran Maharaja, Sri Maharaja dan Sri Bathara.

Pemerintahan Pusat dan Wilayah

Raja dibantu oleh Sapta Prabu dan para pembesar. Sapta Prabu ialah Majlis Penasihat Diraja yang terdiri daripada kerabat diraja

Majapahit dibahagikan kepada 14 wilayah. Setiap wilayah ini dipecahkan kepada Kabupaten, Kawadanan, Pakuwuan dan Kebuyutan, iaitu daerah dan daerah kecil serta kampung.

KERAJAAN GANGGA NAGARA


Struktur pemerintahan kerajaan Gangga Nagara tidak jelas. Kajian menunjukkan kerajaan Gangga Nagara mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Raja ini berperanan membangunkan kemajuan perdagangan dan bertanggungjawab dalam hal ehwal keselamatan.

Sistem pemerintahan merupakan tonggak penting dalam usaha raja-raja kerajaan Alam Melayu untuk membangunkan kerajaannya. Sistem pemerintahan yang teratur dengan susunan kuasa raja di puncak pemerintahan yang dibantu oleh pembesar pusat dan wilayah telah mewujudkan kestabilan di Alam Melayu. Oleh itu, kita harus menghargai kestabilan dan keamanan negara supaya kita dapat hidup makmur dan maju.



Tahukah Anda?

Wanita kerabat diraja mendapat tempat yang tinggi dalam pentadbiran kerajaan Majapahit. Mereka menjadi anggota Sapta Prabu, malahan ada yang dilantik menjadi raja.



Terdapat dua golongan utama dalam struktur sosial masyarakat kerajaan Alam Melayu, iaitu golongan pemerintah dan golongan diperintah. Anda akan mempelajarinya dengan lebih lanjut dalam Bab 3.



Apakah kebaikan sistem pemerintahan beraja?

2.2 Kegiatan Ekonomi

Pengenalan

Petempatan awal dan peranan sungai dalam mengembangkan kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu telah dibuktikan melalui penemuan arkeologi seperti yang anda pelajari semasa di Tingkatan 1. Masyarakat kerajaan Alam Melayu menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi seperti pertanian, perdagangan, mengutip hasil hutan dan laut, serta perlombongan dan pembuatan.

Pertanian

Alam Melayu mempunyai tanah yang subur untuk kegiatan pertanian. Pada tahap awal, kegiatan pertanian bertujuan untuk menyara diri sahaja. Namun begitu, apabila terdapat lebih hasil pertanian, lebih tersebut akan dipasarkan atau dibekalkan untuk memenuhi keperluan penduduk yang tidak terlibat dalam kegiatan pertanian. Sebahagian besar kawasan Alam Melayu ditanam dengan padi.



Baray



Padi ditanam di kawasan tanah tinggi atau bukit yang kurang mendapat bekalan air dengan dibuat teres atau relung.

Padi

Kerajaan Funan, Kerajaan Champa dan Kerajaan Angkor

Kerajaan Funan dan Angkor yang terletak di Lembah Sungai Mekong mendapat manfaat daripada kesuburan tanahnya. Hujan membekalkan air ke tasik-tasik besar seperti Tonle Sap yang digunakan untuk mengairi kawasan padi sawah. Pemerintah Angkor telah membina kolam yang dikenali sebagai *baray* untuk menyimpan air. Di Angkor, penanaman padi menuai hasil tiga hingga empat kali setahun. Di Champa pula, terdapat Ketua Air di setiap kampung untuk menyelenggarakan terusan dan daik.

Kerajaan Majapahit

Pulau Jawa mempunyai tanah subur yang sesuai untuk kegiatan pertanian. Sungai Bengawan Solo dan Sungai Brantas membekalkan air untuk pengairan padi sawah. Pemerintah Majapahit telah membina beberapa sistem pengairan untuk meningkatkan pengeluaran padi sawah.

Kerajaan Srivijaya

Padi menjadi tanaman utama kerajaan Srivijaya. Padi sawah ditanam di kawasan pedalaman Palembang terutama di Tanah Tinggi Pasemah dan Hulu Musi.



Glosari

Daik: benteng atau tembok panjang yang dibuat daripada tanah untuk menahan air dan mencegah banjir.



Tahukah Anda?

Sungai Bengawan Solo pernah diabadikan dalam lagu *Bengawan Solo* oleh Gesang Martohartono. Lagu ini menceritakan kesibukan sungai tersebut dalam urusan perdagangan. Lagu ini diterjemahkan ke dalam 13 bahasa dunia.



Cerna Minda

Nyatakan faktor kemajuan penanaman padi di Alam Melayu.

Rempah-Ratus

Rempah-ratus yang terdapat di Alam Melayu ialah bunga cengkih, buah pala dan lada hitam. Bunga cengkih ditanam di Kepulauan Maluku, buah pala pula ditanam di Pulau Banda, manakala lada hitam ditanam di Sumatera dan Jawa.



Bunga Cengkih



Buah Pala



Lada Hitam



Kegiatan Pertanian yang Lain

Selain tanaman padi, masyarakat kerajaan Alam Melayu juga mengusahakan tanaman lain seperti pisang, tebu, bijan, kekacang, kelapa, sayuran dan buah-buahan. Mereka turut terlibat dalam kegiatan menangkap ikan di sawah, paya dan sungai. Malahan ada yang berusaha mendapatkan kulit kura-kura.

Nasi merupakan makanan ruji penduduk Alam Melayu, oleh sebab itulah tanaman padi menjadi keutamaan dalam bidang pertanian. Hanya di bahagian kepulauan Alam Melayu, bunga cengkih, buah pala dan lada hitam ditanam sebagai tanaman dagangan.



Kegiatan
Ekonomi
Masyarakat
Alam
Melayu



Aktiviti

"Kumpulan Pelangi" (Rainbow Groups)

1. Murid-murid dibahagikan kepada empat kumpulan utama.
2. Setiap kumpulan dibahagikan pula kepada empat tajuk perbincangan yang berbeza-beza seperti yang berikut:
 - (a) Pertanian merupakan perniagaan. Buktikan.
 - (b) Bagaimanakah rempah ratus dapat dikomersialkan?
 - (c) Berikan hujah yang menyokong pernyataan bahawa pertanian bergantung pada tanah yang subur.
 - (d) Kaitkan kemajuan kegiatan pertanian dengan sumbangan teknologi.
3. Selepas berbincang, bina kumpulan yang baharu yang terdiri daripada ahli kumpulan lain.
4. Setiap ahli kumpulan akan menyatakan hasil perbincangan daripada kumpulan asal kepada ahli kumpulan yang baharu secara bergilir-gilir.

Perdagangan

Perdagangan merupakan kegiatan ekonomi yang penting bagi kerajaan Alam Melayu. Barangan dari Alam Melayu menjadi tarikan pedagang luar. Selain itu, kedudukan Alam Melayu di tengah-tengah laluan perdagangan timur dan barat, dan adanya kemudahan pelabuhan telah membolehkan kerajaan Alam Melayu berkembang maju hasil kegiatan perdagangan dengan pedagang luar. Pelabuhan tersebut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti bekalan air, tempat tinggal, tempat menyimpan barang dagangan dan kawasan berjual beli.



Tahukah Anda?

Di pelabuhan Kerajaan Srivijaya, terdapat jawatan Tuhan Vatakvurah yang berperanan sebagai penyelia kegiatan perdagangan dan perkapalan.

Kerajaan Funan

Pelabuhan: Oc Eo

Barang didagangkan: Damar, kapur barus, kayu cendana dan gaharu.

Kerajaan Champa

Pelabuhan: Turan, Kam ran, Sri Banoy dan Maliti.

Barang didagangkan: Beras, emas, perak, gading gajah dan gaharu.

Kerajaan Srivijaya

Pelabuhan: Palembang

Barang didagangkan: Damar, kapur barus, gaharu, madu, rotan, rempah, mutiara, rumpai laut, gading gajah dan sumbu badak.

Kerajaan Angkor

Pelabuhan: Yasodharapura

Barang didagangkan: Gaharu, buah pelaga, lilin lebah, minyak sayuran, damar dan gading gajah.

Kerajaan Majapahit

Pelabuhan: Tuban, Sidayu, Gresik dan Surabaya.

Barang didagangkan: Rempah, beras, rotan, kayu cendana, gaharu, ikan, kulit penyu dan mutiara.

Kerajaan Kedah Tua

Pelabuhan: Sungai Mas dan Pangkalan Bujang

Barang didagangkan: Rotan, damar, kayu cendana dan gading gajah.

Kerajaan Gangga Nagara

Pelabuhan: Pangkalan, Lembah Kinta, Tanjung Rambutan, Bidor dan Sungai Siput.

Barang didagangkan: Emas, bijih timah, rempah ratus, kapur barus dan damar.



KPS

Rasionalkan kepentingan pelabuhan dan kemajuan kegiatan perdagangan.

Gambar latar belakang: Sungai Musi di Palembang merupakan kawasan kegiatan perdagangan kerajaan awal Alam Melayu yang mencapai zaman kemuncak semasa zaman kerajaan Srivijaya.



Rempah merupakan barang dagangan utama dari Alam Melayu.



Damar



Madu



Mangkuk zaman Dinasti Tang.



Manik



Laluan
Perdagangan
Kerajaan Awal



Cerna Minda

Nyatakan pelabuhan-pelabuhan kerajaan Alam Melayu.



Aktiviti

"Pembentangan Hasil Kendiri" (Self Access Learning)



Gambar di sebelah menunjukkan ukiran kapal pada dinding Candi Borobudur.

1. Apakah yang dapat dilihat pada ukiran tersebut?
2. Apakah jenis barangan yang boleh dimuatkan di dalam kapal dagang tersebut?
3. Lakarkan replika kapal dagang pada masa dahulu.
4. Bandingkan binaan kapal dagang dahulu dengan kapal dagang sekarang. 🌸
5. Bentangkan hasil dapatan.

Pedagang Luar

Pedagang luar yang sering berdagang dengan Alam Melayu adalah dari China, India, Arab dan Parsi. Mereka membawa pelbagai barang dagangan untuk dijual dan ditukar dengan barangan daripada kerajaan Alam Melayu.

Pedagang-pedagang China membawa pelbagai barangan dari China seperti sutera, tembikar, pinggan dan mangkuk, payung, gula dan gendang untuk mendapatkan barangan terutama yang mempunyai nilai perubatan dari Alam Melayu.

Pedagang India pula membawa kain kapas, tembikar dan pelbagai jenis batu berharga seperti akik dan karnelian untuk dijual kepada penduduk tempatan. Mereka mendapatkan kain sutera dari China dan pelbagai jenis barang dari Alam Melayu seperti rempah, gaharu dan kapur barus.

Pedagang Arab dan Parsi membawa pelbagai jenis tembikar, minyak wangi, barangan kaca dan manik yang didagangkan dengan kerajaan Alam Melayu. Di Alam Melayu, mereka membeli rempah dan kayu wangi untuk didagang semula ke Tanah Arab dan Rom.



Selain digunakan untuk membuat pakaian, sutera juga digunakan sebagai warkah diraja dan panji-panji kerajaan.

Aktiviti perdagangan di Alam Melayu telah membantu membangunkan pelabuhan dan memajukan pembuatan kapal. Masyarakat kerajaan Alam Melayu juga mahir membuat kapal dan menguasai ilmu pelayaran. Mereka mampu belayar hingga Afrika. Kita harus menghargai dan mencontohi kegigihan mereka memajukan diri ini.

Hasil Hutan dan Laut

Kerajaan Alam Melayu kaya dengan hasil hutan dan laut. Pada peringkat awal, masyarakat kerajaan Alam Melayu menjalankan kegiatan mengutip hasil hutan dan hasil laut bagi kegunaan mereka sahaja. Apabila kegiatan ini membawa hasil yang melebihi keperluan masyarakat setempat, maka lebihan ini didagangkan dalam kalangan petempatan tersebut. Kawasan petempatan ini seterusnya berkembang menjadi kawasan perdagangan. Antara hasil hutan dan laut yang mendapat permintaan tinggi daripada pedagang asing termasuklah gaharu, sarang burung, rotan, kapur barus, gamat, mutiara dan rumpai laut.

Hasil Hutan

Gaharu digunakan sebagai bahan pewangi dan perubatan. Gaharu banyak didapati di hutan Sungai Mekong, Tanah Melayu dan Sumatera.



Sarang burung layang-layang banyak didapati di utara Pulau Borneo dan digunakan untuk kesihatan dan perubatan.

Rotan mudah didapati di seluruh Alam Melayu. Rotan digunakan sebagai bahan binaan dan barang kraf tangan.



Kapur barus banyak ditemukan di Sumatera dan Borneo. Kapur barus digunakan sebagai bahan pewangi.

Hasil Laut



Gamat dijadikan bahan makanan dan perubatan.



Rumpai laut dijadikan makanan.



Mutiara dijadikan barang perhiasan.

Gamat, mutiara dan rumpai laut mudah didapati di perairan Alam Melayu terutama di Selat Melaka dan Laut Sulu.

Hasil hutan dan laut ini mendapat permintaan tinggi daripada pedagang kerana mempunyai pelbagai kegunaan seperti sumber makanan, ubatan, wangian, perhiasan dan bahan binaan.



Cerna Minda

Nyatakan hasil hutan dan hasil laut masyarakat kerajaan Alam Melayu.




Bagaimanakah kita boleh mengkomersialkan hasil hutan dan hasil laut negara?


Perlombongan dan Pembuatan

Masyarakat kerajaan Alam Melayu turut menjalankan kegiatan perlombongan dan pembuatan. Perlombongan ialah kegiatan melombong emas, perak dan bijih besi. Pada peringkat awal, masyarakat kerajaan Alam Melayu menjalankan kegiatan melombong dengan cara mendulang secara kecil-kecilan. Pembuatan pula ialah kegiatan membuat barang harian dan mewah seperti perhiasan emas, cuka kelapa, pembuatan garam dan pembuatan tembikar.

Perlombongan



Pembuatan



Kekayaan sumber alam di Alam Melayu menyebabkan pelbagai kegiatan ekonomi dapat dijalankan. Kebijakan pemerintah mengurus sumber alam dan kegigihan rakyat bekerja telah memakmurkan Alam Melayu. Oleh sebab itu, kita harus bijak memanfaatkan dan mengurus alam sekitar untuk memajukan diri dan negara.



Cerna Minda


Nyatakan kegunaan hasil perlombongan.




Imbas Kembali

Sistem Pemerintahan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

Sistem Pemerintahan



Kegiatan Ekonomi



Kerajaan Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit, Kedah Tua dan Gangga Nagara mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Pemerintahan ini terdiri daripada dua peringkat, iaitu pusat dan wilayah. Kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu juga berkembang dengan maju seiring dengan pemantapan sistem pemerintahan. Para pedagang tempatan telah berinteraksi dengan pedagang dari luar dengan melakukan aktiviti jual beli. Kemajuan masyarakat Alam Melayu juga dapat dilihat dalam aspek sosiobudaya yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Apakah gelaran yang digunakan oleh Raja Funan?

- A. Dewaraja
- B. Yuwaraja
- C. Bodhisattva
- D. Kurung Bnam

2. Pentadbiran wilayah kerajaan Srivijaya terbahagi kepada dua, iaitu Kedatuan dan Pradatuan.

Berdasarkan maklumat di atas, siapakah pentadbir Wilayah Pradatuan?

- A. Datu merupakan orang luar.
- B. Datu yang berketurunan raja.
- C. Datu merupakan rakyat biasa.
- D. Datu yang bukan berketurunan raja.

3. Kerajaan ini meletakkan peranan wanita sebagai penasihat dalam pemerintah kerajaannya. Kerajaan Alam Melayu manakah boleh dikaitkan dengan pernyataan ini?

- A. Srivijaya
- B. Majapahit
- C. Funan
- D. Angkor

4. Penduduk Majapahit menghasilkan garam, gula, pembungkusan daging kerbau dan mi daripada beras.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan masyarakat Alam Melayu?

- A. Menghargai alam sekitar.
- B. Kreatif dalam penciptaan.
- C. Tabah menghadapi cabaran.
- D. Bertoleransi dalam kehidupan.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5.



Berdasarkan gambar *baray* di atas, jawab soalan yang berikut:

- Apakah kegunaan *baray*?
- Apakah peranan raja untuk memajukan kegiatan pertanian? 🌸
- Sebagai seorang pemimpin, bagaimanakah anda dapat memajukan negara? 🌸

6. Isikan tempat kosong di bawah.

Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

Hasil Hutan

- _____
- _____
- _____

Hasil Laut

- _____
- _____
- _____

Perlombongan

- _____
- _____
- _____

Pembuatan

- _____
- _____
- _____



7. Berdasarkan gambar di atas, jawab soalan yang berikut:

- Senaraikan hasil hutan kerajaan Alam Melayu.
- Apakah kegunaan hasil hutan tersebut pada zaman kemasyhuran kerajaan Alam Melayu?
- Adakah hasil hutan dan laut masih penting dalam pembangunan ekonomi masyarakat dan negara pada hari ini? Bincangkan. 🌸



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Pengetahuan tentang sistem pemerintahan kerajaan Alam Melayu menyedarkan kita tentang kepentingan mentaati pemerintah.
- Kestabilan politik dan kemakmuran ekonomi penting untuk membina kegemilangan tamadun bangsa dan negara.
- Kita perlulah bijak memanfaatkan kekayaan sumber alam untuk kemakmuran ekonomi negara.

Diri dan Keluarga

Kita mestilah bersifat kreatif dan inovatif demi kemajuan diri dan keluarga kita.

Negara

Sebagai rakyat, kita harus terlibat dalam program pembangunan ekonomi negara. Pembangunan dan kemajuan negara menjadi tanggungjawab kita bersama-sama.



Daya kreativiti dan inovasi amat penting dalam menjana kekayaan ekonomi negara.
(Sumber: Ihsan Permodalan Nasional Berhad)

BAB 3

SOSIOBUDAYA MASYARAKAT KERAJAAN ALAM MELAYU




Sinopsis

Sosiobudaya merupakan cara hidup dan pemikiran sesebuah masyarakat. Masyarakat kerajaan Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit, Kedah Tua dan Gangga Nagara berkembang dengan ciri-ciri sosiobudaya yang hampir sama. Walau bagaimanapun, sosiobudaya ini diamalkan mengikut kesesuaian situasi dan kreativiti kerajaan masing-masing. Sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu sentiasa berkembang dan diwarisi dari satu generasi ke satu generasi.



Apakah yang akan anda pelajari?

Menjelaskan sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu.




Replika Batu Bersurat Talang Tuwo yang ditemukan di Palembang bertarikh 684 M.

(Sumber: Koleksi Mardiana Nordin, 2017)



Ukiran watak Ramayana pada dinding Angkor Wat.
(Sumber: Dawn F. Rooney, *Angkor: An Introduction to the Temples*, Bangkok: Asia Books Co. Ltd., 1994, hlm. 102)



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?



1. Menghuraikan kepentingan menghargai warisan kerajaan Alam Melayu.
2. Menerangkan iktibar yang diperoleh daripada kegemilangan kerajaan Alam Melayu.
3. Merumuskan kepentingan kehidupan berorganisasi dalam membentuk kemakmuran negara.

Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:



1. Memahami kronologi perkembangan sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu.
2. Meneroka bukti kewujudan bahasa dan sistem tulisan masyarakat kerajaan Alam Melayu.
3. Membuat interpretasi perkembangan persuratan masyarakat kerajaan Alam Melayu.
4. Membuat imaginasi struktur sosial masyarakat kerajaan Alam Melayu.
5. Membuat rasionalisasi amalan sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu.

3.1 Bahasa dan Tulisan

Pengenalan

Perkembangan bahasa berkait rapat dengan perkembangan sistem tulisan. Sifat keterbukaan masyarakat kerajaan Alam Melayu membolehkan sistem tulisan berkembang dalam kerajaan Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit dan Kedah Tua. Penggunaan bahasa turut mengalami situasi yang sama.

Kerajaan Funan

- Kerajaan Funan menjadikan bahasa Sanskrit sebagai bahasa utama. Hal ini dibuktikan dengan penemuan batu bersurat Funan bertarikh abad kedua.
- Tulisan masyarakat Funan berasaskan tulisan orang Hu yang menggunakan tulisan orang India.
- Funan menggunakan kalendar *Saka* yang berasal dari India.

Kerajaan Champa

- Masyarakat kerajaan Champa menuturkan bahasa Melayu Champa dan bahasa Sanskrit. Hal ini dibuktikan dengan penemuan batu bersurat dalam kedua-dua bahasa.
- Dalam aspek tulisan, masyarakat kerajaan Champa menggunakan tulisan Palava dan tulisan Champa Kuno. Penggunaan tulisan Palava dibuktikan dengan penemuan inskripsi bertarikh abad keenam yang ditulis oleh Raja Sambhuvarman.
- Agama Islam tersebar di Champa sejak abad kelapan. Oleh itu, bahasa Melayu Champa menjadi bahasa utama seiring dengan perkembangan tulisan Jawi.



Tahukah Anda?

- Pendidikan masyarakat kerajaan Alam Melayu berlaku kepada semua golongan masyarakat.
- Golongan pemerintah seperti raja, kaum kerabat dan bangsawan menerima pendidikan formal yang berlangsung di istana. Proses ini melahirkan golongan bijak pandai dan pujangga istana yang boleh menghasilkan karya dalam bentuk batu bersurat dan manuskrip.
- Golongan diperintah, iaitu rakyat menerima pendidikan tidak formal yang lebih mengkhusus kepada kehidupan harian seperti ilmu ubat-ubatan, petua bercucuk tanam, ilmu pertukangan dan persenjataan serta adat resam.



Batu bersurat tertua berbahasa Melayu Champa yang ditemukan bertarikh abad keempat.

(Sumber: Abdul Rahman al-Ahmadi, "Aksara dan Batu Bersurat Melayu Kuno", *Tradisi Penulisan Manuskrip Melayu*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara, 1997, hlm. 134)




Glosari

Kalendar Saka: kalendar ini diperkenalkan oleh Raja Kanishka daripada Dinasti Kushan di utara India pada tahun 78 M. Kalendar Saka ini mengandungi 12 bulan dalam setahun.

(Sumber: Paul Michel Munoz, *Early Kingdoms of the Indonesian Archipelago and the Malay Peninsula*, Singapura: Editions Didier Millet, 2006, hlm. 321)

Kerajaan Srivijaya

- Masyarakat kerajaan Srivijaya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam urusan pentadbiran dan harian. Bahasa ini menerima pengaruh daripada bahasa Sanskrit.
- Hal ini dibuktikan dengan penemuan batu-batu bersurat seperti Kedukan Bukit, Kota Kapur, Telaga Batu dan Talang Tuwo di Sumatera bertarikh abad ketujuh.
- Batu bersurat ini ditulis dalam bahasa Melayu dengan pengaruh bahasa Sanskrit menggunakan tulisan Palava.



Batu bersurat Talang Tuwo.


Sebahagian terjemahan ayat pada batu bersurat Talang Tuwo:

“Pada tahun Saka 606, pada saat itulah taman yang dinamakan Śriksetra dibuka di bawah pimpinan Baginda Sri Jayanasa. Niat baginda, semoga yang ditanam di sini, seperti pokok kelapa, pinang, nipah, sagu dan pelbagai pokok buah-buahan dapat dimakan hasilnya.”

(Sumber: George Coedes dan Louis-Charles Damais, *Srivijaya, History, Religion & Language of an Early Malay Polity*, Kuala Lumpur: MBRAS, 1992, hlm. 49)

Kerajaan Angkor

- Masyarakat kerajaan Angkor menggunakan bahasa Sanskrit dan Khmer. Hal ini dibuktikan dengan penemuan inskripsi pada dinding candi.
- Terdapat dua jenis tulisan yang ditemukan pada dinding candi, iaitu tulisan Palava dan tulisan Khmer.



Tulisan Palava.

(Sumber: George Coedes dan Louis-Charles Damais, *Srivijaya, History, Religion and Language of an Early Malay Polity*, Kuala Lumpur: MBRAS, 1992, hlm. 46)

*“swasti sri sakiwarsatita 606 dim
dwitiya suklapaksa wulan caitra sana
tatkalana parlak sriksetra ini niparwuat
parwanda punta hiyam sri jayanasan ini
pranidhananda punta hiyam sawanakna
yam nitanam di sini niyur pinam hanau
rumwiya dnan samsrana yam kayu
namakan wuahna ...”*

Transliterasi ejaan rumi bahasa Melayu dengan pengaruh bahasa Sanskrit pada batu bersurat Talang Tuwo.





Apakah kepentingan penemuan batu bersurat?

Kerajaan Majapahit


- Bahasa utama masyarakat kerajaan Majapahit ialah Jawa Kuno. Masyarakat kerajaan ini menggunakan tulisan Kawi.
- Hal ini dibuktikan dengan penemuan inskripsi dan persuratan bertarikh abad ke-14.
- Selepas tersebar agama Islam, masyarakat kerajaan Majapahit mula menggunakan huruf-huruf Arab dalam sistem tulisan mereka. Tulisan yang menggunakan huruf Arab bagi menulis bahasa Jawa dikenali sebagai tulisan Pegon.



Tulisan Kawi



Tulisan Pegon



Kerajaan Kedah Tua

- Penemuan batu-batu bersurat menunjukkan penggunaan bahasa Sanskrit dan tulisan Palava di Kedah Tua.
- Buktinya, melalui penemuan batu bersurat di Sungai Mas dan Cherok Tok Kun yang bertarikh abad kelima.



Batu bersurat Cherok Tok Kun di Pulau Pinang.



Cerna Minda

Senaraikan jenis tulisan yang terdapat di Alam Melayu?



Cuba Buat

Replika Batu Bersurat

Alatan yang diperlukan:

- Seketul batu.
- Plastisin (tanah liat).
- Lidi yang tajam.



1

Dapatkan seketul batu yang mempunyai permukaan rata.



Bahasa dan tulisan penting kepada perkembangan masyarakat kerajaan Alam Melayu. Di samping menjadi alat komunikasi utama, bahasa dan tulisan berfungsi untuk menyimpan rekod-rekod pemerintahan, perundangan, perdagangan dan keagamaan. Pada hari ini, hasil tulisan masyarakat kerajaan tersebut menjadi sumber rujukan dan dokumentasi kepada ahli sejarah untuk memahami ketamadunan masyarakat silam.



Glosari

Dokumentasi: himpunan atau kumpulan bahan bertulis yang dapat digunakan sebagai bukti atau keterangan bagi sesuatu kajian.

Tulisan Kawi: tulisan ini berasal dari India. Perkataan Kawi diambil daripada istilah Kavi dalam bahasa Sanskrit yang bermaksud penyair.



KPS

Rasionalkan kepentingan sistem bahasa dan tulisan di Alam Melayu.



Tahukah Anda?

- Bahasa pertuturan utama masyarakat negara kita hari ini ialah bahasa Melayu. Bahasa Melayu mengalami evolusi mengikut peredaran zaman.
- Huruf Arab digunakan di Alam Melayu. Tulisan Arab diadaptasi dan disesuaikan hingga lahirnya tulisan Jawi. Huruf-huruf ini digunakan sepenuhnya, namun ditambah lima huruf lagi untuk disesuaikan dengan sebutan dan perkataan Melayu. Huruf-huruf tersebut ialah “ca” (چ), “nga” (غ), “pa” (ڤ), “ga” (گ) dan “nya” (ن).
- Bahasa Melayu juga bersifat terbuka. Ekoran pertembungan pelbagai budaya, bahasa Melayu telah menerima pengaruh beberapa bahasa asing sehingga memperkaya lagi perbendaharaan kata bahasa Melayu. Antara pengaruh bahasa asing terhadap bahasa Melayu adalah seperti dalam jadual yang berikut:

Jadual: Pengaruh bahasa asing terhadap bahasa Melayu seperti dalam kurungan.

Sanskrit	Tamil	Cina	Parsi	Arab
bhakti (bakti)	petti (peti)	tau ge (tauge)	anggur (anggur)	kursiy (kerusi)
buddhi (budi)	puralli (perli)	poh pia (popia)	gandum (gandum)	qamus (kamus)
bhumi (bumi)	kadai (kedai)	te ko (teko)	khurma (kurma)	dzalim (zalim)
bhasha (bahasa)	satai (sate)	tau hu (tauhu)	khusti (gusti)	sirwal (seluar)
dosa (dosa)	kattil (katil)	sam pan (sampan)	lashkar (askar)	fardhu (fardu)


2

Uli dan balutkan plastisin ke seluruh permukaan batu tersebut.



3

Tulis perkataan di atas permukaan plastisin tersebut menggunakan lidi yang tajam.



4

Hasil tugasan, replika batu bersurat.



3.2 Persuratan

Pengenalan

Sebelum sistem tulisan digunakan dengan meluas, masyarakat kerajaan Alam Melayu terkenal dengan tradisi lisan. Tradisi lisan lahir berdasarkan alam sekeliling. Tema utama tradisi lisan ini bertemakan asal-usul, binatang, nasihat, seloka, teladan dan adat.

Apabila sistem tulisan lahir, persuratan berkembang dalam kalangan masyarakat. Persuratan merupakan antara bukti keintelektualan masyarakat kerajaan Alam Melayu. Bukti kegiatan persuratan awal kerajaan Alam Melayu yang ditemukan adalah dalam bentuk batu bersurat.

Kerajaan Funan

Kegiatan persuratan masyarakat kerajaan Funan dibuktikan dengan penemuan batu bersurat terawal di Alam Melayu yang bertarikh abad kedua.

Kerajaan Champa

- Kegiatan persuratan masyarakat kerajaan Champa dibuktikan dengan penemuan batu bersurat tertua di Kauthara bertarikh 192 M.
- Di Champa juga ditemukan sebanyak 206 buah batu bersurat. Selain itu, ditemukan bukti persuratan Champa dalam bentuk manuskrip sejak abad ke-13. Karya sastra yang masyhur ialah *Akayet Inra Patra* dan *Akayet Deva Mano*.

Kerajaan Srivijaya

- Kegiatan persuratan masyarakat kerajaan Srivijaya dibuktikan dengan penemuan beberapa batu bersurat seperti Karang Brahi dan Palas Pasemah bertarikh abad ketujuh.
- Batu bersurat ini memerihalkan pengukuhan kerajaan terutama kepentingan taat setia terhadap raja.




Batu bersurat Karang Brahi bertarikh 686 M ditemukan di Jambi.

(Sumber: George Coedes dan Louis-Charles Damais, *Srivijaya, History, Religion & Language of an Early Malay Polity*, Kuala Lumpur: MBRAS, 1992, hlm. 50)

Kerajaan Angkor

- Kegiatan persuratan masyarakat kerajaan Angkor dibuktikan dengan penemuan batu bersurat Sdok Kok Thom di barat laut Kemboja yang mengisahkan pemerintahan Jayavarman II.
- Inskripsi yang terpahat pada dinding-dinding candi pula menggambarkan aspek keagamaan dan pemerintahan.



Inskripsi pada dinding Angkor Wat. (Sumber: Michael Freeman dan Claude Jacques, *Ancient Angkor*, Bangkok: Rivers Books Ltd., 2007, hlm. 38)




Cerna Minda

Apakah bukti persuratan masyarakat kerajaan Alam Melayu?

Kerajaan Majapahit

- Kegiatan persuratan masyarakat kerajaan Majapahit dibuktikan dengan penemuan batu bersurat Trowulan bertarikh 1358 yang ditulis dalam bahasa Jawa Kuno bertulisan kawi.
- Selain itu, ditemukan bukti persuratan dalam bentuk manuskrip. Karya sejarah termasyhur ialah *Nagarakertagama* yang dikarang oleh Prapanca pada tahun 1365. Karya lain yang terkenal ialah *Pararaton* dan *Tantu Panggelaran*.



Ukiran pada dinding Candi Banteay Srei, Angkor yang menggambarkan watak Krishna daripada karya *Mahabhrata*.

(Sumber: Michael Freeman dan Claude Jacques, *Ancient Angkor*, Bangkok: Rivers Books Ltd., 2007, hlm. 215)




Glosari

Saduran: sesebuah cerita yang isi utama cerita tersebut diambil daripada karya yang lain.



Aktiviti

"Laungan" (Shout Out)



Berdasarkan gambar ukiran watak Ramayana pada dinding Angkor Wat, anda diminta memberikan idea secara lisan:

1. Ceritakan maklumat pada gambar di atas.
2. Susun dapatan maklumat secara sistematik.
3. Simulasikan aktiviti masyarakat pada zaman tersebut.

Kerajaan Kedah Tua

- Kegiatan persuratan masyarakat kerajaan Kedah Tua dibuktikan dengan penemuan batu bersurat. Antaranya termasuklah di Bukit Choras dan Bukit Meriam bertarikh abad kelima.
- Ditemukan juga inskripsi yang ditulis di atas pinggan tanah liat, kepingan emas dan kepingan perak.
- Sebahagian besar inskripsi menyentuh tentang doa dan amalan dalam agama Buddha.

Persuratan kerajaan Alam Melayu mendapat pengaruh epik dan sastera India yang terkenal seperti *Ramayana*, *Mahabhrata*, *Purana* dan *Jataka* yang disadurkan ke dalam bahasa tempatan di Alam Melayu.

Apabila Islam tersebar ke Alam Melayu, sastera Islam yang berbentuk syair, gurindam, cerita hikayat dan nazam mula mempengaruhi persuratan Melayu. Kisah kehidupan nabi-nabi seperti Nabi Sulaiman dan Nabi Muhammad SAW ditulis ke dalam bahasa Melayu. Antara karya kisah nabi yang terkenal termasuklah *Hikayat Nabi Bercukur*, *Hikayat Nabi Wafat*, *Hikayat Bulan Berbelah* dan *Hikayat Nabi Yusof*. Karya epik pula yang banyak mengisahkan perjuangan pahlawan Islam diterjemahkan ke bahasa Melayu seperti *Hikayat Amir Hamzah*, *Hikayat Iskandar Zulkarnain* dan *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah*. Kemudian, tokoh Islam seperti nabi dan pahlawan ini menjadi elemen yang mempengaruhi persuratan Melayu.



Hikayat Seri Rama, karya persuratan saduran daripada sastera epik *Ramayana*.

(Sumber: http://www.tradizionesacra.it/ramayana_hikayat_seri_rama.html)



Karya *Inilah Hikayat Nur Muhammad dan Nabi Mukjizat dan Nabi Bercukur dan Nabi Wafat*, karya persuratan pengaruh daripada cerita nabi-nabi.

(Sumber: Endangered Archives, British Library)



Nazam



Gurindam



Syair

3.3 Seni Bina

Pengenalan

Seni bina merupakan suatu seni mereka bentuk sesebuah binaan yang mempunyai fungsi-fungsi tertentu. Oleh itu, kecemerlangan masyarakat kerajaan Alam Melayu dapat dilihat melalui hasil seni bina mereka. Antaranya termasuklah seni bina candi, perkapalan dan sistem pengairan.

Kerajaan Funan

- Masyarakat kerajaan Funan mampu membina kapal besar yang boleh memuatkan sehingga 700 orang dan 1000 tan kargo barangan. Mereka juga terkenal dengan perahu panjang yang boleh membawa 100 orang penumpang.
- Sistem pengairan dibina untuk mengawal limpahan air dan mengalirkan air masin keluar dari tanah pertanian.
- Candi telah dibina sebagai rumah ibadat, pusat pendidikan dan pertemuan masyarakat. Tinggalan candi masyarakat kerajaan Funan yang ditemukan ialah Candi Go Cay Thi di Oc Eo.



Kerajaan Angkor

- Masyarakat kerajaan Angkor mempunyai seni bina yang berkait rapat dengan kegiatan pertanian. Mereka membina *baray* berukuran 2 x 8 kilometer yang dapat menampung 30 juta meter padu air untuk disalurkan ke sawah-sawah padi di sekitarnya.
- Seni bina kerajaan Angkor yang masyhur ialah Angkor Wat dan Angkor Thom. Angkor Wat dibina oleh Raja Suryavarman II pada abad ke-12. Angkor Wat dibina dengan keluasan 208 hektar. Binaan menara utama di tengah-tengah candi ini ialah setinggi 65 meter.
- Masyarakat kerajaan Angkor turut membina kapal untuk kegunaan perdagangan dan peperangan.



Ukiran kapal perang kerajaan Angkor pada Angkor Wat.

(Sumber: Thierry Zephir, *Angkor: The Tour of the Monuments*, Singapura: Archipelago Press, 2008, hlm. 20)



Gambaran binaan Angkor Wat dari pandangan sisi.

(Sumber: Michael Freeman dan Claude Jacques, *Ancient Angkor*, Bangkok: Rivers Books Ltd., 2007, hlm. 55)



Tinggalan binaan di tapak Candi Go Cay Thi di Oc Eo.

(Sumber: John Guy, *Lost Kingdoms, Hindu-Buddhist Sculpture of Early Southeast Asia*, New York: The Metropolitan Museum of Art, 2014, hlm. 113)



Cerna Minda

Mengapakah kerajaan Funan membina sistem pengairan?



Tahukah Anda?

Candi Borobudur merupakan candi bagi penganut Buddha yang terletak di Magelang, Jawa Tengah, Indonesia. Candi ini merupakan candi Buddha yang terbesar di dunia dibina pada abad kesembilan semasa pemerintahan kerajaan Sailendra. Candi ini dibina berbentuk gunung yang bersegi-segi dan memiliki beberapa tingkat. Di bahagian puncaknya, terdapat 72 buah patung Buddha yang diletakkan di dalam stupa.

Kerajaan Champa

- Seni bina masyarakat kerajaan Champa dapat dilihat melalui binaan candinya.
- Antara candi kerajaan Champa yang masyhur termasuklah kompleks candi di Lembah Mi Son, Dong Duong dan Po Nagar.



Candi Mi Son.

(Sumber: John Guy, *Lost Kingdoms, Hindu-Buddhist Sculpture of Early Southeast Asia*, New York: The Metropolitan Museum of Art, 2014, hlm. 14)




Aktiviti "Rangkaian" (Chain Link)

Secara berkumpulan, murid membuat rantaian kertas dengan menyusun setiap kertas yang dituliskan idea atau maklumat berkaitan soalan yang berikut:

1. Apakah ciri-ciri keistimewaan Angkor Thom? 🍌
2. Bina lakaran kota berkonsepkan kelestarian alam sekitar.



Angkor
Thom



Pelan menunjukkan gambaran Angkor Thom.

Kerajaan Srivijaya

- Masyarakat kerajaan Srivijaya turut membina candi. Antara candi yang masyhur termasuklah Candi Muara Takus dan Candi Muara Jambi di Sumatera.
- Ibu kota Srivijaya menjadi pusat binaan kapal. Rekod kerajaan China mencatatkan Palembang sebagai pusat binaan kapal-kapal Melayu (*Kun-lun-po*) yang besar, boleh belayar hingga pelabuhan Tonkin dan tenggara China.



Ukiran tugu di Bukit Siguntang, Palembang yang menggambarkan kapal-kapal era kerajaan Srivijaya. (Sumber: Koleksi Mardiana Nordin, 2014)

Kerajaan Majapahit

- Masyarakat kerajaan Majapahit membina banyak candi semasa era kegemilangannya. Antaranya termasuklah Candi Tikus di Jawa Timur dan Candi Cetho di Jawa Tengah.
- Selain candi, masyarakat kerajaan Majapahit membina pintu gerbang seperti Gapura Wringin Lawang, iaitu pintu gerbang laluan raja dan Gapura Bajang Ratu, iaitu pintu masuk ke dalam sebuah bangunan suci di Jawa Timur.



Candi Cetho. (Sumber: Mashatoshi Iguchi, *Java Essay, The History and Culture of Southern Country*, Leicester: Matador, 2015, hlm. 305)

Kerajaan Kedah Tua

- Seni bina kerajaan Kedah Tua banyak tertumpu kepada binaan candi bagi agama Hindu dan Buddha di Lembah Bujang.
- Antara tinggalan candi Buddha yang masyhur termasuklah di Bukit Choras, Bukit Pendiati dan Bukit Meriam. Tinggalan candi Hindu yang masyhur adalah di Bukit Batu Pahat dan Bendang Dalam. Kedua-dua candi ini mendapat pengaruh seni bina kerajaan Cola, India.
- Seni bina arca Hindu dan Buddha turut ditemukan di lokasi candi tersebut.



Candi Batu Pahat. (Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Early History*, Singapura: Didier Millet, 2006, hlm. 125)

Kerajaan Gangga Nagara

- Penemuan patung Buddha yang diperbuat daripada gangsa setinggi 18 meter di Tanjung Rambutan merupakan antara bukti seni bina masyarakat kerajaan Gangga Nagara.
- Turut ditemukan beberapa binaan patung Buddha lain di Sungai Siput dan Pangkalan. Seni bina arca tersebut menerima pengaruh daripada kerajaan Gupta, India.

Kebijaksanaan masyarakat kerajaan Alam Melayu dibuktikan melalui kemahiran seni bina seperti perkapalan, pengairan dan candi. Kemahiran tersebut merupakan bukti yang masih boleh dilihat hingga hari ini dan merupakan khazanah sejarah kerajaan Alam Melayu yang mesti dipelihara dan dipulihara.

3.4 Struktur Sosial

Pengenalan

Masyarakat kerajaan Alam Melayu terikat dengan struktur sosial yang hampir sama. Asas struktur ini terbahagi kepada kelas atasan yang dikenali sebagai golongan pemerintah dan kelas bawahan dikenali sebagai golongan diperintah.




Ukiran pada Candi Borobudur yang menggambarkan golongan pemerintah di istana.

(Sumber: Koleksi Mardiana Nordin, 2010)



Ukiran pada dinding Candi Bayon, Angkor menunjukkan aktiviti rakyat sedang menimbang barang semasa berjual beli.

(Sumber: Michael Freeman dan Claude Jacques, *Ancient Angkor*, Bangkok: Rivers Books Ltd., 2007, hlm. 215)



Struktur sosial masyarakat kerajaan Alam Melayu yang tersusun memperkukuh sistem politik dan kedudukan pemerintah. Kelas atasan memainkan peranan menjaga dan melindungi rakyatnya, manakala kelas bawahan memberikan taat setia kepada golongan pemerintah. Peranan kedua-dua golongan ini mengukuhkan sistem masyarakat dan menyumbang kepada kestabilan kerajaan.

Kepelbagaian sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu memperlihatkan kebijaksanaan manusia. Perkembangan ini juga menunjukkan bahawa masyarakat kerajaan Alam Melayu saling bekerjasama untuk mempertingkatkan kehidupan mereka. Hal ini harus menjadi inspirasi kepada peningkatan penciptaan untuk kemajuan negara sekali gus memupuk permuafakatan dalam kalangan warganegara.



Bandingkan struktur sosial masyarakat kerajaan Alam Melayu dengan masyarakat pada hari ini.



Imbas Kembali

Sosiobudaya Masyarakat Kerajaan Alam Melayu


Bahasa dan Tulisan



Persuratan



Seni Bina



Struktur Sosial



Bab ini telah membicarakan kecemerlangan sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu yang berkembang mengikut peredaran zaman. Kita perlu berbangga dengan tradisi dan budaya bangsa yang memupuk sifat kreatif dan inovatif dalam kehidupan seharian. Kecemerlangan sosiobudaya seterusnya diperkukuhkan dengan pegangan masyarakat kerajaan Alam Melayu terhadap agama dan kepercayaan yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Tandakan lima nama kerajaan Alam Melayu di dalam rajah di bawah.

A	P	K	L	U	S	S	A	T
D	A	N	G	K	O	R	C	B
K	G	A	I	D	N	I	I	C
F	E	S	U	K	O	V	A	H
W	H	D	B	N	P	I	M	A
T	I	H	A	P	A	J	A	M
R	M	N	H	H	S	A	U	P
Y	U	N	I	L	R	Y	T	A
F	P	T	J	N	C	A	D	E

2. Apakah faktor yang mendorong perkembangan persuratan masyarakat kerajaan Alam Melayu?

- A. Sistem tulisan.
- B. Kepercayaan dan agama.
- C. Struktur sosial masyarakat.
- D. Sistem pemerintahan beraja.


3. Kerajaan Funan telah membina *baray*. Apakah kepentingan *baray*?

- A. Pengairan
- B. Petempatan
- C. Pusat ibadat.
- D. Perdagangan

4. Dengan merujuk rajah di bawah, apakah peranan kumpulan X dalam struktur sosial masyarakat kerajaan Alam Melayu?

- I. Pentadbir
- II. Pedagang
- III. Petukang
- IV. Ilmuan


- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV





Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5.



Berdasarkan gambar Batu Bersurat Terengganu di atas, jawab soalan yang berikut:


- Apakah jenis tulisan yang digunakan pada batu bersurat di atas?
- Nyatakan peranan tulisan terhadap perkembangan masyarakat kerajaan Alam Melayu.

6.

Bahasa Melayu menjadi bahasa utama dalam kerajaan Champa dan Srivijaya. Bahasa Melayu mengalami proses evolusi mengikut peredaran zaman.

- Apakah peranan bahasa Melayu dalam kerajaan awal Alam Melayu?
- Pada pandangan anda, mengapakah bahasa Melayu boleh kekal hingga kini? 🍌

7.



Berdasarkan lakaran Angkor Wat di atas, jawab soalan yang berikut:

- Apakah ciri-ciri Angkor Wat?
- Apakah kepentingan Angkor Wat sebagai warisan seni bina kerajaan Alam Melayu?
- Bincangkan langkah-langkah memelihara dan memulihara Angkor Wat sebagai warisan dunia. 🍌



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Memahami sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu membolehkan kita mengenali sejarah kepelbagaian budaya di rantau yang kita diami ini.
- Mengetahui kegemilangan sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu dapat meningkatkan kesedaran kita untuk mempertahankan warisan budaya di negara kita.
- Keterbukaan masyarakat kerajaan Alam Melayu menerima pengaruh luar dapat memupuk sikap toleransi untuk meningkatkan pencapaian bangsa dan negara.

Diri dan Keluarga

Sikap bergandeng bahu sesama ahli keluarga penting dalam membina keluarga yang sejahtera.

Negara

Kita perlu menghormati kepelbagaian aspek sosiobudaya di negara kita bagi menjamin kemakmuran dan keunikan negara kita daripada kaca mata dunia.



Sikap menghormati kepelbagaian masyarakat di negara ini amat penting demi keharmonian negara.
(Sumber: Koleksi DBP, 2015)

BAB 4

AGAMA, KEPERCAYAAN DAN KEUNIKAN WARISAN MASYARAKAT KERAJAAN ALAM MELAYU



Sinopsis

Masyarakat kerajaan Alam Melayu mempunyai pegangan agama dan kepercayaan. Kepercayaan awal masyarakat ini ialah animisme dan dinamisme sebelum menerima pengaruh agama Hindu dan Buddha. Seterusnya, masyarakat kerajaan Alam Melayu menerima pula pengaruh agama Islam. Keunikan warisan kerajaan Alam Melayu yang merangkumi aspek sistem pemerintahan beraja dan kebijaksanaan pemerintah, kegiatan ekonomi, perkembangan sosiobudaya dan amalan beragama telah membuktikan kegemilangan kerajaan Alam Melayu.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menerangkan agama dan kepercayaan masyarakat kerajaan Alam Melayu.
2. Menghuraikan keunikan warisan kerajaan Alam Melayu.



Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.
(Sumber: Koleksi Ahmad Salehee Abdul, 2017)



Candi Borobudur di Pulau Jawa.
(Sumber: Joachim Schliesinger, *Origin of Man in Southeast Asia, Volume 5, Part 2: Hindu Temples in the Malay Archipelago*, Phnom Penh: Booksmango, 2015, hlm. 11)



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?



1. Menghuraikan kepentingan menghargai warisan kerajaan Alam Melayu.
2. Menerangkan iktibar yang diperoleh daripada kegemilangan kerajaan Alam Melayu.
3. Merumuskan kepentingan kehidupan berorganisasi dalam membentuk kemakmuran negara.

Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:



1. Memahami kronologi pegangan agama dan kepercayaan masyarakat kerajaan Alam Melayu.
2. Meneroka bukti anutan agama dan kepercayaan masyarakat kerajaan Alam Melayu.
3. Membuat interpretasi keunikan warisan masyarakat kerajaan Alam Melayu.
4. Membuat imaginasi keunikan sistem beraja kerajaan Alam Melayu.
5. Membuat rasionalisasi keunikan warisan amalan beragama masyarakat kerajaan Alam Melayu.

Pengenalan

Agama merupakan suatu sistem berkaitan anutan, keimanan dan penyembahan terhadap tuhan. Manakala kepercayaan merupakan pegangan yang diyakini dapat menjadi panduan dalam kehidupan. Masyarakat kerajaan Alam Melayu memiliki agama dan kepercayaan yang memberikan panduan dalam kehidupan seharian mereka. Di samping itu, pemerintah kerajaan Alam Melayu berperanan penting untuk memastikan pengukuhan dan kelangsungan agama dalam kerajaannya.

Kepercayaan Awal

Kepercayaan awal masyarakat kerajaan Alam Melayu ialah animisme dan dinamisme yang berkait rapat dengan alam sekeliling. Cara hidup masyarakat yang hampir sama di seluruh Alam Melayu menjadikan kepercayaan mereka juga hampir serupa.

Animisme ialah kepercayaan bahawa setiap makhluk, hidupan dan tumbuhan memiliki roh atau semangat. Animisme berkait dengan kepercayaan terhadap makhluk halus dan penyembahan kepada roh nenek moyang yang telah meninggal dunia yang dipanggil *hyang*. Penyembahan roh nenek moyang penting untuk memastikan keluarga yang masih hidup mendapat kebaikan atau menghindar kesusahan di dunia.



Perayaan Hari Moyang oleh masyarakat Temuan di Bukit Cheeding, Banting, Selangor.

(Sumber: M. Kamal Hassan dan Ghazali Basri (ed.), *Religions and Beliefs*, Vol. 10, Singapura: Editions Didier Millet, 2005, hlm. 126)



Pawang masyarakat Iban menyiapkan makanan korban (*miring*) semasa sambutan perayaan Hari Gawai.

(Sumber: M. Kamal Hassan dan Ghazali Basri (ed.), *Religions and Beliefs*, Vol. 10, Singapura: Editions Didier Millet, 2005, hlm. 125)

Dinamisme berkait rapat dengan kepercayaan terhadap kekuatan yang juga dikenali sebagai *mana* atau semangat. Setiap benda dan makhluk dianggap mempunyai *mana* yang boleh mempengaruhi kehidupan seseorang. Contohnya, upacara pemujaan semangat tanaman dilakukan agar mendapat hasil tanaman yang subur dan banyak.



Cerna Minda

Apakah maksud animisme dan dinamisme?



Adakah masih terdapat kepercayaan animisme dan dinamisme dalam kehidupan masyarakat Asia Tenggara pada hari ini? Bincangkan.

Penyebaran Agama Hindu, Buddha dan Islam Sebelum Abad Ke-15

Agama Hindu dan Buddha tersebar sebelum Masihi lalu mempengaruhi kehidupan masyarakat kerajaan Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit, Kedah Tua dan Gangga Nagara. Agama Islam pula tiba di Alam Melayu mulai abad ketujuh. Agama Islam seterusnya tersebar dan diamalkan dalam kerajaan Melayu seperti Champa, Majapahit, Kedah dan Pasai. Namun begitu, beberapa aspek kehidupan masyarakat Melayu seperti sistem pemerintahan, bahasa, persuratan dan seni bina yang mendapat pengaruh budaya Hindu dan Buddha masih diamalkan dan disesuaikan dengan agama Islam. Agama Hindu, Buddha dan Islam tersebar ke Alam Melayu lazimnya berkait rapat dengan peranan mubaligh, pemerintah dan perkembangan perdagangan antarabangsa.



Pengaruh
Islam



Peta penyebaran agama Hindu, Buddha dan Islam Sebelum Abad Ke-15 ke Alam Melayu.

(Sumber: Adaptasi daripada M. Kamal Hassan dan Ghazali Basri (eds.), *Religions and Beliefs*, Singapura: Editions Didier Millet, 2005, hlm. 13, 62 dan 86)

Perkembangan Agama

Kerajaan Funan

- Agama Hindu dan Buddha tersebar dalam kalangan masyarakat kerajaan Funan sejak abad pertama lagi.
- Antara Raja Funan yang mengambil peranan besar terhadap perkembangan agama Buddha termasuklah Fan Shih-man.
- Candi Buddha tinggalan kerajaan Funan ialah candi Go Cay Thi.



Tapak candi Go Cay Thi. (Sumber: John Guy, *Lost Kingdoms, Hindu-Buddhist Sculpture of Early Southeast Asia*, New York: The Metropolitan Museum of Art, 2014, hlm. 15)

Kerajaan Champa

- Agama Hindu tersebar dalam kalangan masyarakat kerajaan Champa sejak abad keempat ketika pemerintahan Bhadravarman. Beliau mendirikan candi Hindu di Lembah Mi Son yang dikenali sebagai Siva-Bhadresvara. Candi Hindu turut dibina di Po Nagar.
- Candi Dong Duong pula merupakan bukti penyebaran agama Buddha di Champa.
- Penemuan batu bersurat bertarikh 1035 dan batu nisan bertarikh 1039 di Panduranga membuktikan penyebaran Islam di Champa.
- Islam mulai tersebar luas dalam kerajaan Champa semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin pada abad ke-14.



Candi Po Nagar. (Sumber: Charles Higham, *Early Culture of Mainland Southeast Asia*, Bangkok: Rivers Book Ltd., 2002, hlm. 269)

Kerajaan Angkor

- Agama Hindu menjadi anutan utama dalam kalangan masyarakat kerajaan Angkor sejak kerajaan ini diasaskan dan menjadi gemilang semasa pemerintahan Suryavarman II.
- Candi Hindu yang termasyhur di Angkor ialah Angkor Wat.
- Peranan agama Hindu sebagai agama utama diambil alih oleh agama Buddha semasa pemerintahan Jayavarman VII pada abad ke-12.



Angkor Wat.

(Sumber: Thierry Zephir, *Angkor: The Tour of the Monuments*, Singapura: Archipelago Press, 2008, hlm. 893)

Kerajaan Srivijaya

- Kerajaan Srivijaya merupakan pusat kegiatan agama Buddha sejak abad ketujuh.
- Pendeta Buddha bernama I-Tsing dari China pernah datang ke Srivijaya untuk mempelajari bahasa Sanskrit dan menterjemahkan kitab-kitab agama Buddha.
- Antara candi Buddha tinggalan kerajaan Srivijaya yang masyhur termasuklah Candi Muara Jambi, Candi Bahal dan Candi Muara Takus.



Candi Muara Jambi. (Sumber: Joachim Schliesinger, *Origin of Man in Southeast Asia, Volume 5, Part 2: Hindu Temples in the Malay Archipelago*, Phnom Penh: Booksmango, 2015, hlm. 16)

Kerajaan Majapahit

- Agama Hindu dan Buddha berkembang serentak dan saling mempengaruhi dalam kalangan masyarakat kerajaan Majapahit. Hayam Wuruk telah menyatukan aliran dalam agama Hindu dan Buddha yang dipanggil Tripaksa pada abad ke-14.
- Antara candi tinggalan kerajaan Majapahit yang masyhur termasuklah Candi Jabong, Candi Sukuh dan Candi Brahu.
- Agama Islam tersebar di Majapahit sejak abad ke-14. Buktinya, Wu Ping, pegawai kerajaan Ming beragama Islam dilantik sebagai wakil tetap di Majapahit. Gan Eng Chou, pegawai yang beragama Islam juga pernah dilantik sebagai ketua kaum Cina di Tuban (kota pelabuhan Majapahit).
- Setelah kerajaan Majapahit runtuh, kerajaan Demak muncul dan menjadi pusat pengajian agama Islam terbesar di Jawa pada abad ke-16.



Masjid Demak
(Sumber: Koleksi
Mardiana Nordin, 2015)



Tahukah Anda?

Agama Islam berkembang pesat di Pasai pada abad ke-13. Pemerintah Pasai bernama Merah Silu memeluk Islam dan kemudian bergelar Sultan Malik al-Saleh. Pengaruh Islam kemudian terus berkembang dan diwarisi oleh kerajaan-kerajaan lain di Alam Melayu.



Masjid
Demak

Kerajaan Kedah Tua

- Agama Buddha telah diamalkan dalam kerajaan Kedah Tua sejak abad kelima dan menjadi anutan utama. Agama Hindu turut tersebar kemudiannya.
- Kedah mula menerima pengaruh Islam pada abad ke-12. Pemerintah Kedah yang kesembilan, iaitu Maharaja Derbar Raja II telah memeluk agama Islam pada tahun 1136.

Kerajaan Gangga Nagara

- Masyarakat kerajaan Gangga Nagara menganut agama Buddha. Hal ini dibuktikan dengan penemuan arca-arca Buddha di Lembah Kinta.
- Turut ditemui ialah patung Buddha, Avalokitesvara di Bidor, Perak. Arca-arca Buddha ini bertarikh abad keenam hingga kesembilan Masihi.

Pengaruh agama Hindu, Buddha dan Islam dapat dilihat dalam kerajaan Alam Melayu. Namun begitu, semasa agama Islam mulai tersebar luas di Alam Melayu, kerajaan Funan dan Srivijaya telah pun berakhir.



Aktiviti "Kedai Kopi" (Cafe)

Seperti di kafe, murid duduk secara berkumpulan di sebuah meja. Guru meletakkan gambar Masjid Demak di tengah-tengah meja tersebut. Secara berkumpulan, murid membincangkan ciri-ciri keunikan masjid ini.

Pengenalan

Keunikan warisan bermaksud legasi kebijaksanaan dan keunggulan yang ditinggalkan oleh pemerintah terdahulu untuk diwarisi oleh generasi seterusnya. Kerajaan Alam Melayu memiliki keunikan warisan seperti sistem pemerintahan beraja, kebijaksanaan pemerintah, perkembangan kegiatan ekonomi, perkembangan sosiobudaya dan amalan beragama. Keunikan warisan inilah yang menjadikan tamadun Melayu gemilang seperti tamadun-tamadun dunia yang lain.

Sistem Pemerintahan Beraja

Sistem pemerintahan kerajaan Alam Melayu berasaskan sistem beraja. Keunikan warisan sistem pemerintahan di Alam Melayu dapat dilihat apabila pemerintah mengasimilasikan pengaruh agama dalam pentadbiran. Raja menjadi tonggak utama kerajaan. Kedudukan raja diperkukuh dengan sistem pemerintahan yang dibantu oleh para pembesar dan memperoleh ketaatan daripada rakyatnya.

1. Pemilihan Raja

- Pemilihan raja berasaskan keturunan dan pembesar mengesahkannya.
- Keturunan diraja dianggap suci dan berdaulat.
- Raja juga boleh dipilih daripada golongan tentera seperti dalam kerajaan Funan dan Champa.
- Wanita keturunan diraja boleh dilantik sebagai pemerintah seperti dalam kerajaan Majapahit.

2. Kedudukan Raja

- Semasa pengaruh Hindu dan Buddha berkembang, raja dianggap sebagai titisan dewa dan mesti dihormati.
- Kedatangan Islam memperkenalkan konsep khalifah.
- Raja-raja sentiasa ditaati. Mengingkari raja dianggap mengingkari tuhan dan perbuatan tersebut adalah menderhaka.

3. Gelaran Pemerintah

- Pengaruh Hindu dan Buddha memasyhurkan gelaran Raja dan Maharaja. Gelaran Sultan digunakan setelah kedatangan Islam.
- Raja juga digelar bagi menggambarkan kebesaran kuasa seperti Raja di Gunung dan Maharaja di Pulau.
- Terdapat golongan raja yang diberi gelaran mengikut identiti dan keunikan kerajaan mereka. Misalnya, Raja Funan, Champa, Angkor dan Srivijaya yang menggunakan gelaran Sanskrit “varman”.



Ukiran pada dinding Candi Borobudur yang menunjukkan situasi menyembah raja.
(Sumber: Koleksi Mardiana Nordin, 2015)



Glosari

Asimilasi:

penyerapan budaya-budaya yang berbeza-beza hingga menjadi satu.

Titisan dewa: penjelmaan.



KPS

Dengan meneroka bukti daripada pelbagai sumber, cari maklumat tentang negara di Asia Tenggara yang masih mengamalkan sistem pemerintahan beraja.

Kebijaksanaan Pemerintah

1. Memilih dan Membangunkan Pusat Pemerintahan

Pemerintah memilih lokasi yang strategik sebagai pusat pemerintahan, petempatan dan pelabuhan, iaitu di pesisiran pantai atau lembah sungai. Hal ini menunjukkan kebijaksanaan pemerintah menggunakan alam sekitar dalam:

- memperkembangkan kegiatan pertanian di kawasan subur seperti lembah sungai, contohnya di Angkor dan Majapahit. Sungai juga berfungsi sebagai laluan pengangkutan utama.
- memilih tempat yang menjadi laluan antarabangsa, timur dan barat seperti pelabuhan Oc Eo di Funan dan Palembang di Srivijaya.
- mengambil kira petunjuk arah yang memudahkan pedagang singgah di pelabuhan seperti bukit atau gunung dan teluk. Contohnya, Gunung Jerai yang menjadi mercu tanda kerajaan Kedah. Bukit dan teluk juga membantu dalam aspek pertahanan.

Kebijaksanaan pemerintah merupakan ciri unik yang membolehkan kerajaan Alam Melayu berkembang dengan cepat dan bertahan lama. Hal ini juga menyebabkan kerajaan luar tertarik untuk menguasai kerajaan Alam Melayu. Kebijaksanaan pemerintah dalam memilih lokasi yang strategik diwarisi hingga hari ini.



Tasik Tonle Sap di Kemboja merupakan kawasan yang subur dan menjadi sumber air minuman serta aktiviti pertanian masyarakat kerajaan Angkor. Tasik ini masih kekal berfungsi hingga hari ini.



Tasik
Tonle Sap

2. Menjalinkan Hubungan Diplomatik

Pemerintah menjalinkan hubungan diplomatik yang berterusan bagi menjamin kemakmuran kerajaan. Kebijaksanaan pemerintah dilihat melalui bentuk hubungan diplomatik, iaitu:

- Hubungan persahabatan: Kerajaan Srivijaya mengirimitkan utusan persahabatan ke China pada abad ketujuh. Kerajaan Majapahit menjalinkan persahabatan dengan China pada abad ke-14.
- Bantuan ketenteraan atau senjata: Maharaja Chola dari India menghantar bantuan tentera ke Srivijaya untuk membantu menyelesaikan pemberontakan pada abad ke-11.
- Perkahwinan: Perkahwinan pemerintah Majapahit, Raden Wijaya dengan puteri kerajaan Singhasari pada abad ke-13.

Hubungan diplomatik penting untuk memelihara kedaulatan kerajaan, mendapatkan perlindungan, meluaskan jaringan perdagangan dan memperkukuh agama dan budaya. Oleh sebab keunikan dan faedah yang diperolehi, kelangsungan hubungan tersebut diwarisi oleh kerajaan-kerajaan Melayu selepasnya hingga hari ini.

Sistem pemerintahan beraja yang dilaksanakan dalam kerajaan Alam Melayu terbukti berjaya mengangkat kemasyhuran kerajaan dan pemerintahnya. Sistem yang unik dan berkesan ini diwarisi pula oleh kerajaan Melayu yang lahir selepas kerajaan tersebut. Sistem pemerintahan beraja ini masih diamalkan hingga hari ini dengan pengubahsuaian mengikut peredaran masa di beberapa buah negara.



Pada pandangan anda, adakah pemilihan lokasi di muara sungai atau lembah sungai masih menjadi ciri utama pembinaan bandar hari ini?

Kegiatan Ekonomi

Kegiatan ekonomi masyarakat kerajaan Alam Melayu bergantung pada lokasi petempatan mereka. Petempatan berkembang sama ada di lembah sungai mahupun pesisiran pantai, lalu mencorakkan jenis kegiatan ekonomi yang boleh dilakukan untuk menyara hidup dan menjalankan perdagangan.

1. Memanfaatkan Kesuburan Tanah

Masyarakat kerajaan Alam Melayu memanfaatkan kesuburan tanah untuk menjalankan kegiatan pertanian. Kawasan lembah Sungai Mekong, Sungai Musi, Sungai Bengawan Solo dan Sungai Brantas menjadi tapak pertanian yang penting dan diwarisi dari zaman ke zaman.



Lembah Sungai Brantas yang masih menjadi tapak pertanian hingga hari ini.

2. Mencipta Sistem Pengairan

Masyarakat kerajaan Alam Melayu memiliki kemahiran mencipta sistem pengairan seperti *baray* dan sistem saliran untuk memastikan bekalan air mencukupi di kawasan pertanian. Oleh itu, tanaman utama seperti padi dan rempah-ratus serta tanaman sampingan dapat diusahakan sepanjang tahun. Keunikan dalam kemahiran ini merupakan warisan yang penting terhadap perkembangan ekonomi tamadun Melayu.



Baray bersebelahan Angkor Wat.
(Sumber: Charles Higham, *Early Cultures of Mainland Southeast Asia*, Bangkok: River Books, 2002, hlm. 320)

3. Membina Pelabuhan

Pemerintah dan masyarakat kerajaan Alam Melayu telah mendirikan pelabuhan di lokasi yang strategik dan mudah dikunjungi oleh para pedagang dari timur dan barat. Pelabuhan di kerajaan Alam Melayu berkembang dalam tiga bentuk, iaitu:

- Pelabuhan pembekal: pelabuhan persinggahan untuk membekalkan bahan dagangan dan bekalan makanan kepada pedagang.
- Pelabuhan kerajaan: pelabuhan pembekal yang berkembang apabila wujudnya pusat pentadbiran atau kerajaan di pelabuhan tersebut.
- Pelabuhan entrepot: pelabuhan ini menjadi tumpuan pedagang dan berperanan sebagai pengumpul, pengendali dan pengedar barang dagangan daripada para pedagang serantau dan antarabangsa.

Kegiatan perdagangan membolehkan berlaku interaksi antara kerajaan serantau dengan kerajaan antarabangsa. Masyarakat kerajaan Alam Melayu memiliki kemahiran yang tinggi dalam ilmu pelayaran, mahir selok-belok laluan laut dan sungai serta boleh menyelam dalam tempoh yang lama. Keunikan kegiatan pertanian dan perdagangan ini merupakan warisan yang diteruskan oleh kerajaan-kerajaan Melayu seterusnya.



Cerna Minda

Apakah jenis-jenis pelabuhan yang terdapat di Alam Melayu?



Aktiviti "Iklan" (Commercial)

Berdasarkan pelbagai sumber, kumpul maklumat tentang lokasi pelabuhan-pelabuhan awal kerajaan Alam Melayu yang masih ada hingga kini. Kemudian, bentangkan dapatan anda dengan gaya penyampaian iklan.

Perkembangan Sosiobudaya

Keunikan perkembangan sosiobudaya masyarakat kerajaan Alam Melayu merupakan warisan yang sangat bernilai. Perkembangan tersebut dapat dilihat dalam aspek tulisan, bahasa, persuratan dan seni bina.

1. Sistem Tulisan dan Bahasa

Masyarakat kerajaan Alam Melayu telah mengadaptasi pengaruh luar untuk memperkembangkan sistem tulisan dan bahasa mereka. Tulisan Palava dan Kawi yang berasal dari India digunakan dengan meluas sebagai medium tulisan bahasa tempatan dan Sanskrit. Demikian juga huruf-huruf Arab disesuaikan sehingga terbentuknya tulisan Jawi yang menjadi warisan sistem tulisan masyarakat Melayu hingga kini.



Hikayat Amir Hamzah, karya persuratan dalam bahasa Melayu dan ditulis dengan tulisan Jawi.

(Sumber: Juffri Supa'at dan Nazeerah Gopaul, *Aksara Menjejaki Tulisan Melayu*, Singapura: National Library Board, 2009, hlm. 96)

2. Persuratan

Masyarakat kerajaan Alam Melayu telah mempamerkan keintelektualan melalui kegiatan persuratan. Pada awalnya, kegiatan ini berkembang dalam bentuk batu bersurat sehinggalah lahir karya-karya dalam bentuk manuskrip. Keunikan intelektual ini diwarisi dan diteruskan oleh kerajaan-kerajaan Melayu.

3. Seni Bina

Kemahiran dalam seni bina merupakan keunikan yang menjadi warisan kerajaan Alam Melayu. Seni bina dihasilkan bagi memudahkan kehidupan seperti dalam perkembangan kegiatan pertanian, pelayaran, perdagangan dan keagamaan. Kehidupan di persisiran pantai dan lembah sungai melahirkan petukang-petukang kapal yang handal.



Ukiran dinding pada Angkor Thom menggambarkan warisan seni bina perkapalan masyarakat kerajaan Alam Melayu.

(Sumber: Michael Freeman dan Claude Jacques, *Ancient Angkor*, Bangkok: River Books Ltd., 2007, hlm. 89)



Glosari

Adaptasi: penyesuaian dengan sesuatu keadaan yang baharu atau berbeza-beza.



KPS

Secara berkumpulan, dengan meneroka bukti daripada pelbagai sumber, kumpulkan maklumat tentang pelbagai tulisan yang digunakan oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu. Bentangkan.

Amalan Beragama

Agama memainkan peranan penting dalam membina corak kehidupan dan memperkaya kebudayaan tempatan masyarakat kerajaan Alam Melayu. Hal ini dibuktikan melalui keunikan warisan dalam amalan beragama.

Keunikan Warisan dalam Amalan Beragama

Masyarakat kerajaan Alam Melayu mengamalkan sifat terbuka dalam amalan beragama. Kepercayaan awal disesuaikan dengan penyebaran agama Hindu dan Buddha. Islam juga tersebar secara aman. Kesannya, keunikan warisan masyarakat kerajaan Alam Melayu tergambar melalui anutan pelbagai agama. Contohnya, sebahagian masyarakat kerajaan Champa dan Angkor menganut agama Hindu dan sebahagian yang lain menganut agama Buddha pada masa yang sama.

Sifat toleransi juga merupakan keunikan dalam amalan beragama masyarakat kerajaan Alam Melayu. Penganut agama Hindu membina Candi Prambanan berdekatan dengan Candi Borobudur tempat ibadat penganut agama Buddha di Jawa Tengah.

Agama menjadi simbol penyatuan raja dan rakyat. Raja memerlukan golongan agama untuk mengukuhkan kedudukannya di atas takhta kerajaan. Misalnya, golongan Brahmin mempunyai peranan yang besar semasa pertabalan raja. Pengasas kerajaan Angkor, Jayavarman II diisytiharkan kedudukan baginda sebagai Dewaraja oleh seorang Brahmin bernama Hiranyadama.

Golongan agama juga diberi tempat dan status yang istimewa dalam kerajaan. Mereka dilantik sebagai pentadbir dan penasihat pemerintah, misalnya dalam kerajaan Funan, Srivijaya dan Angkor. Warisan ini diteruskan oleh kerajaan lain di Alam Melayu.

Candi besar dibina sebagai lambang keagungan sesebuah kerajaan dan dikagumi hingga hari ini. Buktinya dengan binaan Candi Borobudur, Angkor Wat, Candi Prambanan dan Candi Muara Jambi. Candi ini menjadi institusi agama yang berperanan sebagai pusat ibadat, tempat pemujaan roh nenek moyang dan pusat perhimpunan para pendeta.

Apabila agama Islam tersebar, masjid pula dibina sebagai pusat ibadat, pendidikan dan kebajikan. Keunikan sistem pendidikan Islam melalui institusi pondok atau madrasah merupakan warisan yang diteruskan hingga hari ini.

Kepelbagaian agama dan kepercayaan melahirkan masyarakat yang harmoni dan saling menghormati. Sifat ini diwarisi oleh masyarakat Alam Melayu hingga hari ini.

Sistem pemerintahan beraja, kebijaksanaan pemerintah, kegiatan ekonomi, perkembangan sosiobudaya dan amalan beragama merupakan keunikan masyarakat kerajaan Alam Melayu. Keunikan ini diwarisi oleh kerajaan-kerajaan Melayu yang lahir kemudiannya. Oleh sebab itu, generasi kini haruslah menghargai setiap keunikan tersebut dan menghayati warisannya.





Aktiviti "Lawatan ke Galeri" (Gallery Walk)



Masjid Pangkalan Kakap, Merbok, Kedah.



Masjid
Pangkalan
Kakap



Candi Borobudur di Jawa Tengah, Indonesia yang telah diangkat sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO.

Langkah-langkah menjalankan aktiviti:

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan akan mencari maklumat berikut yang berkaitan sama ada Masjid Pangkalan Kakap atau Candi Borobudur:
 - (a) Sejarah pembinaan.
 - (b) Keunikan seni bina.
 - (c) Kepentingan seni bina.
3. Dapatan yang diperoleh akan ditampal di dalam kelas.
4. Setiap murid akan bergerak di dalam kelas melihat hasil dapatan setiap kumpulan.
5. Setiap murid akan menganalisis dan membuat perbandingan jawapan yang diberikan oleh rakan mereka.
6. Setiap kumpulan akan berbincang sesama ahli kumpulan berkenaan hasil kerja rakan-rakan yang lain.



Imbas Kembali

Agama, Kepercayaan dan Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu



Agama dan Kepercayaan

- Kepercayaan awal.
- Penyebaran agama Hindu, Buddha dan Islam sebelum abad ke-15.
- Perkembangan agama.



Keunikan Warisan Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

- Sistem pemerintahan beraja.
- Kebijakan pemerintah.
- Kegiatan ekonomi.
- Perkembangan sosiobudaya.
- Amalan beragama.


Masyarakat kerajaan Alam Melayu memiliki agama dan kepercayaan yang menjadikan kehidupan mereka berlandaskan nilai-nilai murni seperti berakhlak mulia, jujur dan saling menghormati. Sistem pemerintahan beraja dan kebijakan pemerintah, kegiatan ekonomi, perkembangan sosiobudaya dan amalan beragama merupakan bukti keunikan warisan yang diteruskan oleh Kesultanan Melayu Melaka yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Apakah monumen yang membuktikan penyebaran agama Hindu di kerajaan Alam Melayu?
 - A. Candi Muara Jambi
 - B. Candi Dong Duong
 - C. Candi Borobudur
 - D. Angkor Wat

2. Nyatakan agama dan kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu.



3. Padankan kerajaan berdasarkan maklumat yang berikut:

Pemerintah Fan Shih-man mengambil peranan penting terhadap perkembangan agama Buddha.

Antara candi termasyhur yang terdapat di kerajaan ini termasuklah Candi Muara Jambi, Candi Bahal dan Candi Muara Takus.

Aliran agama Buddha dan Hindu disatukan dan dipanggil Tripaksa.

Pemerintah Bhadravarman mendirikan candi Hindu di Lembah Mi Son.

Kerajaan Srivijaya

Kerajaan Champa

Kerajaan Funan

Kerajaan Majapahit



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

4.



Bincangkan keunikan amalan sikap menghormati agama dan budaya pelbagai kaum yang diamalkan di negara kita. 🌸

5. Apakah keunikan sistem pemerintahan beraja dalam sesebuah kerajaan?

6. Pemerintah menjalinkan hubungan diplomatik yang berterusan bagi menjamin kemakmuran kerajaan.

Berdasarkan pernyataan di atas, jawab soalan yang berikut:

- Apakah bentuk-bentuk hubungan diplomatik?
- Apakah faedah daripada hubungan diplomatik?
- Bandingkan bentuk hubungan diplomatik kerajaan dahulu dan kini. 🌸

7.



Pelabuhan Klang merupakan salah sebuah pelabuhan entrepot di negara kita pada hari ini.

Berdasarkan gambar di atas, jawab soalan yang berikut:

- Namakan pelabuhan lain di Malaysia.
- Bincangkan keistimewaan pelabuhan di negeri anda.
- Sekiranya anda seorang pemerintah yang bercadang untuk membuka sebuah pelabuhan, apakah ciri-ciri lokasi yang akan anda pertimbangkan? 🌸



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Memahami agama dan kepercayaan masyarakat kerajaan Alam Melayu memupuk sikap tolak ansur dalam diri kita.
- Mengetahui keunikan warisan masyarakat kerajaan Alam Melayu dapat melahirkan rasa bangga terhadap sejarah negara.
- Sifat toleransi dan saling menghormati akan mewujudkan semangat kekitaan yang membawa perpaduan dalam kalangan masyarakat.

Diri dan Keluarga

Patuh kepada ajaran agama dapat membimbing diri dan keluarga ke arah pembentukan sahsiah diri dan keluarga bahagia.

Negara

Kita dapat mengukuhkan jati diri melalui pengamalan agama seperti dalam prinsip pertama Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan.



Masjid Putra, Putrajaya.



Tokong Ular di Bayan Lepas, Pulau Pinang.



Kuil Dewa Murugan, Batu Caves, Selangor.

BAB 5

KESULTANAN MELAYU MELAKA



Sinopsis

Kemunculan Kesultanan Melayu Melaka merupakan kesinambungan kepada kerajaan masyhur di Alam Melayu. Kesultanan Melayu Melaka diasaskan oleh Parameswara dan menjadi sebuah kerajaan yang unggul dan gemilang. Kemantapan kepimpinan raja, sistem pemerintahan dan perundangan telah melonjakkan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Namun begitu, Kesultanan Melayu Melaka yang berpusat di Melaka berakhir dengan kedatangan Portugis.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menceritakan pengasasan Kesultanan Melayu Melaka.
2. Menghuraikan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.
3. Menerangkan berakhirnya pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka yang berpusat di Melaka.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menilai kepentingan sifat kepimpinan dalam pembinaan negara.
2. Menghuraikan kepentingan menghargai alam sekitar untuk kesejahteraan kehidupan.
3. Menjelaskan perpaduan sebagai asas keharmonian masyarakat.
4. Merumuskan iktibar yang diperolehi daripada sejarah Kesultanan Melayu Melaka.





Istana Sultan Mansur Shah.
(Sumber: Ahmad Sarji (ed.),
The Rulers of Malaysia,
Singapura: Editions Didier
Millet, 2011, hlm. 110)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi pengasasan dan perkembangan Kesultanan Melayu Melaka.
2. Meneroka bukti kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.
3. Membuat interpretasi aspek kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.
4. Membuat imaginasi aktiviti perdagangan yang dijalankan oleh Kesultanan Melayu Melaka.
5. Membuat rasionalisasi kegemilangan dan kejatuhan Kesultanan Melayu Melaka yang berpusat di Melaka.

5.1 Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka

Pengenalan

Kesultanan Melayu Melaka diasaskan oleh Parameswara sekitar tahun 1400. Anda telah pun mempelajari dan mengetahui perincian pembukaan kota Melaka semasa berada di Tahun Empat. Kesultanan Melayu Melaka merupakan kelangsungan kepada kerajaan masyhur di Alam Melayu.

Parameswara

Parameswara berjaya memilih lokasi yang sesuai untuk mengasaskan kerajaan. Pemilihan lokasi ini menjadikan Melaka sebagai sebuah kerajaan yang unggul di Alam Melayu.

Pemilihan Lokasi yang Strategik oleh Parameswara

Parameswara memilih lokasi yang strategik untuk membentuk kerajaan, iaitu di muara Sungai Bertam yang juga dikenali sebagai Sungai Melaka. Pada asalnya, muara sungai ini merupakan sebuah perkampungan nelayan dan tempat berjual beli serta pertukaran barang dagangan.



Gambaran muara sungai, tempat pengasasan Kesultanan Melayu Melaka.

[Sumber: Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millets, 2011, hlm. 111]


1. Laluan Perdagangan

Kedudukan Melaka di laluan perdagangan utama antara timur dengan barat membolehkannya mengawal laluan kapal dagang.



Gambaran laluan kapal dagang di Selat Melaka.

[Sumber: Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millets, 2011, hlm. 111]



Peta menunjukkan Selat Melaka yang terlindung daripada tupan angin monsun.



Kedudukan strategik amat penting dalam pengasasan sesebuah kerajaan. Bincangkan.



2. Bentuk Muka Bumi

Melaka mempunyai bentuk muka bumi yang berbukit-bukau yang sesuai dijadikan benteng pertahanan dan menjadi panduan kapal dagang.



3. Benteng Pertahanan

Pokok bakau dan api-api yang terdapat di pesisir pantai pula menjadikannya sebagai benteng pertahanan dan pelindung semula jadi yang sukar ditembusi oleh musuh.



4. Terlindung Angin Monsun

Muara sungai yang terletak di Selat Melaka terlindung daripada tiupan angin monsun. Keadaan ini membolehkan kapal dagang datang dan berlabuh di pelabuhan Melaka dengan selamat.



Parameswara bijak memanfaatkan lokasi yang strategik dan alam semula jadi sebuah perkampungan nelayan menjadi sebuah pelabuhan yang maju. Kebijaksanaan Parameswara memilih lokasi tersebut telah mendorong Melaka kemudiannya muncul sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Pengasasan Melaka menunjukkan bahawa banyak manfaat yang diperoleh sekiranya kita menghargai alam sekitar untuk kesejahteraan kehidupan.



Cerna Minda

Apakah kelebihan Sungai Bertam?



Aktiviti

“Pengurusan Grafik” (*Graphic Organiser*)

1. Secara berkumpulan, cari maklumat daripada pelbagai sumber peristiwa yang membawa kepada pengembaraan Parameswara dari Palembang ke Melaka.
2. Maklumat yang diperoleh dipindahkan dalam lembaran pengurusan grafik seperti carta alir.
3. Hasil tugasan dibentangkan di dalam kelas.

5.2 Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka

Pengenalan

Kesultanan Melayu Melaka berkembang dari sebuah perkampungan nelayan dan akhirnya menjadi kerajaan yang masyhur. Beberapa faktor telah melonjakkan kerajaan ini berkembang menjadi sebuah kerajaan yang gemilang di Alam Melayu.

Faktor Kegemilangan


Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka disebabkan oleh faktor kepemimpinan raja yang berwibawa, sistem pentadbiran yang cekap dan sistem perundangan yang tersusun.

Kepemimpinan Raja

Raja merupakan ketua pemerintah dan ketua kerajaan yang mempunyai kuasa tertinggi. Hak kuasa ini berpunca daripada beberapa sumber.

1. Keturunan Raja Palembang

- Berdasarkan teks *Sulalatus Salatin*, pemerintah Melaka berasal daripada zuriat keturunan anak Raja Palembang yang dikatakan bersusur galur daripada Iskandar Zulkarnain.
- Susur galur ini memberikan taraf kedudukan yang tinggi kepada Sultan Melaka dalam kalangan kerajaan lain di Alam Melayu.



Diorama Sultan Melaka bertakhta di singgahsana.

(Sumber: Muzium Negeri Melaka)



Alat Kebesaran,
Nobat dan
Konsep Daulat



Sultan-sultan
yang Memerintah
Kesultanan
Melayu Melaka

2. Peranan yang Unggul

Raja mempunyai pelbagai peranan dalam sistem pemerintahan:

- Menjadi simbol perpaduan dan kemakmuran.
- Merupakan ketua angkatan tentera.
- Mengetuai hubungan diplomatik.
- Menyelaraskan kegiatan ekonomi.
- Menjadi Ketua Agama Islam.
- Menegakkan keadilan.



Glosari

Diorama: model tiga dimensi (3D) yang mengandungi pelbagai objek untuk menggambarkan situasi sebenar.

3. Daulat dan Alat Kebesaran

- Kepemimpinan raja juga dikaitkan dengan konsep daulat dan derhaka serta pelbagai institusi perajaan seperti adat istiadat istana dan alat kebesaran diraja.
- Daulat merupakan kuasa dan kewibawaan raja sebagai pemimpin. Rakyat mengakui kedaulatan raja dengan memberikan taat setia sepenuhnya dan tidak boleh menderhaka kepada raja.
- Antara alat kebesaran diraja termasuklah cap mohor, nobat, keris, lembing dan mahkota. Alat kebesaran digunakan semasa upacara istiadat pertabalan, perkahwinan dan kemangkatan raja.
- Konsep daulat, adat istiadat dan alat kebesaran menjadikan raja mempunyai kedudukan yang tinggi dan istimewa. Hal ini mengukuhkan kedudukan raja dalam sistem pemerintahan kerajaan Melaka.



Cap mohor.



Nobat diraja.



Tombak berambu.



Pending diraja.

4. Kewibawaan

- Raja memiliki ciri kepemimpinan seperti adil, berwibawa dan mengambil berat terhadap kebajikan rakyat.
- Raja memerintah berdasarkan bidang kuasa yang ditetapkan mengikut *Hukum Kanun Melaka*.
- Sultan Muzaffar Shah dan Sultan Mansur Shah merupakan pemerintah yang mengutamakan keamanan dan kebajikan rakyat. Sultan Mansur Shah menasihatkan puteranya, Sultan Alauddin Riayat Shah supaya bersikap adil terhadap rakyat, menyasiat segala tuduhan dengan teliti dan bekerjasama dengan pegawai-pegawainya.



Gambaran ketika wasiat Sultan Mansur Shah disampaikan kepada Sultan Alauddin Riayat Shah.

(Sumber: Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 116)

Kepemimpinan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka yang berdaulat dan berwibawa menyebabkan pemerintahannya diterima oleh rakyat dan diiktiraf oleh kuasa luar. Sebagai rakyat Malaysia yang setia kepada raja, kita perlu mempertahankan institusi raja yang merupakan lambang perpaduan dan kemakmuran negara kita.



Cerna Minda

Jelaskan ciri kepemimpinan raja dalam Kesultanan Melayu Melaka yang mampu mewujudkan sistem pemerintahan gemilang.

Sistem Pentadbiran

Sultan berada di puncak sistem pemerintahan dan pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Sultan melantik pembesar untuk membantunya dalam pentadbiran. Hal ini menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka gemilang dengan sistem pentadbiran yang tersusun dan berkesan.

1. Sistem Pembesar Empat Lipatan

Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka berasaskan Sistem Pembesar Empat Lipatan. Sistem ini bermaksud pada setiap peringkat pentadbiran, terdapat pembesar yang dilantik oleh pemerintah bagi membantu melicinkan pentadbiran.

- Sultan dibantu oleh pembesar berempat, pembesar berlapan, pembesar enam belas dan pembesar tiga puluh dua.
- Pembesar ini merupakan pentadbir kerajaan pada peringkat pusat, jajahan, daerah, mukim dan kampung.



Sistem Pembesar Empat Lipatan.

(Sumber: Adaptasi daripada Muhammad Yusoff Hashim (ed.), *Empayar Melaka: Tradisi Agung Melayu*, Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 2010, hlm. 39)

2. Tugas Pembesar

Tugas utama pembesar ialah mewujudkan sistem pentadbiran yang berkesan seperti:

- Menjaga keamanan kawasan.
- Mengutip cukai dan hasil lain melalui sistem serah.
- Membekalkan tenaga tentera ketika perang dan menyediakan tenaga buruh melalui sistem kerah.

Pemerintah Melaka juga mengurniakan kawasan khas kepada pembesar untuk ditadbir. Pengurniaan kawasan ini sebagai tanda untuk mendapat sokongan pembesar bagi mewujudkan pentadbiran yang mantap:

- Kawasan yang dikurniakan kepada pembesar berempat dikenali sebagai kawasan pegangan.
- Kawasan pembesar jajahan dan daerah pula dikenali sebagai kawasan pemakanan.
- Pembesar dibenarkan mengutip cukai di kawasannya dan menyerahkannya kepada pemerintah sebagai ufti.



Cerna Minda

Nyatakan tugas utama pembesar dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Pembesar berempat merupakan pembesar peringkat pusat yang merupakan tonggak utama pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka. Mereka terdiri daripada Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana. Mereka juga dikenali sebagai Orang Kaya Berempat.



Pentadbiran Sistem Pembesar Empat Lipatan yang mantap telah membawa keamanan dan kemakmuran kepada Kesultanan Melayu Melaka. Corak pentadbiran Melaka ini diwarisi kemudiannya oleh kerajaan Melayu yang lain. Kita patut berbangga dengan kestabilan sistem pentadbiran negara kita pada masa ini yang dimantapkan daripada warisan Kesultanan Melayu Melaka.



Glosari

Sistem Serah: pemberian sebahagian daripada hasil tanaman yang diusahakan oleh rakyat kepada pemerintah. Pemberian ini dilakukan sebagai balasan kepada pembesar yang menyediakan tanah untuk rakyat. Kadar dan nilai serahan bergantung pada hasil tanaman dan ternakan yang diperolehi.

Sistem Kerah: merupakan sesuatu pekerjaan yang dibuat tanpa diberi upah. Misalnya, membina istana, kubu, jalan dan saliran. Sistem ini menunjukkan wujud sikap taat setia, sedia berkorban dan rakyat berganding bahu untuk membantu pemerintah.



Bandingkan sistem pembesar Kesultanan Melayu Melaka dengan sistem pentadbiran negara kita sekarang.



Aktiviti "Peta Pemikiran" (Thinking Map)

Secara berkumpulan, buat perbandingan tugas antara Bendahara dengan Perdana Menteri pada masa ini. Bentangkan dengan menggunakan peta pemikiran yang sesuai.

Sistem Perundangan

Kesultanan Melayu Melaka telah memperkenalkan sistem perundangan yang mantap. Hal ini telah melonjakkan Kesultanan Melayu Melaka ke arah kegemilangan. Undang-undang tersohor kesultanan ini ialah *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-Undang Laut Melaka*.

1. *Hukum Kanun Melaka*

- *Hukum Kanun Melaka* mula ditulis semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1446-1456). Undang-undang ini disusun semula secara teratur pada masa pemerintahan Sultan Mahmud Shah (1489-1511).
- Undang-undang ini mengandungi 44 fasal yang berkaitan hak keistimewaan, tanggungjawab raja dan pembesar.
- Hukum Islam juga terdapat dalam undang-undang ini yang berkaitan dengan jenayah, urusan jual beli dan kekeluargaan.
- *Hukum Kanun Melaka* ini dapat mewujudkan keamanan dan menjamin keselamatan rakyat. Jenayah di dalam negeri Melaka dapat diatasi dengan baik dan terurus.



Hukum Kanun Melaka

2. *Undang-Undang Laut Melaka*

- Undang-undang ini ditulis semasa zaman Sultan Mahmud Shah bertujuan menentukan peraturan pelayaran dan perdagangan.
- Undang-undang yang mengandungi 25 fasal ini menerangkan peraturan di laut, tertib berniaga dan tatacara berjual beli.
- Kandungannya juga berkaitan tanggungjawab nakhoda, anak kapal, kiwi dan syahbandar.
- Undang-undang ini menyebabkan aktiviti perdagangan berjalan dengan lancar dan adil. Keadaan ini memberikan keyakinan kepada para pedagang.



Undang-Undang Laut Melaka



Glosari

Kiwi: saudagar yang menghantar dan menyebarkan barangan mereka untuk diperdagangkan. Mereka menyewa petak tempat letak barangan di dalam kapal atau perahu. Sekiranya kiwi tidak belayar bersama-sama, tempatnya akan digantikan oleh wakilnya yang dikenali sebagai maula kiwi.



Kiwi

3. Undang-Undang Adat

Kesultanan Melayu Melaka juga menggunakan undang-undang adat dalam sistem pemerintahannya. Adat ini dikenali sebagai Adat Temenggung.

Adat Temenggung

- Diasaskan oleh Datuk Ketemenggungan.
- Berkaitan sistem pemerintahan, perwarisan takhta, perkahwinan, perwarisan harta dan perundangan.
- Berkaitan sistem penggantian sultan, iaitu takhta kerajaan diwarisi oleh anak lelaki yang sulung.
- Mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Kuasa tertinggi terletak di tangan sultan atau raja.
- Membolehkan sistem perwarisan takhta berlaku secara teratur.

(Sumber: A. Aziz Deraman, *Suatu Analisis Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hlm. 70)



Tahukah Anda?

Adat Temenggung merupakan undang-undang adat yang diamalkan di semua negeri Melayu kecuali Negeri Sembilan. Adat Temenggung diasaskan oleh Datuk Ketemenggungan di Palembang. Adat ini dibawa masuk ke Melaka pada awal abad ke-15. Dari Melaka, Adat Temenggung disebarkan ke negeri Melayu yang lain.



Cerna Minda

Apakah yang anda fahami berkaitan dengan Adat Temenggung?



Pelaksanaan undang-undang dapat menjamin kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara. Bincangkan.

Kepemimpinan raja yang berwibawa, sistem pentadbiran yang mantap dan kesungguhan melaksanakan sistem undang-undang telah membawa kepada kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Hal ini mewujudkan kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan hidup rakyat. Sewajarnya setiap rakyat Malaysia mematuhi dan mendaulatkan undang-undang demi keamanan dan kesejahteraan negara.



Aktiviti "Kerusi Panas" (Hot Seating)

Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka telah berjaya membawa kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

1. Secara berkumpulan, kaji kepentingan undang-undang tersebut.
2. Seorang wakil kumpulan akan tampil di depan kelas dan membentangkan dapatan kajian menggunakan persembahan multimedia.
3. Murid lain boleh bertanya soalan kepada wakil kumpulan ini.

Aspek Kegemilangan

Kesultanan Melayu Melaka telah meneruskan tradisi kegemilangan kerajaan yang unggul di Alam Melayu. Kegemilangan kerajaan ini dapat dilihat dalam aspek pembentukan empayar, kemunculan sebagai pusat penyebaran agama Islam dan pusat perdagangan serta kejayaan menjalinkan hubungan luar dengan kerajaan lain. Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka juga dapat dibuktikan dengan kemunculan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* dan sebanyak 84 bahasa dipertuturkan di Melaka.

Empayar yang Luas

Empayar Kesultanan Melayu Melaka meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu dan kawasan pantai timur Sumatera. Empayar ini terdiri daripada tanah jajahan dan naungan. Kegemilangan empayar yang luas ini dapat dilihat dalam aspek cara pembentukan, kepentingan dan struktur pentadbirannya.

Cara Pembentukan Empayar

1. Penaklukan

- Penaklukan dilakukan untuk menjamin keselamatan dan kemakmuran Kesultanan Melayu Melaka.
- Kawasan taklukan di Semenanjung Tanah Melayu ialah seperti Kuala Linggi, Beruas, Pahang, Terengganu dan Kelantan.
- Kawasan taklukan di Sumatera pula ialah Siak, Rokan, Kampar dan Rupert.



Gambaran perkahwinan Sultan Melaka dengan puteri Majapahit.

(Sumber: Muzium Negeri Melaka)

2. Perkahwinan

- Perkahwinan berlaku antara Sultan Melaka dengan puteri diraja kerajaan lain.
- Perkahwinan mengukuhkan lagi hubungan persahabatan dan kekeluargaan antara kerajaan Melaka dengan kerajaan lain.
- Perkahwinan Sultan Mansur Shah dengan puteri Majapahit, Raden Galuh Cendera Kirana menyebabkan pengaruh Melaka semakin meluas.

3. Naungan

- Terdapat pemerintah kerajaan lain yang rela bernaung di bawah Kesultanan Melayu Melaka.
- Raja yang berada di bawah naungan Melaka ditabalkan oleh sultan Melaka.
- Antara kerajaan yang rela bernaung termasuklah Lingga, Patani dan Kedah.



Ilustrasi raja yang bernaung di bawah Kesultanan Melayu Melaka merafak sembah kepada Sultan Melaka.

(Sumber: Muzium Negeri Melaka)



Glosari

Empayar: kawasan yang diperluaskan mengandungi kumpulan beberapa bangsa dan negara yang diletakkan di bawah penguasaan satu kuasa berdaulat.



Tahukah Anda?

Berdasarkan tulisan dalam *Sulalatus Salatin*, kawasan Inderagiri, Jambi, Tungkal dan Siantan merupakan anugerah Betara Majapahit kepada menantunya, Sultan Mansur Shah.

Keputusan Pembentukan Empayar

1. Politik

- Meluaskan wilayah dan jajahan takluk.
- Mengukuhkan hubungan dengan kerajaan yang ditakluk.
- Menyekat pengaruh kuasa serantau seperti Siam, Majapahit dan Pasai.

2. Ekonomi

- Menerima hadiah dalam bentuk wang, emas, timah dan bantuan ketenteraan.
- Mendapat bekalan seperti hasil pertanian, rempah-ratus dan bijih timah untuk diperdagangkan di pelabuhan Melaka.
- Menguasai perdagangan di Selat Melaka.

3. Sosial

- Berlaku asimilasi budaya tempatan dengan budaya dari Arab, India, China dan Alam Melayu.
- Wujud masyarakat majmuk yang terdiri daripada pelbagai suku dan bangsa.

4. Agama

- Mendorong usaha penyebaran agama Islam.
- Islam telah berkembang luas ke Pahang, Kelantan, Perak, timur Sumatera dan Patani.



Peta empayar Kesultanan Melayu Melaka.

[Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 112]

Pentadbiran Empayar

1. Pentadbiran Pusat

Pusat pemerintahan dan pentadbiran di Melaka yang terletak di tempat raja bersemayam. Raja dibantu oleh pembesar pusat.

2. Pentadbiran Kawasan Naungan

Kawasan naungan ialah kawasan yang mengakui ketuanan Melaka dan menghantar upeti. Pemerintahan diketuai oleh pemerintah negeri berkenaan dan dibantu oleh pembesar tempatan.

3. Pentadbiran Kawasan Jajahan

Pemerintahan diketuai oleh pemerintah yang dilantik oleh Sultan Melaka.

Perluasan empayar membolehkan Kesultanan Melayu Melaka menguasai politik dan ekonomi wilayahnya serta menyebarkan agama Islam. Hal ini telah mendorong Kesultanan Melayu Melaka muncul sebagai sebuah kerajaan yang kuat dan gemilang di Alam Melayu. Kita patut berbangga dengan kejayaan dan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.



Cerna Minda

Mengapakah Kesultanan Melayu Melaka melakukan penaklukan?



Aktiviti

“Penulisan Pantas” (Rocket Writing)

Dalam tempoh lima minit, murid menyenaraikan aspek kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.

Pusat Penyebaran Agama Islam

Sebelum kemunculan Kesultanan Melayu Melaka, kerajaan awal yang menerima pengaruh Islam di Alam Melayu ialah Samudera-Pasai dan Perlak. Pengislaman pemerintah menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka muncul sebagai pusat penyebaran Islam yang unggul di Alam Melayu pada abad ke-15.



Peta menunjukkan kawasan pengaruh Islam ke Alam Melayu.

(Sumber: Adaptasi daripada Muhammad Yusoff Hashim (ed.), *Empayar Melaka: Tradisi Agung Melayu*, Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 2010, hlm. 193)

Cara Penyebaran Agama Islam

1. Pengislaman Pemerintah

- Pengislaman Sultan Iskandar Shah pada tahun 1414 diikuti oleh para pembesar dan rakyat.
- Sultan Muzaffar Shah telah menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi Kesultanan Melayu Melaka.

2. Perkahwinan

- Perkahwinan puteri Sultan Mansur Shah dengan putera Raja Siak.

3. Peranan Ulama dan Mubaligh

- Pemerintah Melaka menghantar ulama dan mubaligh ke seluruh kawasan pengaruhnya.
- Ajaran tasawuf dan sufi dikembangkan melalui ulama dari Timur Tengah dan India. Antaranya termasuklah Maulana Abu Bakar dan Maulana Yusuf.
- Sultan Alauddin Riayat Syah menghantar ulama untuk mengajar Raja Pahang, Kampar dan Inderagiri tentang hal ehwal agama.

4. Perdagangan

- Islam tersebar melalui pedagang Arab, India dan China yang datang ke Melaka. Selain berjual beli, mereka juga mempunyai sifat mubaligh yang mendorong penyebaran Islam.
- Dari Melaka, mereka juga menyebarkan Islam ke kawasan lain yang disinggahi seperti Brunei, Filipina dan kepulauan Indonesia.

5. Peluasan Kuasa

- Kesultanan Melayu Melaka menyebarkan agama Islam melalui proses perluasan kuasa.
- Negeri naungan dan jajahan memeluk Islam sebagai tanda taat setia kepada pemerintah Melaka.

1. Tumpuan Ulama

Melaka menjadi tumpuan ulama dan pendakwah. Sultan Melaka menjadi penaung kepada aktiviti dakwah dan perbincangan kitab agama seperti *Darul Manzum*.



(Sumber: Muzium Negeri Melaka)

2. Tempat Pembelajaran

Semasa pemerintahan Sultan Muzaffar Shah, madrasah, masjid dan surau menjadi tempat mempelajari al-Quran dan ilmu tasawuf.



(Sumber: Muzium Negeri Melaka)

3. Persuratan

Pengaruh Islam terdapat dalam saduran karya sastera dari Arab dan Parsi seperti *Hikayat Muhammad Ali Hanafiah* dan *Hikayat Amir Hamzah*. Seiring dengan hal ini berlaku perkembangan tulisan Jawi dan bahasa Melayu. Bahasa Melayu menjadi bahasa persuratan dan bahasa penulisan.



(Sumber: Muzium Negeri Melaka)

4. Pemerintahan dan Pentadbiran

Undang-undang Islam terkandung dalam *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka*. Manakala ulama memainkan peranan penting dalam hal pentadbiran. Jawatan mufti dan kadi diwujudkan untuk kelicinan pengurusan agama Islam.



Peranan Istana Melaka sebagai Pusat Keilmuan dan Pusat Pendidikan

Kesultanan Melayu Melaka telah muncul sebagai pusat penyebaran agama Islam yang unggul di Alam Melayu. Agama Islam telah berkembang dan menjadi budaya hidup masyarakat Alam Melayu. Kita wajar mengamalkan sikap toleransi dan menghormati agama serta kepercayaan orang lain.




Bagaimanakah pedagang mampu menarik minat masyarakat untuk memeluk Islam?



KPS

Gambar di sebelah merupakan model istana Sultan Mansur Shah.

- Secara berkumpulan, kumpul maklumat dengan meneroka bukti daripada *QR Code* dan pelbagai sumber lain berkaitan istana Sultan Mansur Shah. Bahaskan peranan istana sebagai pusat keilmuan dan pusat pendidikan yang terulung di Alam Melayu.
- Cipta model istana dengan menggunakan bahan kitar semula berdasarkan imaginasi dan kreativiti anda. Huraikan ciri-ciri keistimewaannya.
- Senaraikan usaha yang perlu dilakukan untuk mengembalikan peranan negara kita sebagai pusat keilmuan yang unggul di dunia.



Pusat Perdagangan

Pelabuhan Melaka menjadi pusat perdagangan yang penting dalam mengendalikan perdagangan antarabangsa. Pelabuhan ini berfungsi sebagai pelabuhan entrepot yang mengumpulkan barangan dari Alam Melayu. Pelabuhan Melaka juga menjadi pusat pengedaran barangan dari timur dan barat ke Alam Melayu. Perkembangan kegiatan perdagangan ini telah menyumbang kepada kemegahan Kesultanan Melayu Melaka.

1. Kedudukan Strategik

- Melaka terletak di laluan perdagangan antara India dengan China.
- Kedudukan strategik di Selat Melaka menyebabkan Melaka dikunjungi oleh pedagang dari dalam dan luar Alam Melayu.
- Kesannya, Melaka muncul sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan yang maju.



Peta menunjukkan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa.

(Sumber: Adaptasi daripada Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989, hlm. 45)

2. Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Pelbagai Barangan

- Barangan yang dikumpul dan diedarkan kepada pedagang luar ialah timah, emas, kapur barus, hasil hutan dan rempah-ratus. Barangan ini diperolehi daripada negeri naungan dan jajahan serta kawasan sekitar Alam Melayu.
- Barangan luar yang dibawa masuk ke Melaka ialah benang emas, kain pelikat, batu delima, tembikar, wangian dan bahan makanan.
- Kepelbagaian barangan dagangan ini membuktikan pelabuhan Melaka sebagai emporium yang maju.



Batu delima.

3. Dikunjungi Pedagang dari Dalam dan Luar Alam Melayu

- Pedagang yang paling ramai mengunjungi pelabuhan Melaka ialah pedagang Arab, China dan Gujarat.
- Pedagang Pasai dan Jawa merupakan pedagang yang paling ramai dari Alam Melayu.
- Pelabuhan Melaka juga dikunjungi oleh pedagang dari Brunei, Pegu, Parsi, Turki, Mesir, Luzon, Ceylon, Burma, Kemboja, Champa dan Annam.



Diorama pedagang Arab.

(Sumber: Muzium Negeri Melaka)



Glosari

Emporium:

pusat perniagaan besar yang menjual pelbagai jenis barangan tempatan dan luar.

4. Pusat Perkapalan

- Pelabuhan Melaka dikunjungi oleh pelbagai jenis kapal besar dan kecil.
- Kapal kecil terdiri daripada perahu, sampan, ghurab, penjajap, sagur, payar, baluk, lancang, kakap, balang dan kelulus.
- Kapal besar pula seperti jong dan bahtera.



Replika Jong



Replika Baluk
(Sumber: Muzium Negeri Melaka)



Tahukah Anda?

Kapal jong milik orang Melayu dibina di Pegu dan Jawa. Kapal ini boleh memuatkan 40 hingga 100 orang. Saiznya lebih kecil jika dibandingkan dengan kapal jong Pegu dan Jawa.



Kapal-kapal
Dagang
di Melaka



Cerna Minda

Jelaskan faktor kemunculan Melaka sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan entrepot.

Barang siapa yang menguasai Melaka, ia boleh menggugat Venice.

Tome Pires, *Suma Oriental*



Sejauh manakah kedudukan strategik menjadi ciri penting untuk kemajuan sesebuah pelabuhan?



Venice



Aktiviti

“Saya Lihat, Saya Fikir, Saya Bertanya” (*I See, I Think, I Wonder*)



Ilustrasi kesibukan pelabuhan Melaka.

(Sumber: Adaptasi daripada Muhammad Yusoff Hashim (ed.), *Empayar Melaka: Tradisi Agung Melayu*, Melaka: Perbadanan Muzium Melaka, 2010, hlm. 71)

Secara berkumpulan, berdasarkan gambar di sebelah lakukan aktiviti yang berikut:

- (a) Ceritakan apakah yang anda lihat pada gambar di sebelah?
- (b) Bincangkan peranan pelabuhan Melaka sebagai pusat perkapalan yang unggul di Alam Melayu.
- (c) Bagaimanakah pelabuhan Melaka dapat mengekalkan reputasinya sebagai pelabuhan yang terbaik?
- (d) Hasilkan folio dan lakaran pelbagai jenis kapal dagang di pelabuhan Melaka.
- (e) Bandingkan ciri-ciri kapal dagang yang terdapat di pelabuhan Melaka.
- (f) Bentangkan hasil dapatan di dalam kelas.

Pengurusan Perdagangan

Kesultanan Melayu Melaka mencapai kegemilangan disebabkan oleh peranannya sebagai pusat perdagangan dan pelabuhan entrepot yang unggul di Alam Melayu. Kegiatan perdagangan dapat dijalankan dengan lancar dan teratur hasil daripada pengurusan perdagangan yang cekap oleh syahbandar, cukai perdagangan yang rendah, penggunaan sistem tukar barang dan mata wang, peranan Orang Laut serta kemudahan yang terdapat di pelabuhan Melaka.

1. Syahbandar

Pelabuhan diuruskan dengan teratur dan cekap oleh pegawai yang mahir dan berpengalaman.

- Urusan perdagangan dikendalikan oleh syahbandar yang memainkan peranan penting dalam menjadikan Melaka sebagai pelabuhan entrepot.
- Tugas syahbandar ialah mengurus pasar dan gudang, menjaga kebajikan serta keselamatan pedagang.
- Syahbandar juga bertanggungjawab memeriksa alat timbang, sukat dan mata wang, menjadi hakim di pelabuhan, mengurus cukai dan menguatkuasakan peraturan keluar masuk kapal.



Peranan syahbandar yang dinyatakan dalam *Hukum Kanun Melaka*.

2. Cukai Perdagangan

Para pedagang tertarik dengan pengurusan cukai barangan yang cekap dan sistematik.

- Pengurusan cukai pelabuhan yang rendah menarik minat pedagang ke Melaka.
- Cukai dan bayaran surat kebenaran berniaga di pelabuhan menjadi sumber pendapatan Kesultanan Melayu Melaka.
- Terdapat dua jenis cukai yang dikenakan. Pertama, cukai rasmi, iaitu cukai import yang dikenali sebagai *panduan*. Kadarnya berbeza-beza mengikut tempat asal pedagang. Kedua, cukai tidak rasmi, iaitu dalam bentuk hadiah. Pedagang dari China dan Jepun hanya dikehendaki memberikan hadiah yang nilainya sama dengan cukai lima peratus.

Cukai Rasmi di Pelabuhan Melaka	
Pedagang	Jumlah Cukai
Arab, India, Ceylon, Siam, Pegu	6 peratus
Alam Melayu	3 peratus
Bahan makanan seperti beras tidak dikenakan cukai.	
Cukai Tidak Rasmi di Pelabuhan Melaka	
Pedagang	Jumlah Cukai
China, Jepun	5 peratus (dalam bentuk hadiah)

3. Mata Wang

Urusan berjual beli dijalankan dalam dua bentuk, iaitu pertukaran barangan dan menggunakan mata wang.

- Perdagangan tukar barang berlaku antara barangan dari China dan Alam Melayu dengan barangan dari Barat dan India.
- Penggunaan mata wang telah melancarkan lagi urusan jual beli. Pada peringkat awal, digunakan tukaran nilai seperti jongsong timah, serbuk emas dan kulit siput (*cowrie*).
- Mata wang timah yang digunakan dikenali sebagai Calains. Pada kepingan timah ini terpahat nama Sultan Melaka yang memerintah. Terdapat juga mata wang emas dan perak.
- Mata wang dari Pasai, Hormuz dan Cambay juga digunakan.



Mata wang timah zaman Sultan Muzaffar Shah.

(Sumber: Muhammad Yusoff Hashim, *Tun Perak dalam Sejarah dan Dinamisme Ketamadunan Bangsa, Melaka*: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 2008, hlm. 19)

4. Orang Laut

Orang Laut memberikan taat setia kepada raja dan memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan kestabilan kerajaan, khasnya dalam memastikan urusan perdagangan dapat dijalankan tanpa gangguan.

- Mereka merupakan pelayar dan penunjuk arah yang cekap kepada pedagang yang berdagang di Melaka.
- Orang Laut juga bertanggungjawab sebagai tentera untuk menjamin keselamatan pedagang di perairan Melaka.



Ilustrasi menggambarkan Orang Laut.
(Sumber: Muzium Negeri Melaka)



Ilustrasi buruh mengangkut barangan ke gudang simpanan.

[Sumber: Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millets, 2011, hlm. 130]

5. Kemudahan Pelabuhan

Pelabuhan di Melaka dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang menarik minat pedagang. Antaranya termasuklah kemudahan yang berikut:

- Gudang tempat menyimpan barang.
- Kemudahan pengangkutan.
- Kemudahan bekalan makanan dan minuman.
- Khidmat membaiki kapal.
- Tempat penginapan.
- Syahbandar yang menjaga kebajikan pedagang.
- Kemudahan tempat beribadat.

Kejayaan Kesultanan Melayu Melaka menguasai perdagangan di Selat Melaka membolehkan kesultanan ini muncul sebagai pusat perdagangan yang unggul. Kesultanan Melayu Melaka juga berjaya meneruskan tradisi kerajaan Alam Melayu sebagai pusat perdagangan antarabangsa. Sebagai rakyat Malaysia, kita mesti bekerjasama untuk mengembalikan peranan negara kita sebagai sebuah kuasa perdagangan yang gemilang pada masa ini.



Orang Laut



Cerna Minda

Apakah aspek pengurusan perdagangan yang menyebabkan aktiviti perdagangan dapat dijalankan dengan lancar di pelabuhan Melaka?



Mengapakah empat orang syahbandar dilantik untuk mengurus pedagang yang datang ke Melaka?



Aktiviti "Drama" (*Dramatisation*)

1. Bentuk kumpulan dan buat skrip untuk lakonkan situasi di pelabuhan Melaka yang bertajuk "Syahbandar memainkan peranan penting dalam memajukan pelabuhan Melaka".
2. Pilih seorang murid untuk menjadi syahbandar.
3. Lakonkan situasi seperti di pelabuhan Melaka.

Hubungan Luar

Kesultanan Melayu Melaka menjalinkan hubungan luar dalam bentuk hubungan diplomatik dan perdagangan. Hubungan berlaku dengan kerajaan Alam Melayu seperti kerajaan Pasai, Demak, Majapahit dan Makasar. Selain itu, hubungan luar berlaku dengan kerajaan luar Alam Melayu seperti China, Ryukyu, Siam, Mesir, Parsi, Turki dan Pegu. Hubungan ini menyebabkan Kesultanan Melayu Melaka dapat menjamin kestabilan dan keselamatan kerajaan serta dapat mengekalkan penguasaannya terhadap perdagangan di Selat Melaka.

Pasai

- Hubungan berlaku atas dasar sama taraf.
- Hubungan diplomatik terjalin melalui perkahwinan Sultan Melaka dengan puteri kerajaan Pasai, iaitu Puteri Ratna Kaumala.
- Hubungan juga berlaku atas dasar berkongsi pendapat dan perbincangan berkaitan hal agama Islam.
- Hubungan ini membantu kemunculan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam.



Diorama perbincangan berkaitan hal agama antara ulama Pasai dengan Melaka.

(Sumber: Muzium Negeri Melaka)

Demak

- Hubungan berlaku atas dasar kepentingan bersama dalam perdagangan dan penyebaran Islam.
- Kerajaan Demak membekalkan beras, bahan makanan, rempah-ratus dan tentera kepada Melaka.
- Hubungan ini penting bagi menjamin keamanan dan kemakmuran Melaka.



Diorama pedagang Demak di Melaka.

(Sumber: Muzium Negeri Melaka)

Hubungan Kesultanan Melayu Melaka dengan Kerajaan Alam Melayu

Majapahit

- Hubungan terjalin disebabkan oleh perkahwinan pemerintah Melaka dengan puteri Majapahit.
- Hubungan ini dapat mengukuhkan lagi persahabatan dengan Majapahit.
- Hasil hubungan ini, wilayah Melaka menjadi semakin luas dan tamatnya ancaman daripada Majapahit.

Makasar

- Melaka telah menghantar utusan persahabatan ke Makasar.
- Hubungan ini berlaku dalam aspek perdagangan, perkapalan, Islam, kebudayaan dan kesenian.
- Hubungan ini semakin rapat dengan kerajaan Makasar menghadiahi “Budak Raja” kepada Sultan Melaka.



Glosari

Hubungan Diplomatik: hubungan secara langsung dengan menggunakan perantaraan perwakilan (diplomat) antara dua negara.

Hubungan Luar: kerjasama yang terjalin antara sesebuah kerajaan dengan kerajaan lain. Kerjasama ini berlaku dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, keselamatan, pertukaran teknologi, kebudayaan dan keamanan.



Aktiviti

“Peta Pemikiran” (*Thinking Map*)

Berdasarkan maklumat dalam teks, secara berkumpulan hasilkan peta pemikiran yang sesuai berkaitan hubungan Kesultanan Melayu Melaka dengan kerajaan Alam Melayu. Bentangkan.



Pada pendapat anda, apakah bentuk hubungan luar negara kita pada masa ini? Jelaskan.

China


- Hubungan diplomatik, persahabatan dan perdagangan terjalin dengan kunjungan utusan diketuai oleh Yin Ching pada tahun 1403 dan Laksamana Zheng He pada tahun 1405.
- Pengurniaan payung kuning, cap mohor dan sepersalinan pakaian sebagai tanda pengiktirafan kepada Sultan Melaka. Melaka mendapat naungan dan perlindungan daripada China.
- Pengiktirafan dan perlindungan daripada China dapat mengelakkan ancaman Siam. Melaka mahu situasi menang-menang dengan Siam untuk mengekalkan kedaulatannya.



Laksamana Zheng He
(Sumber: Muzium Negeri Melaka)

Ryukyu (Jepun)

- Melaka menjalinkan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan kerajaan Ryukyu.
- Sultan Mansur Shah berutus surat dengan kerajaan Ryukyu berkaitan tingkah laku pedagang yang melanggar undang-undang di Melaka.
- Hubungan ini membantu meningkatkan lagi perdagangan dengan Melaka.



Surat Raja Ryukyu kepada Sultan Melaka.
(Sumber: Hashim Musa, *Hang Tuah Catatan Okinawa*, Serdang: Penerbit UPM, 2015, hlm. 132)

Hubungan Kesultanan Melayu Melaka dengan Kerajaan Luar Alam Melayu

Siam

- Melaka pernah diancam oleh Siam semasa pemerintahan Parameswara dan Sultan Muzaffar Shah.
- Melaka menjalinkan hubungan dengan Siam atas dasar diplomatik dan perdagangan.
- Melaka telah menghantar utusan ke Siam yang diketuai oleh Tun Telanai dan Menteri Jana Putera.
- Melalui hubungan ini, Melaka memperoleh bekalan kayu jati, beras dan bahan makanan daripada Siam serta dapat menjamin keselamatannya.

Kerajaan Lain

- Hubungan berbentuk perdagangan pula dilakukan dengan Pegu, Luzon, Gujerat, Koromandel dan Bengal.
- Melaka juga menjalinkan hubungan dengan Mesir, Parsi, Turki dan Arab.
- Kesannya, Melaka telah muncul sebagai pusat perdagangan dan pusat penyebaran Islam yang ulung di Alam Melayu.



Diorama pedagang Siam.
(Sumber: Muzium Negeri Melaka)

Hubungan luar menyebabkan negara lain menghormati kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka. Keselamatan Kesultanan Melayu Melaka juga terjamin melalui hubungan berbaik-baik dengan kerajaan di dalam dan luar Alam Melayu. Sebagai generasi pewaris, kita perlu terus memelihara hubungan baik dengan negara lain agar kedaulatan negara kekal terpelihara.

Pengenalan

Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka berakhir dengan kedatangan Portugis pada tahun 1511. Peristiwa ini penting kerana tahun tersebut menandakan bermulanya serangan Portugis dan penaklukan ke atas Melaka. Kesultanan Melayu Melaka telah menggunakan beberapa strategi untuk menghadapi serangan Portugis. Walaupun terpaksa berundur, pemerintah Kesultanan Melayu Melaka terus berjuang untuk mengembalikan kedaulatannya.

Faktor Dalaman

Masalah Kepimpinan

- Kelemahan Sultan Mahmud Shah dan pembesar dalam pemerintahan dan pentadbiran menyebabkan ketidakstabilan politik.
- Amalan pilih kasih, rasuah dan penyelewengan dalam pentadbiran.
- Perbalahan sesama sendiri dalam kalangan pembesar.

Masalah Perpaduan

- Rakyat tidak bersatu padu.
- Berlaku persaingan kuasa antara pembesar Melaka yang menyebabkan perpecahan.
- Askar upahan dari luar yang tidak taat setia kepada Melaka.

Serangan Portugis

Kedatangan Portugis ke Alam Melayu kerana ingin mencapai matlamat kekayaan, keagamaan dan kemasyhuran. Di samping mengawal perdagangan rempah, Portugis ingin menyebarkan agama Kristian dan menghapuskan penguasaan pedagang Islam. Hubungan Melaka-Portugis bermula dengan kedatangan Lopez de Sequeira pada 11 September 1509. Kegagalan rundingan menyebabkan Portugis di bawah pimpinan Alfonso de Albuquerque menyerang Melaka. Serangan berlaku sebanyak tiga kali, iaitu pada 25 Julai 1511, 10 Ogos 1511 dan 24 Ogos 1511.



Serangan Portugis

Strategi Melaka Menghadapi Serangan Portugis

Kepemimpinan Kesultanan Melayu Melaka melaksanakan pelbagai ikhtiar mempertahankan maruah dan kedaulatannya, termasuklah aspek diplomasi, strategi, pertahanan dan pertempuran. Melaka juga tidak tandus dari segi semangat juang. Malahan askar tempatan digambarkan mempunyai semangat keperwiraan yang tinggi.



Tentera bergajah Melaka. (Sumber: Ismail Embong, *Perjuangan Abadi Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Gapeniaga, 2009, hlm. 12)

- Menggunakan lancaran dan perahu berapi.
- Pertahanan Melaka diperteguhkan di kawasan pantai dengan kayu-kayan dan pelbagai jenis meriam serta peti-peti berisi serbuk peluru.
- Tembakan meriam bertalu-talu dari pantai.
- Melaka menggunakan tentera bergajah bagi menghadapi serangan Portugis.



Meriam milik tentera Kesultanan Melayu Melaka.

[Sumber: Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 140]



Cerna Minda

Apakah yang dimaksudkan dengan kekayaan, keagamaan dan kemasyhuran?

Perjuangan Mengembalikan Kedaulatan

- Sultan Mahmud Shah berundur dari Melaka ke beberapa wilayah naungan serta jajahannya kemudian bersemayam di Bentan.
- Di antara tahun 1515 hingga 1519, Sultan Mahmud Shah melakukan tiga kali serangan untuk mendapatkan semula Melaka tetapi gagal.
- Pada tahun 1526, pusat pemerintahan Sultan Mahmud Shah di Bentan telah dimusnahkan oleh Portugis.
- Akhirnya, Sultan Mahmud Shah berundur ke Kampar dan mangkat pada tahun 1528.



Peta menunjukkan pengunduran Sultan Mahmud Shah.

(Sumber: Mohd. Jamil Mukmin, *Tun Fatimah Serikandi Melayu*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 2013, hlm. 12)



Glosari

Lancaran: sejenis perahu yang bergerak laju.



Cerna Minda

Apakah strategi yang digunakan oleh Kesultanan Melayu Melaka bagi menghadapi serangan Portugis?



Pada pendapat anda, mengapakah Melaka mengalami kekalahan walaupun mempunyai strategi dan senjata yang baik?

Kesultanan Melayu Melaka yang berpusat di Melaka berakhir pada 24 Ogos 1511. Legasi kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka diwarisi dan diteruskan pula oleh Kesultanan Johor Riau. Kekalahan Kesultanan Melayu Melaka perlu dijadikan iktibar kepada kita tentang kepentingan memelihara perpaduan. Hal ini bagi mengelakkan perpecahan yang boleh mengancam perpaduan dan keamanan negara.





Imbas Kembali

Kesultanan Melayu Melaka



Pengasasan Kesultanan Melayu Melaka

- Parameswara
- Pemilihan Lokasi yang Strategik
 - Laluan perdagangan.
 - Bentuk muka bumi.
 - Benteng pertahanan.
 - Terlindung angin monsun.

Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka

- Faktor Kegemilangan
 - Kepemimpinan raja.
 - Sistem pentadbiran.
 - Sistem perundangan.
- Aspek Kegemilangan
 - Empayar yang luas.
 - Pusat penyebaran agama Islam.
 - Pusat perdagangan.
 - Pengurusan perdagangan.
 - Hubungan luar.



Pengakhiran Kesultanan Melayu Melaka yang Berpusat di Melaka

- Faktor Dalaman
- Serangan Portugis
- Strategi Melaka Menghadapi Serangan Portugis
- Perjuangan Mengembalikan Kedaulatan



Bab ini telah memerihalkan Parameswara mengasaskan sebuah kerajaan yang penting dan gemilang di Alam Melayu. Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka membuktikan kerajaan di Alam Melayu mampu menjadi bangsa yang maju dan kuat. Kepemimpinan Kesultanan Melayu Melaka berjuang dan berusaha untuk mengembalikan kegemilangan kerajaan. Semangat ini wajar dijadikan sumber inspirasi untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah negara bangsa yang mempunyai imej dan jati diri yang tinggi. Warisan keagungan dan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka kemudiannya diteruskan pula oleh Kesultanan Johor Riau.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Mengapakah Parameswara memilih Orang Laut sebagai penjaga keamanan dan keselamatan Melaka?
 - A. Mahir dalam perdagangan.
 - B. Memberikan taat setia kepada raja.
 - C. Merupakan penduduk asal negeri Melaka.
 - D. Mempunyai hubungan dengan kerajaan Siam.
2. Apakah keistimewaan Sungai Melaka yang menyebabkan Parameswara mengasaskan kerajaan di tempat berkenaan?
 - I. Tanahnya subur.
 - II. Mudah memperoleh sumber makanan.
 - III. Bentuk muka bumi yang berbukit bukau.
 - IV. Terlindung daripada tiupan angin monsun.
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV
3. Bagaimanakah hubungan antara Kesultanan Melayu Melaka dengan China dapat membantu perdagangan di Melaka?
 - A. Melaka dapat bantuan kewangan dari China.
 - B. Melaka dapat mengawal pedagang-pedagang China.
 - C. Melaka dapat perlindungan China daripada ancaman luar.
 - D. Melaka dapat menguasai barang dagangan yang dibawa dari China.
4. (a) Senaraikan lokasi pengembaraan Parameswara sehingga tertubuhnya Kesultanan Melayu Melaka.
(b) Jelaskan kelebihan faktor geografi yang menyebabkan Parameswara mengasaskan kerajaan di Melaka.
(c) Sekiranya anda merupakan pengasas Kesultanan Melayu Melaka, apakah langkah yang akan anda ambil untuk membangunkan kerajaan ini? 🌸
5. Jadual di bawah berkaitan perluasan wilayah oleh Kesultanan Melayu Melaka. Berdasarkan pelbagai sumber, lengkapkan maklumat jadual di bawah.

Kerajaan	Cara Perluasan Kuasa	Sebab Perluasan Kuasa
Kelantan		
Inderagiri		
Siak		
Jambi		
Aru		



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

6. Bandingkan *Hukum Kanun Melaka* dengan *Undang-Undang Laut Melaka*.

Nama	Pemerintah	Kandungan (Fasal)
<i>Hukum Kanun Melaka</i>		
<i>Undang-undang Laut Melaka</i>		

7. (a) Nyatakan faktor yang menyebabkan kemunculan Kesultanan Melayu Melaka sebagai pusat perdagangan yang unggul di Alam Melayu.
- (b) Apakah cadangan anda untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat perdagangan yang bertaraf dunia? 🌸

8.



Ilustrasi serangan Portugis terhadap Kesultanan Melayu Melaka.

(Sumber: Ismail Embong, *Perjuangan Abadi Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Gapeniaga, 2009, hlm. 13)

- (a) Apakah suasana yang anda dapat tafsirkan di dalam gambar di atas?
- (b) Mengapakah Portugis menyerang dan menguasai Kesultanan Melayu Melaka?
- (c) Kekalahan Melaka kepada Portugis bukan menandakan berakhirnya pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Berikan hujah anda. 🌸



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Pengetahuan tentang Kesultanan Melayu Melaka mengajar kita agar menghargai sistem pemerintahan beraja yang diamalkan di negara kita.
- Memahami Kesultanan Melayu Melaka memupuk sikap taat setia dan patuh kepada raja dan kepimpinan negara.
- Pemahaman berkaitan sistem pemerintahan beraja mampu mewujudkan semangat bersatu padu rakyat berbilang kaum untuk mempertahankan kedaulatan negara.

Diri dan Keluarga

Kita perlu memberikan taat setia kepada ketua keluarga. Hal ini akan menjadikan hubungan lebih harmoni dan saling menghormati antara ahli keluarga.

Negara

Mengetahui dan memahami sejarah kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka akan menjadikan kita lebih bersungguh-sungguh untuk mengekalkan dan mempertahankan kedaulatan negara.



Institusi raja merupakan tonggak utama kesejahteraan dan kemakmuran rakyat di negara ini.

BAB 6

KESULTANAN JOHOR RIAU




Sinopsis

Kesultanan Johor Riau diasaskan oleh waris Kesultanan Melayu Melaka. Kerajaan ini mewarisi dan meneruskan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Kepimpinan Kesultanan Johor Riau berjaya menghadapi cabaran ke arah kegemilangan. Kegemilangan dicapai dari aspek perdagangan dan persuratan Melayu. Kegemilangan Kesultanan Johor Riau sebagai sebuah empayar yang unggul di Alam Melayu berakhir dengan Perjanjian Inggeris Belanda 1824.




Apakah yang akan anda pelajari?

1. Memerihalkan pengasasan Kesultanan Johor Riau.
2. Menghuraikan kegemilangan Kesultanan Johor Riau.



Ilustrasi Pelabuhan Batu Sawar.

(Sumber: Kamarudin Ab. Razak, *Kesultanan Johor sehingga 1699*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2005, hlm. 56)



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?



1. Menilai kepentingan kelangsungan warisan pentadbiran negara.
2. Menjelaskan tanggungjawab pemimpin dan rakyat dalam sesebuah negara.
3. Menghuraikan kepentingan sumbangan warisan Kesultanan Melayu.
4. Merumuskan iktibar yang diperolehi daripada sejarah Kesultanan Melayu.

Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:



1. Memahami kronologi pengasasan Kesultanan Johor Riau.
2. Meneroka bukti kegemilangan Kesultanan Johor Riau.
3. Membuat interpretasi cabaran yang dihadapi oleh Kesultanan Johor Riau ke arah kegemilangan.
4. Membuat imaginasi kegemilangan Kesultanan Johor Riau.
5. Membuat rasionalisasi strategi Kesultanan Johor Riau dalam menghadapi pelbagai cabaran.

Pengenalan

Kesultanan Johor Riau diasaskan oleh waris Kesultanan Melayu Melaka. Kerajaan ini juga mewarisi sistem pemerintahan dan pentadbiran serta wilayah jajahan takluk dan naungan Kesultanan Melayu Melaka. Kesultanan Johor Riau juga meneruskan tradisi kegemilangan dan keagungan kerajaan awal di Alam Melayu.



Lakaran wajah Sultan Alauddin Riayat Shah I.

(Sumber: Muzium Kota Tinggi, Johor)

1. Pengasasan Kerajaan

- Kesultanan Johor Riau telah diasaskan oleh Raja Ali, putera Sultan Mahmud Shah dan Tun Fatimah. Baginda menggunakan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah I (1528-1564).
- Bendahara Seri Nara Diraja dititahkan menghimpunkan rakyat untuk membuka negeri di pesisir Sungai Johor.



Peta menunjukkan kedudukan pusat pemerintahan Kesultanan Johor Riau di Pekan Tua.

(Sumber: Buyong Adil, *Sejarah Johor*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1971, hlm. 54)

2. Pusat Pemerintahan Kota Kara, Pekan Tua

- Sultan Alauddin Riayat Shah I membina pusat pemerintahan di Kota Kara, Pekan Tua pada tahun 1528.
- Kedudukan Kota Kara yang terletak berhampiran sungai yang lebar dan dalam memudahkan kapal untuk keluar masuk.
- Kawasan berbukit bukau di sekitar Kota Kara menjadi benteng pertahanan daripada ancaman luar.



Ilustrasi Kuala Sungai Telor, Pekan Tua.

(Sumber: Kamarudin Ab. Razak, *Kesultanan Johor sehingga 1699*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2005, hlm. 9)



Cerna Minda

Apakah keistimewaan Sayong Pinang dari segi pertahanan?



Pemerintah
Kesultanan
Johor Riau



Ilustrasi Kota Kara.
(Sumber: Kamarudin Ab.Razak, *Kesultanan Johor sehingga 1699*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2005, hlm. 15)



3. Pusat Pemerintahan Kota Sayong, Sayong Pinang

- Kota Kara di Pekan Tua telah diserang dan dimusnahkan oleh Portugis pada tahun 1535.
- Sultan Alauddin Riayat Shah I berundur dan membuka pusat pemerintahan di Kota Sayong.
- Kawasan ini lebih selamat kerana kapal perang musuh sukar melintasi sungai yang sempit.

4. Pusat Pemerintahan Kota Batu, Johor Lama

- Pada tahun 1540, Sultan Alauddin Riayat Shah I memindahkan pusat pemerintahan ke Kota Batu, Johor Lama.
- Kawasan ini juga dikenal sebagai Tanjung Batu.
- Kedudukannya yang strategik di Sungai Johor yang lebar dan dalam memudahkan kemasukan kapal dagang.



Sungai Johor pada masa kini.
(Sumber: Koleksi DBP, 2010)



Tahukah Anda?

Kesultanan Johor Riau yang diasaskan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah I telah berkembang dan diperintah oleh sultan daripada dua keturunan. Dari tahun 1528 hingga 1699, pemerintahan Kesultanan Johor Riau diketuai oleh waris berketurunan Kesultanan Melayu Melaka. Manakala dari tahun 1699 hingga 1824, kegemilangan dan kemasyhuran Kesultanan Johor Riau diteruskan pula oleh sultan berketurunan Bendahara Johor.




Pada pendapat anda, mengapakah pemerintah Kesultanan Johor Riau sering memindahkan pusat pemerintahan?

Sultan Alauddin Riayat Shah I telah meletakkan asas yang kukuh untuk pemerintah seterusnya mengembalikan kewibawaan dan kedaulatan kerajaan Kesultanan Melayu. Semangat gigih dan usaha tanpa jemu yang ditunjukkan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah I wajar dijadikan iktibar oleh kita dalam menzahirkan semangat cinta akan negara.

Cabaran Ke Arah Kegemilangan

Kesultanan Johor Riau menghadapi pelbagai cabaran untuk mempertahankan kedaulatannya. Antara cabaran tersebut termasuklah persaingan Johor-Acheh-Portugis, Perang Johor-Jambi, konflik pembesar dan ancaman Raja Kechil.

1. Persaingan Johor-Acheh-Portugis



- Berlaku peperangan antara tiga kuasa ini untuk menguasai perdagangan di Selat Melaka. Perang ini dikenali sebagai Perang Tiga Segi atau Perang Seratus Tahun.
- Peperangan ini berakhir apabila Johor memberikan bantuan kepada Belanda untuk mengalahkan Portugis dan menguasai Melaka pada tahun 1641. Acheh pula mengalami kemerosotan selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani.

2. Perang Johor-Jambi

- Johor menuntut wilayah Tungkal daripada kerajaan Jambi. Krisis dan peperangan berlaku dari tahun 1659 hingga 1679.
- Johor menyerang Jambi pada bulan Jun 1679. Jambi tewas dan tunduk di bawah kuasa Kesultanan Johor Riau yang berpusat di Riau.



Aktiviti "Utusan" (Envoys)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan dibahagikan soalan di bawah:
 - (a) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Kesultanan Johor Riau ke arah mencapai kegemilangan?
 - (b) Adakah Kesultanan Johor Riau berjaya menghadapi cabaran tersebut? Berikan pandangan anda.
 - (c) Sekiranya anda merupakan pemimpin Kesultanan Johor Riau, bagaimanakah anda menghadapi cabaran yang menggugat kedaulatan negara?
2. Seorang utusan dipilih daripada setiap kumpulan untuk menerangkan hasil perbincangan kepada kumpulan lain.
3. Utusan kembali semula kepada kumpulan asal dan menyatakan maklum balas yang diterima daripada kumpulan lain.



Peta menunjukkan kedudukan Jambi.
(Sumber: Adaptasi daripada Kamarudin Ab. Razak, *Kesultanan Johor sehingga 1699*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2005, hlm. 19)

3. Konflik Pembesar

- Konflik berlaku antara Bendahara Tun Habib Abdul Majid dengan Laksamana Tun Abdul Jamil untuk menguasai pemerintahan Kerajaan Johor Riau.
- Persaingan berakhir dengan pengunduran Laksamana Tun Abdul Jamil ke Terengganu.
- Keturunan Bendahara kembali berpengaruh dalam pemerintahan Kerajaan Johor Riau. Tun Habib meninggal dunia dan dikenali dengan gelaran Bendahara Padang Saujana. Jawatan Bendahara digantikan oleh anaknya, Tun Abdul Jalil.



Makam Bendahara Tun Habib Abdul Majid.
(Sumber: Kamarudin Ab. Razak, *Peninggalan Sejarah di Pesisiran Sungai Johor*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 1998, hlm. 60)

4. Ancaman Raja Kechil

- Raja Kechil menyerang Johor pada tahun 1718 kerana menuntut takhta kerajaan Johor. Baginda mendakwa dirinya sebagai putera Sultan Mahmud Shah I (Sultan Mahmud Mangkat Dijulang) (1685-1699) dan mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Johor Riau dengan menggunakan gelaran Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah.
- Raja Sulaiman, putera Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV meminta bantuan Opu Bugis Lima Bersaudara untuk mengusir Raja Kechil.
- Raja Kechil dapat dikalahkan pada 4 Oktober 1722. Raja Sulaiman ditabalkan sebagai Sultan Johor dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (1722-1760), manakala Daeng Merewah dilantik sebagai Yang di-Pertuan Muda atau Yamtuan Muda Bugis yang pertama di Johor.

Cabaran yang dihadapi oleh Kesultanan Johor Riau tidak menggugat kewibawaan pemerintah dan kedaulatan Johor. Kecekalan dan kebijaksanaan para pemerintah menghadapi cabaran getir telah membawa Kesultanan Johor Riau ke arah kegemilangan. Kita wajar mencontohi semangat juang yang tinggi dan mampu menghadapi segala cabaran demi mencapai kejayaan dan kecemerlangan pada masa hadapan.



Tahukah Anda?

Kesultanan Johor Riau juga dikenali sebagai Kesultanan Johor Riau Lingga kerana Lingga pernah menjadi pusat pemerintahan semasa pemerintahan Sultan Abdullah Ma'ayat Shah (1615-1623), Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah (1718-1722) dan Sultan Mahmud Shah II (1761-1812).



Raja
Kechil



Glosari

Opu Bugis: gelaran untuk kerabat diraja Bugis-Luwu di Sulawesi Selatan. Antara yang terkenal termasuklah Opu Bugis Lima Bersaudara yang terdiri daripada Daeng Parani, Daeng Menambun, Daeng Merewah, Daeng Chelak dan Daeng Kemasi.



Aktiviti "Mangkuk Ikan Emas" (Goldfish Bowl)

1. Berdasarkan gambar di bawah, secara berkumpulan, bincangkan kehebatan peralatan yang digunakan oleh askar Bugis.
 - (a) Mengapakah persiapan, kelengkapan perang dan strategi peperangan penting dalam menghadapi musuh?
 - (b) Jelaskan strategi peperangan yang terdapat dalam kerajaan Alam Melayu.
2. Bentangkan di hadapan kelas dan jawab soalan daripada kumpulan lain.



Strategi Menghadapi Cabaran

Kepemimpinan Kesultanan Johor Riau berjaya menghadapi cabaran yang menggugat kedaulatannya dengan menggunakan beberapa strategi. Antaranya termasuklah memindahkan pusat pemerintahan, membina kota pertahanan serta menjalinkan hubungan persahabatan dengan Belanda.

1. Pemindahan Pusat Pemerintahan

Sebahagian besar pusat pemerintahan Kesultanan Johor Riau terletak di sepanjang pesisir Sungai Johor. Semasa pemerintahan Sultan Ibrahim (1677-1685), kegemilangan Kesultanan Johor Riau diteruskan di Kepulauan Riau Lingga yang menjadi pusat pemerintahan yang baharu. Pusat pemerintahan sering berpindah disebabkan oleh keperluan strategi ketenteraan dan pertahanan serta muslihat mempertahankan diri daripada ancaman Portugis dan Aceh.



Ilustrasi Kota Batu Sawar.

(Sumber: Kamarudin Ab. Razak, *Kesultanan Johor sehingga 1699*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2005, hlm.10)



Kota-kota
Pertahanan
Kesultanan
Johor Riau



Ilustrasi Kota Seluyut.

(Sumber: Kamarudin Ab. Razak, *Kesultanan Johor sehingga 1699*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2005, hlm. 35)



Peta pusat pemerintahan Kesultanan Johor Riau.

(Sumber: Adaptasi daripada Kamarudin Ab. Razak, *Kesultanan Johor sehingga 1699*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2005, hlm. 12)

2. Membina Kota Pertahanan

Kota pertahanan yang dibina sering berubah mengikut lokasi pusat pemerintahan dan mempunyai bentuk serta ciri yang tersendiri.

Kota Kara

- Dibina semasa pengasasan kerajaan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah I.
- Terletak di Kuala Sungai Telor.
- Pagar dibuat dengan pancang kayu besar setinggi 40 kaki (12 meter).
- Diperkuatkan dengan bedil dan meriam.



Cerna Minda

Jelaskan ciri-ciri kota pertahanan yang dibina oleh Kesultanan Johor Riau.



Ilustrasi Kota Kara di Pekan Tua.

(Sumber: Kamarudin Ab. Razak, *Kesultanan Johor sehingga 1699*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2005, hlm. 24)

3. Menjalinkan Hubungan dengan Belanda

Kepemimpinan Kesultanan Johor Riau mengekalkan kedaulatan kerajaan dengan mengadakan perjanjian persahabatan dengan pihak Belanda. Dasar berbaik-baik dengan Belanda dilakukan sebagai strategi untuk menghadapi ancaman daripada Portugis di Melaka dan Aceh.



Surat Perjanjian Johor Belanda 1606.

(Sumber: Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 69)

- Hubungan Johor-Belanda bermula pada tahun 1602 apabila Belanda menawarkan bantuan kepada Sultan Alauddin Riayat Shah II (1597-1615) untuk melindungi Johor daripada serangan Portugis dan Aceh.
- Perjanjian Johor-Belanda ditandatangani pada 17 Mei 1606 antara Admiral Belanda, Cornelis Matelief de Jonge dan Sultan Alauddin Riayat Shah II di atas kapal Belanda bernama *Oranje*.

- Belanda meminta bantuan Johor untuk menyerang Melaka.
- Johor mengambil bahagian dalam perang Belanda-Portugis dengan memberikan bantuan yang berikut:
 - Membantu mengangkut peralatan perang.
 - Membuat tapak meriam.
 - Menggali parit kubu.
 - Menyekat musuh lari ke dalam hutan.
 - Menaikkan semangat tentera Belanda.
- Johor membantu Belanda mengepung dan menyerang Portugis di Melaka sejak 2 Ogos 1640.
- Portugis di Melaka berjaya ditewaskan pada Januari 1641.



Ilustrasi tentera Johor membantu Belanda mengepung Melaka.

(Sumber: Kamarudin Ab. Razak, *Kesultanan Johor sehingga 1699*, Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor, 2005, hlm. 65)

Strategi memindahkan pusat pemerintahan, membina kota pertahanan dan mengadakan perjanjian persahabatan dengan Belanda dapat mengekalkan kedaulatan dan kestabilan Kesultanan Johor Riau. Kewibawaan dan kebijaksanaan pemerintahnya menggunakan pendekatan ini telah melonjakkan kesultanan ini ke arah kegemilangan dan keagungan di Alam Melayu. Kita perlu mempunyai keyakinan diri dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Pengenalan

Kesultanan Johor Riau muncul sebagai sebuah kerajaan yang kuat dan unggul di Alam Melayu. Kerajaan ini mencapai kegemilangannya dalam aspek perdagangan dan persuratan Melayu. Kerajaan ini juga berusaha menghidupkan kembali tradisi perdagangan kerajaan di Alam Melayu dengan Arab, India dan China.

Pusat Perdagangan yang Unggul

Pada abad ke-16 dan ke-17, Johor muncul sebagai pusat perdagangan yang menjadi tumpuan pedagang. Terdapat beberapa keistimewaan yang menyebabkan Johor muncul sebagai pusat perdagangan yang unggul.



Peta menunjukkan lokasi pelabuhan kerajaan Johor Riau di sepanjang Sungai Johor.

1. Kedudukan Strategik

- Pelabuhan Johor Lama, Batu Sawar dan Panchor mudah dimudiki oleh kapal besar kerana Sungai Johor yang lebar dan dalam.
- Lokasi pelabuhan di kawasan selatan Selat Melaka membolehkannya mengawal lalu lintas kapal dagang dari Timur dan Barat.
- Pelabuhan Riau yang terletak di persimpangan lalu lintas maritim yang strategik menjadi tumpuan para pedagang luar untuk berurus niaga.

**Pusat
Perdagangan
dan
Pelabuhan
Entrepot**

2. Tumpuan Para Pedagang

- Tumpuan pedagang dari China, Gujerat, Belanda dan pedagang Inggeris.
- Pedagang Jawa menjadikan Johor sebagai pelabuhan pilihan disebabkan tidak berminat berdagang dengan Portugis di Melaka.
- Pedagang Siam memasarkan hasil pertanian seperti beras.
- Turut menjadi tumpuan pedagang dari tanah jajahan dan naungan serta kerajaan lain di Alam Melayu.



Ilustrasi menunjukkan pedagang China dan Gujerat.

(Sumber: Adaptasi daripada diorama Muzium Negeri Melaka)

3. Pusat Pengumpulan dan Penedaran Pelbagai Barang Dagangan

- Pelabuhan Johor Riau berperanan sebagai pusat pertukaran barangan keluaran Alam Melayu dengan barangan dari China, India dan Arab.
- Barangan dagangan yang dibekalkan oleh tanah jajahan dan naungan Johor ialah lada hitam, bijih timah dan emas.
- Bijih timah dibawa masuk dari Klang, Sungai Ujong dan Bernam serta Pulau Bangka, Sumatera.
- Lada hitam dibawa dari Jambi dan emas pula dari Inderagiri.
- Barang tempatan lain ialah kelapa kering, kayu gaharu, damar, kelembak, sagu, pinang, ikan masin, periuk belanga, lilin dan garam yang didatangkan dari Pahang, timur Sumatera, Kepulauan Riau, Sungai Ujong, Klang, Naning dan Rembau.
- Pelabuhan Batu Sawar juga menjadi pusat perdagangan untuk barangan yang dibawa dari China.
- Antaranya termasuklah benang emas, kain sutera putih, barang tembikar, seramik, kualiti besi, teh dan tembaga.
- Pedagang Jawa membawa beras.
- Pedagang Gujerat pula membawa kain, wangian dan manik.
- Johor juga mendapat bekalan beras yang diniagakan oleh pedagang Siam.



Lada hitam



Kelembak



Tembikar China.



Kain sutera.

4. Kesibukan Pelabuhan Johor Riau

- Terdapat 500 hingga 600 buah kapal dagang pelbagai bangsa berlabuh di pelabuhan Johor terutamanya di pelabuhan Riau.
- Antara kapal yang berlabuh di Riau termasuklah kapal Siam, Portugis, Inggeris dan pulau-pulau di Alam Melayu.



Ilustrasi menunjukkan pelabuhan Johor Riau. (Sumber: Muzium Kota Tinggi, Johor)



Tahukah Anda?

Nama saintifik kelembak ialah *Rheum Officinale*. Kelembak merupakan tanaman yang digunakan untuk menghasilkan ubat dan wangian. Daun dan akar kelembak dapat dimanfaatkan sebagai antioksidan.



Cerna Minda

Bagaimanakah pelabuhan Johor Riau muncul sebagai pelabuhan yang unggul?

Pengurusan Pelabuhan

Kecekapan pelabuhan Kesultanan Johor Riau mengendalikan barang dagangan dan kemampuannya membekalkan semula kapal dengan cepat dan murah, merupakan antara faktor utama yang menjadikan pelabuhannya sebagai pelabuhan entrepot.

1. Kemudahan Pelabuhan

- Menyediakan gudang bawah tanah untuk menyimpan barangan bagi mengelakkan daripada kebakaran.
- Menyediakan pegawai terlatih untuk mengendalikan urusan perdagangan.
- Membekalkan barang yang diperlukan oleh pedagang seperti lada hitam dan rempah-ratus.

2. Urusan Jual Beli

- Perdagangan dijalankan secara tukar barang dan menggunakan mata wang.
- Sultan Alauddin Riayat Shah I memperkenalkan mata wang emas yang dikenali sebagai mas, wang perak sebagai kupang dan wang timah sebagai katun.
- Pada akhir abad ke-18, mata wang asing seperti Dolar Sepanyol, Dolar Mexico dan duit Belanda turut digunakan.
- Syahbandar merupakan pembesar yang bertanggungjawab mengurus sistem jual beli dan kutipan cukai pelabuhan. Cukai pelabuhan yang dikenakan terhadap pedagang adalah berpatutan. Syahbandar juga menetapkan ukuran dan berat timbangan barangan.



Wang Emas



Wang Kupang



Wang Katun

(Sumber: Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millets, 2011, hlm. 68)

3. Sistem Naungan

- Pedagang luar dan pedagang tempatan mendapat naungan daripada Bendahara, Temenggung, Laksamana dan Raja Indera Bongsu.
- Sebahagian hasil keuntungan diberikan kepada pihak yang memberikan naungan dalam bentuk cukai perdagangan berdasarkan sistem naungan.
- Melalui sistem ini pedagang mudah mendapat surat kebenaran daripada Belanda dan dapat belayar tanpa gangguan di Selat Melaka.



Cerna Minda

Apakah yang dimaksudkan dengan Sistem Naungan?

4. Peranan Orang Laut

- Orang Laut ditugaskan sebagai pengawal pelabuhan, penunda kapal dagang, penunjuk arah kepada para pedagang dan pengawal di perairan Johor dan Selat Melaka.
- Orang Laut juga terlibat mengawal keselamatan Kesultanan Johor Riau dengan menjadi tentera angkatan laut.



Orang Laut menyumbang kepada kegemilangan Kesultanan Johor Riau.
(Sumber: Muzium Kota Tinggi, Johor)

5. Kemudahan Membaiki dan Membina Kapal

- Pelabuhan di Johor juga mempunyai kemudahan membaiki dan membina kapal bersaiz kecil.
- Orang Laut mahir dalam pembinaan kapal. Mereka membuat kapal pesisir pantai seperti kolek, banteng, penjajap, balok dan pencilang. Kemahiran ini telah membantu memajukan Kesultanan Johor Riau.



Replika Banteng
(Sumber: Muzium Kota Tinggi, Johor)

Kedudukan strategik dan kemudahan pelabuhan menyebabkan Kesultanan Johor Riau menjadi tumpuan para pedagang. Kesultanan ini telah dapat menyaingi dan mengambil alih peranan Melaka dan Aceh sebagai pusat perdagangan yang unggul pada masa itu. Kita patut berasa bangga dengan sejarah sebuah kerajaan gemilang yang pernah wujud di negara kita.



Bandingkan pengurusan pelabuhan pada masa dahulu dan sekarang. Bincangkan.



Aktiviti "Peta Pemikiran" (Thinking Map)

Berdasarkan maklumat dalam teks, hasilkan peta pemikiran yang sesuai berkaitan pengurusan perdagangan di pelabuhan Kesultanan Johor Riau.



KPS

Gambar menunjukkan kesibukan pelabuhan Batu Sawar.



Batu Sawar amat penting bagi Kesultanan Johor Riau kerana peranannya sebagai pusat perdagangan dan pusat pemerintahan. Setiap murid mengemukakan idea masing-masing tentang gambar di atas.

Pusat Persuratan

Penghasilan karya persuratan membuktikan Kesultanan Johor Riau juga tidak ketandusan dengan karya agung dan tokoh persuratan yang berkaliiber. Batu Sawar dan Pulau Penyengat, Riau memainkan peranan penting dalam perkembangan penulisan karya persuratan berkaitan kerajaan Melayu.

Karya Agung

Kesultanan Johor Riau banyak menghasilkan karya agung. Karya agung bermaksud karya yang tertulis dalam bahasa Melayu yang mampu mencetuskan unsur pemikiran, sistem nilai dan kepercayaan, falsafah atau pandangan hidup bangsa Melayu. Karya agung juga melambangkan pencapaian unggul dalam tamadun Melayu yang mencerminkan pemikiran dan pandangan hidup bangsa Melayu.

Sulalatus Salatin

- Bermaksud *Salasilah Raja-Raja* atau *Peraturan Segala Raja-Raja*.
- Naskhah asal karya ini bernama *Hikayat Melayu* telah disusun dan ditulis semula oleh Tun Seri Lanang pada tahun 1612.
- Kandungannya menceritakan asal usul keturunan raja-raja Melaka, adat istiadat kerajaan dan sejarah Kesultanan Melayu Melaka.



Salinan naskhah *Sulalatus Salatin*.
(Sumber: Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia)

Hikayat Hang Tuah

- Sejarahwan menyatakan bahawa naskhah ini dihasilkan oleh pengarang dari Johor selepas kekalahan Portugis di Melaka pada tahun 1641.
- *Hikayat Hang Tuah* ialah sebuah epik kepahlawanan yang merentas sepanjang zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka.
- Kandungannya juga berkaitan dengan ketaatan atau kesetiaan Hang Tuah kepada raja dan Kesultanan Melayu Melaka.



Salinan naskhah *Hikayat Hang Tuah* yang menceritakan kehebatan Hang Tuah bertarung.
(Sumber: Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka)

Tahukah Anda?

Sulalatus Salatin dan *Hikayat Hang Tuah* diiktiraf sebagai hasil kesusasteraan klasik dan epik Melayu tradisional oleh UNESCO dalam Daftar Ingatan Dunia (*The Memory of the World Register*).



Tokoh Persuratan



Lakaran wajah Tun Seri Lanang.
(Sumber: Muzium Kota Tinggi, Johor)

Tun Seri Lanang

- Nama sebenar Tun Seri Lanang ialah Tun Muhammad bin Tun Ahmad Paduka Raja.
- Dilahirkan di Bukit Seluyut, Kota Tinggi pada tahun 1565.
- Menjadi Bendahara Johor semasa pemerintahan Sultan Alauddin Riayat Shah II.
- Menyusun dan menulis semula *Sulalatus Salatin* atas titah Raja Abdullah, adinda Sultan Alauddin Riayat Shah II.
- Dilantik sebagai penasihat Sultan Iskandar Muda, Aceh dan menjadi Raja Uleebalang di Samarlanga.

Karya Lain



Tajul Salatin
(Sumber: Pusat Manuskrip Melayu,
Perpustakaan Negara Malaysia)

- *Tajul Salatin* atau *Mahkota Raja-Raja* ditulis oleh Bukhari al-Jauhari.
- Karya ini merupakan antara karya persuratan yang tersohor dihasilkan pada zaman Kesultanan Johor Riau.
- *Tuhfat al-Nafis, Salasilah Melayu dan Bugis* dan *Gurindam Dua Belas* dikarang oleh Raja Ali Haji.
- *Hikayat Anak Panah Sedasa* dikarang oleh Tun Hisap Misai.
- *Syair Ungku Puteri* dikarang oleh Raja Ahmad.

Kelahiran karya persuratan merupakan pengiktirafan kepada kegemilangan Kesultanan Johor Riau sebagai pusat persuratan Alam Melayu pada abad ke-17 dan ke-18. Kesannya, kesultanan ini muncul sebagai pusat perkembangan persuratan dan bahasa Melayu yang terulung di Alam Melayu. Kita perlu menghargai karya-karya persuratan ini kerana karya tersebut merupakan warisan bernilai yang menjadi rujukan hingga hari ini.

Kegemilangan sebagai pusat perdagangan dan pusat persuratan Melayu menyebabkan Kesultanan Johor Riau muncul sebagai kerajaan masyhur dan unggul di Alam Melayu. Kesultanan ini telah berjaya mewarisi kegemilangan dan kesinambungan Kesultanan Melayu Melaka. Oleh itu, usaha perlu dilakukan untuk mengembalikan semula kegemilangan negara dalam bidang perdagangan dan persuratan Melayu. Warganegara Malaysia perlu bekerjasama ke arah mencapai matlamat tersebut.



Bincangkan langkah yang perlu dilakukan untuk memartabatkan karya-karya persuratan Melayu ke peringkat antarabangsa?



Aktiviti "Peta Pemikiran" (*Thinking Map*)

Secara berkumpulan, kumpul maklumat tentang kegemilangan Kesultanan Johor Riau dalam bidang persuratan Melayu. Bentangkan hasil dapatan dengan menggunakan peta pemikiran.




Imbas Kembali

Kesultanan Johor Riau



Pengasasan Kesultanan Johor Riau

- Pengasasan
- Pusat Pemerintahan
- Cabaran Ke Arah Kegemilangan
 - Persaingan Johor-Acheh-Portugis.
 - Perang Johor-Jambi.
 - Konflik pembesar.
 - Ancaman Raja Kecil.
- Strategi Menghadapi Cabaran
 - Pemindahan pusat pemerintahan.
 - Membina kota pertahanan.
 - Menjalinkan hubungan dengan Belanda.



Kegemilangan Kerajaan

- Pusat Perdagangan yang Unggul
 - Kedudukan strategik.
 - Tumpuan para pedagang.
 - Pusat pengumpulan dan pengedaran pelbagai barang dagangan.
 - Kesibukan pelabuhan Johor Riau.
- Pengurusan Pelabuhan
 - Kemudahan pelabuhan.
 - Urusan jual beli.
 - Sistem naungan.
 - Peranan Orang Laut.
 - Kemudahan membaiki dan membina kapal.
- Pusat Persuratan
 - Karya agung.
 - Tokoh persuratan.

Bab ini telah menerangkan pengasasan dan perkembangan Kesultanan Johor Riau serta kemampuannya menghadapi segala cabaran untuk mencapai kegemilangan. Sistem pemerintahan bercorak empayar yang diwarisi oleh Kesultanan Johor Riau berakhir dengan Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Warisan Kesultanan Melayu diteruskan pula oleh kerajaan negeri Melayu lain yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis







- Perang Tiga Segi berlaku antara Johor-Acheh-Portugis.
 - Dikenali juga dengan Perang Seratus Tahun.

Apakah faktor yang membawa kepada peperangan di atas?

- Persaingan kuasa Acheh.
 - Perluasan pengaruh Portugis.
 - Perebutan kuasa antara pembesar.
 - Persaingan untuk menguasai perdagangan di Selat Melaka.
- Sultan Alauddin Riayat Shah I telah mengambil beberapa langkah untuk memantapkan dan mengekalkan kewibawaan Kesultanan Johor Riau.

Apakah tindakan tersebut?

- Mengalahkan Portugis dan Acheh.
 - Mengawal perdagangan di Selat Melaka.
 - Menguasai tanah jajahan dan naungan Kesultanan Melayu Melaka.
 - Membina kota pertahanan untuk mempertahankan pusat pentadbiran.
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- Bagaimanakah Kesultanan Johor Riau dapat menamatkan ancaman Jambi yang menggugat kedaulatannya?
 - Membuat pakatan dengan Belanda.
 - Menjalankan pemerintahan yang cekap.
 - Menyerang dan menewaskan kerajaan Jambi.
 - Meminta bantuan daripada askar upahan Bugis.
 - Lengkapkan maklumat berkaitan kota pertahanan Kesultanan Johor Riau di dalam jadual di bawah:

Gambar	Nama Kota	Susunan Kronologi	Keistimewaan Kota
			
			
			



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5. Cari perkataan dalam teka kata. Lengkapkan ayat di bawah dengan perkataan tersebut.

K	D	E	P	T	L	O	U	J	F	P	Y	C	B
S	N	Y	A	M	T	U	A	N	M	U	D	A	O
N	G	R	B	U	K	Q	R	S	C	N	P	A	F
F	D	H	Z	P	B	M	V	L	W	E	T	G	L
N	P	S	D	C	J	P	E	R	X	W	D	U	S
P	E	R	A	N	G	T	I	G	A	S	E	G	I
R	K	J	M	C	U	F	L	D	Y	E	A	W	A
H	A	Q	A	T	J	C	P	V	E	L	G	O	M
C	N	E	R	H	D	R	K	Q	P	U	J	E	I
P	T	B	Y	X	O	V	K	G	C	Y	N	J	V
H	U	D	I	F	K	E	J	K	E	U	U	N	G
H	A	M	B	S	L	Y	O	D	M	T	R	A	U
R	E	W	D	O	A	J	N	T	G	Y	O	R	T
N	A	S	K	O	T	A	B	A	T	U	E	O	Z

- Sultan Alauddin Riayat Shah I telah mengasaskan kerajaan di
- Kota pertahanan yang dibina di Johor Lama dikenali sebagai
- Persaingan antara Johor-Acheh-Portugis telah menyebabkan
- Daeng Merewah telah dilantik sebagai Bugis yang pertama di Johor.
- Kota menjadi pusat pemerintahan Kesultanan Johor Riau semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah I.
- Perjanjian Johor-Belanda ditandatangani di atas kapal bernama
- Pelabuhan Johor menjadi tumpuan pedagang dari
- merupakan hasil hutan yang diperdagangkan di pelabuhan Johor Riau.
- Orang Laut mahir dalam membina kapal pesisir pantai seperti

6. Ilustrasi menunjukkan Kota Kara yang menjadi antara pusat pentadbiran Kesultanan Johor Riau.

- Apakah keistimewaan pusat pentadbiran dan kota pertahanan ini?
- Adakah anda bersetuju bahawa strategi peperangan lebih penting daripada kota pertahanan untuk mempertahankan kedaulatan negara daripada ancaman musuh. Berikan rasional anda. 🍌





Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar


- Memahami kegigihan dan kesungguhan kepemimpinan Kesultanan Johor Riau mempertahankan kedaulatan kerajaan.
- Pengetahuan tentang kegemilangan kerajaan Melayu mendidik kita supaya berbangga dengan sejarah, tradisi dan budaya bangsa.
- Semangat kekitaan yang ditunjukkan oleh masyarakat dahulu mengajar kita tentang kepentingan bersatu padu, bersefahaman dan bermuafakat dalam mempertahankan kedaulatan negara.

Diri dan Keluarga

Semangat kerjasama dan saling membantu dalam menghadapi cabaran dan bijak menyelesaikan masalah sesama ahli keluarga akan melahirkan keluarga yang sejahtera dan harmoni.

Negara

Peranan golongan intelek dan rakyat yang berilmu pengetahuan serta sanggup berkorban amat penting dalam mengekalkan dan mempertahankan kedaulatan negara dan bangsa.



Dato' Dr. Zurinah binti Hassan merupakan penerima Anugerah Sasterawan Negara Ke-13 pada tahun 2016 dan merupakan wanita pertama yang menerima anugerah tertinggi negara ini. Anugerah Sasterawan Negara merupakan pengiktirafan kerajaan kepada budaya intelektual dan pengkaryaan persuratan Melayu.

BAB 7

KESULTANAN MELAYU PAHANG, PERAK, TERENGGANU DAN SELANGOR



Sinopsis

Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor merupakan kelangsungan daripada Kesultanan Melayu Melaka. Pengasas Kesultanan Pahang dan Perak merupakan kesinambungan langsung daripada Kesultanan Melayu Melaka. Pengasasan Kesultanan Selangor dan Terengganu pula berkait rapat dengan Kesultanan Johor Riau. Oleh itu, warisan Kesultanan Melayu Melaka diteruskan oleh Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor. Hal ini dapat dilihat dalam sistem pemerintahan, agama Islam dalam pemerintahan, perundangan, adat istiadat, persuratan, dan ekonomi.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menerangkan kelangsungan Kesultanan Melayu Melaka di Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor.
2. Menghuraikan warisan Kesultanan Melayu Melaka terhadap Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor hingga kini.



Tengkolok Sultan Perak dikenali dengan lipatan Ayam Patah Kepak.



Tengkolok Sultan Selangor dikenali dengan lipatan Setanjak Balung Raja.



Tengkolok Sultan Terengganu dikenali dengan lipatan Belalai Gajah.



Tengkolok Sultan Pahang dikenali dengan lipatan Helang Menyongsong Angin.

Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?



1. Menilai kepentingan kelangsungan warisan pentadbiran negara.
2. Menjelaskan tanggungjawab pemimpin dan rakyat dalam sebuah negara.
3. Menghuraikan kepentingan sumbangan warisan Kesultanan Melayu.
4. Merumuskan iktibar yang diperolehi daripada sejarah Kesultanan Melayu.

Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:



1. Memahami kronologi kelangsungan Kesultanan Melayu Melaka melalui peristiwa pengasasan Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor.
2. Meneroka bukti kelangsungan warisan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dalam kerajaan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor.
3. Membuat interpretasi warisan persuratan Kesultanan Melayu Melaka di Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor.
4. Membuat imaginasi kelangsungan adat istiadat Kesultanan Melayu Melaka di Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor.
5. Membuat rasionalisasi kelangsungan warisan Kesultanan Melayu Melaka di Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor.

Pengenalan

Pengasasan Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor menandakan lahirnya empat buah negeri Melayu berdaulat. Legasi Kesultanan Melayu Melaka diteruskan secara langsung di Pahang dan Perak, manakala pengasasan Kesultanan Terengganu dan Selangor merupakan kesinambungan daripada Kesultanan Johor Riau.

Kesultanan Pahang

Kesultanan Pahang diasaskan oleh keluarga diraja Kesultanan Melayu Melaka pada zaman kegemilangan kerajaan tersebut.

Pada abad ke-15, Pahang merupakan sebahagian wilayah naungan Kesultanan Melayu Melaka. Seri Bija Diraja dilantik sebagai wakil untuk mentadbir Pahang. Semasa Melaka diperintah oleh Sultan Mansur Shah, baginda telah menghantar puteranya, Raja Muhammad untuk ditabalkan sebagai Sultan Pahang.

Raja Muhammad berangkat dari Melaka ke Pahang diiringi oleh golongan bangsawan Melaka. Mereka telah dilantik sebagai Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Hulubalang Besar serta pengikut mereka untuk membantu mentadbir kerajaan Pahang.

Raja Muhammad mengasaskan Kesultanan Pahang pada tahun 1470 dengan gelaran Sultan Muhammad Shah.

Sultan Muhammad Shah mendirikan pusat pemerintahan di Pekan, berhampiran Kuala Sungai Pahang. Wilayah pemerintahan kerajaan Pahang meliputi dari Sedili Besar hingga Terengganu.



Peta menunjukkan pusat pemerintahan Kesultanan Pahang. (Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 80)



Istana Abu Bakar di Pekan, Pahang. (Sumber: Koleksi DBP, 2016)

Sultan Abdul Jamil Shah merupakan sultan ketiga yang memerintah Pahang (1495-1512) dan antara sultan yang masyhur. Baginda mengekalkan hubungan yang harmoni dengan Kesultanan Melayu Melaka. Baginda juga berjaya mempertahankan Pahang semasa diserang oleh Siam bersama-sama bantuan daripada Kesultanan Melayu Melaka.

Sultan Abdul Ghafur Muhaiyuddin Shah (1592-1614) tidak meninggalkan waris kerana puteranya Raja Muda Abdullah mangkat. Oleh itu, Pahang diperintah oleh Kesultanan Johor Riau dari tahun 1614 hingga 1884. Ketika ini Pahang merupakan wilayah pegangan Bendahara Johor.

Keluarga Bendahara Johor yang mentadbir Pahang, kemudian mengasaskan Kesultanan Pahang yang baharu. Pengasasnya ialah Bendahara Siwa Raja Wan Ahmad. Wan Ahmad ditabalkan sebagai Sultan Pahang pada 12 Disember 1884 dengan gelaran Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah. Dengan penggunaan gelaran sultan ini, maka muncullah kesultanan baharu di Pahang yang berdaulat dan kekal hingga hari ini.



Sultan Ahmad Al-Muazzam Shah.
(Sumber: Ihsan Arkib Negara)



Cerna Minda

Siapakah yang mengasaskan Kesultanan Melayu Pahang?



KPS

Aktiviti: Kajian dokumen.

Kajian dokumen melalui teks *Sulalatus Salatin*, karangan Tun Seri Lanang yang diselenggarakan oleh A. Samad Ahmad terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001.

Antara kandungan teks ini pada halaman 153:

"Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Bija Diraja ke Pahang. Maka Seri Bija Diraja pun datanglah. Maka Raja Muhammad pun diserahkan baginda kepada Seri Bija Diraja, disuruh rajakan di Pahang."

Secara berkumpulan, jawab soalan yang berikut:

- (a) Apakah peristiwa yang berlaku?
- (b) Bagaimanakah perkaitan peristiwa tersebut dengan pengasasan Kesultanan Pahang?
- (c) Berikan interpretasi anda terhadap peristiwa tersebut.



Peristiwa Sepak Raga

Kesultanan Perak

Kesultanan Perak diasaskan oleh keluarga diraja Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-16. Kerajaan ini lahir selepas berakhirnya Kesultanan Melayu Melaka yang berpusat di Melaka.

Pada abad ke-15, Perak merupakan sebahagian wilayah naungan Kesultanan Melayu Melaka. Serangan Portugis menyebabkan Sultan Mahmud Shah dan keluarga meninggalkan Melaka dan akhirnya bersemayam di Kampar, Sumatera. Pembesar Perak bernama Tun Saban dan Nakhoda Kassim telah ke Kampar menjemput putera Sultan Mahmud Shah bernama Raja Muzaffar untuk ditabalkan sebagai Sultan Perak.

Raja Muzaffar berangkat ke Perak bersama-sama alat kebesaran berupa sebilah pedang Cura Si Manja Kini, sebilah keris, cap mohor, nobat dan Surat Ciri. Baginda berangkat ke Perak bersama-sama anak, isteri, para pengikut dan pengiring yang menjemputnya dari Perak.

Raja Muzaffar mengasaskan Kesultanan Perak pada tahun 1528 dengan gelaran Sultan Muzaffar Shah.

Sultan Muzaffar Shah mendirikan pusat pemerintahan yang pertama di Tanah Abang, di pesisir Sungai Perak. Keturunan Sultan Muzaffar Shah mewarisi takhta hingga hari ini.



Peta menunjukkan pergerakan Raja Muzaffar dari Kampar ke Perak.

(Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 33)

Glosari

Surat Ciri: kalimah ucapan berbentuk puisi yang memuji kebesaran Raja-Raja Melayu. Asalnya ditulis dalam bahasa Sanskrit, tetapi kini kandungannya ditambah dengan bahasa Melayu lama dan bahasa Arab.

Tahukah Anda?

Alat kebesaran mesti ada semasa pertabalan raja di negeri-negeri Melayu seperti Perak, Pahang, Terengganu, Selangor, Kedah, Kelantan, Perlis, Negeri Sembilan dan Johor juga dikenali sebagai alat regalia. Alat kebesaran terdiri daripada pedang, keris, mahkota dan nobat. Misalnya di Perak, antara alat kebesaran tersebut termasuklah Pedang Cura Si Manja Kini, Keris Taming Sari dan Mahkota Diraja.



Aktiviti "Lawatan ke Galeri" (Gallery Walk)

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki merujuk pelbagai sumber dan melayari Internet bagi mengumpul maklumat berkaitan alat regalia Kesultanan Perak.
3. Dapatan yang diperoleh akan ditampal di dalam kelas.
4. Setiap kumpulan akan bergerak melihat dan menganalisis hasil dapatan kumpulan lain.
5. Setiap kumpulan akan berbincang bersama-sama ahli kumpulan berkenaan dapatan kumpulan dan membuat penambahbaikan maklumat.



Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, Perak.
(Sumber: Koleksi DBP, 2017)

Sultan Iskandar Dzulkarnain, Sultan Perak ke-15 (1752-1765) telah memperkemaskan sistem pentadbiran negeri Perak dan mula mengguna pakai *Undang-Undang 99 Perak*.



Peta menunjukkan pusat pemerintahan Kesultanan Perak.
(Sumber: Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 34)



Tahukah Anda?

Tun Saban dan saudara perempuannya Tok Temong merupakan pembesar asal wilayah di negeri Perak. Gambar menunjukkan makam Tok Temong. Tok Temong merupakan pemerintah di daerah Temong, Perak sebelum bermula pemerintahan Sultan Muzaffar Shah. Pada hari pertabalan baginda, Tok Temong telah menghadiahkan baginda sebutir batu geliga dinamakan Mestika Embun yang dijadikan alat kebesaran negeri Perak hingga hari ini.



Makam Tok Temong.
(Sumber: Koleksi DBP, 2017)

Susur galur pemerintah Kesultanan Melayu Pahang dan Perak merupakan keturunan langsung Kesultanan Melayu Melaka. Oleh itu, kedua-dua negeri ini meneruskan legasi Kesultanan Melayu Melaka dalam institusi kesultananannya.



Cerna Minda

Siapakah pembesar Perak yang menjemput Raja Muzaffar untuk menjadi sultan di Perak?



Senarai Sultan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor

Kesultanan Terengganu


Kesultanan Terengganu mempunyai kaitan rapat dengan Kesultanan Johor Riau. Kesultanan ini diasaskan pada awal abad ke-18 oleh keluarga diraja daripada susur galur Bendahara Johor Riau.

Terengganu merupakan wilayah naungan Kesultanan Johor Riau sejak abad ke-16. Pada tahun 1708, Sultan Abdul Jalil menganugerahkan Terengganu kepada Tun Zainal Abidin, iaitu putera kepada Tun Habib Abdul Majid, Bendahara Johor Riau yang ke-11. Tun Zainal Abidin juga merupakan putera angkat Raja Patani yang digelar Nang Chayam (Raja Kuning). Raja Patani telah menyediakan kelengkapan untuk menabalkan Tun Zainal Abidin sebagai Sultan Terengganu.

Tun Zainal Abidin berangkat ke Terengganu diiringi oleh 80 orang keluarga Patani termasuk beberapa orang tokoh agama seperti Qadhi Wan Imam Mahmud dan Che Buang. Antara alat kebesaran yang turut dibawa termasuklah keris diraja, keris panjang Nang Chayam.

Tun Zainal Abidin mengasaskan Kesultanan Terengganu pada tahun 1708 dengan gelaran Sultan Zainal Abidin I.

Sultan Zainal Abidin I mendirikan pusat pemerintahan yang pertama di Tanjung Baru, Kuala Berang. Wilayah Terengganu semasa diasaskan meliputi dari Kemaman hingga Besut. Keturunan Sultan Zainal Abidin I mewarisi takhta Terengganu hingga hari ini.



Peta menunjukkan pusat pemerintahan Kesultanan Terengganu.

(Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 90)



Tahukah Anda?

Patani merupakan antara Kesultanan Melayu yang wujud pada abad ke-16 hingga ke-19. Kesultanan Patani pernah diperintah oleh raja-raja perempuan, iaitu Raja Biru, Raja Hijau, Raja Ungu dan Raja Kuning. Mereka digelar Nang Chayam.

(Sumber: Siti Hawa Salleh (Penyelenggara), *Hikayat Patani*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. xi-xii)



Istana Maziah yang siap dibina pada tahun 1897. (Sumber: Muzium Negeri Terengganu)



Sultan Zainal Abidin III (1881-1918).
(Sumber: Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Dirgahayu Tuanku, Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2011, hlm. 299)



Istana Maziah yang moden di Kuala Terengganu, Terengganu.
(Sumber: Muzium Negeri Terengganu)

Sultan Zainal Abidin III (1881-1918) merupakan antara Sultan Terengganu yang masyhur. Baginda terkenal sebagai sultan yang membawa pemodenan Terengganu. Antara sumbangan penting baginda termasuklah penggubalan undang-undang tubuh, iaitu *Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu* yang dikenali sebagai *Itqan al-muluk bi ta'dil al-suluk*. Baginda juga memperkemas sistem sukat dan timbang, menubuhkan mahkamah syariah, menubuhkan pasukan polis dan membina Istana Maziah, istana rasmi Kesultanan Terengganu hingga hari ini.



Aktiviti "Hentian Bas" (Bus Stop)



Gambar menunjukkan kupang emas (duit syiling) yang digunakan semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin I. Gambar di sebelah kiri, tercetak nama baginda, manakala gambar di sebelah kanan permukaan tercatat "Khalifah al-Mukmin".

1. Gambar ini ditampal pada dinding kelas dengan dicerakinkan soalan yang berbeza-beza, iaitu:
 - (a) Apakah kepentingan penemuan duit syiling tersebut? (Hentian Pertama)
 - (b) Nyatakan pengaruh Islam yang terdapat pada duit syiling ini. (Hentian Kedua)
 - (c) Bagaimanakah duit syiling ini dihasilkan pada zaman itu? (Hentian Ketiga)
 - (d) Apakah bahan dan teknologi yang digunakan untuk menghasilkan duit syiling ini? (Hentian Keempat)
2. Bergerak secara berkumpulan dari satu hentian ke hentian yang lain sambil berbincang soalan yang diberikan.
3. Kongsikan pendapat dan rekodkan ulasan serta maklumat yang diperoleh.

Kesultanan Selangor

Kesultanan Selangor diasaskan oleh keluarga diraja Bugis yang berpengaruh dalam Kesultanan Johor Riau pada abad ke-18.

Selangor merupakan sebahagian daripada wilayah naungan Kesultanan Johor Riau sejak abad ke-16. Pada abad ke-18, masyarakat Bugis semakin ramai menetap di Selangor. Pada ketika itu, Daeng Chelak yang berketurunan Bugis menjadi Yang di-Pertuan Muda Kesultanan Johor Riau.

Putera Daeng Chelak bernama Raja Lumu telah menghadap Sultan Perak, Sultan Mahmud Shah untuk mendapatkan pengiktirafan. Sultan Mahmud Shah telah menabalkan Raja Lumu sebagai sultan Selangor. Baginda dianugerahkan nobat dan cap mohor.

Raja Lumu mengasaskan Kesultanan Selangor pada tahun 1766 dengan gelaran Sultan Salehuddin Shah.

Sultan Salehuddin Shah mendirikan pusat pemerintahan pertama di Kuala Selangor. Keturunan Sultan Salehuddin Shah mewarisi takhta Selangor hingga hari ini.

Tahukah Anda?

Klang merupakan wilayah penting di Selangor semasa Kesultanan Melayu Melaka. Naskhah *Sulalatus Salatin* mencatatkan bahawa Sultan Muzaffar Shah telah melantik Tun Perak sebagai penghulu di Klang sebelum Tun Perak menjadi Bendahara Melaka yang masyhur.



Peta menunjukkan pusat pemerintahan Kesultanan Selangor.

(Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 44)



Istana Alam Shah, Klang, Selangor.
(Sumber: Koleksi DBP, 2017)

Sultan Ala'iddin Suleiman Shah (1898-1938) merupakan antara Sultan Selangor yang masyhur. Pada zaman baginda, banyak jalan raya dan landasan kereta api telah dibina. Pembinaan rumah dan kedai meningkat terutama di Kuala Lumpur dan Klang. Kebijaksanaan baginda memerintah telah mendorong rakyat mengadakan sambutan keramaian Jubli Emas di Klang sempena genap 40 tahun pemerintahan baginda.



Sultan Ala'iddin Suleiman Shah.

(Sumber: Cheah Jin Seng, *Selangor 300 Early Postcards*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 21)



Cerna Minda

Bagaimanakah Raja Lumu memperoleh pengiktirafan untuk ditabalkan menjadi Sultan Selangor?



Aktiviti

"Saya Lihat, Saya Fikir, Saya Bertanya" (I See, I Think, I Wonder)



Kubu pertahanan di Kuala Selangor.

Kuala Selangor merupakan pusat pentadbiran kerajaan Selangor mulai tahun 1766. Pemerintahan di lokasi ini diteruskan oleh Sultan Ibrahim dan Sultan Muhammad. Namun, Sultan Abdul Samad memindahkan ibu kota Selangor ke Jugra pada tahun 1857. Ibu kota Selangor kemudian berpindah pula ke Klang dan seterusnya ke Shah Alam hingga hari ini.

Secara berkumpulan, lakukan aktiviti yang berikut:

1. Bincang dan tuliskan, apakah yang anda nampak pada gambar di atas?
2. Menyenaraikan kepentingan pusat pentadbiran.
3. Menyenaraikan kriteria yang perlu diambil kira untuk membina pusat pentadbiran sesebuah kerajaan.
4. Membentangkan dapatan di hadapan kelas.

7.2 Warisan Kesultanan Melayu Melaka di Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor

Pengenalan

Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor memiliki keunikan warisan Kesultanan Melayu Melaka yang merangkumi aspek sistem pemerintahan, agama Islam dalam pemerintahan, perundangan, adat istiadat, persuratan dan ekonomi.

Sistem Pemerintahan

Aspek utama warisan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka ialah Sultan sebagai tonggak utama kerajaan dan penggantian pemerintah yang berasaskan Adat Temenggung. Di negeri Perak, putera sultan juga akan mewarisi takhta tetapi melalui sistem penggiliran. Asas pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka melalui Sistem Pembesar Empat Lipatan turut diwarisi oleh negeri-negeri ini.

Kesultanan Pahang

- Mengamalkan sistem pewarisan takhta. Waris ganti digelar Tengku Mahkota. Pelantikan sultan juga atas persetujuan Jumaah Pangkuan Diraja Negeri.
- Sistem pentadbiran masih berasaskan pembesar empat, lapan dan enam belas. Empat pembesar utama Pahang ialah:
 - (a) Orang Kaya Indera Shahbandar
 - (b) Orang Kaya Indera Segara
 - (c) Orang Kaya Pahlawan
 - (d) Orang Kaya Indera Perba Jelai
- Pemerintahan kerajaan negeri dijalankan bersama-sama Majlis Mesyuarat Kerajaan.



Panji Diraja Pahang



Keris Panjang Diraja Pahang

(Sumber: Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 81)

Kesultanan Perak

- Mengamalkan sistem penggiliran. Dewan Negara Perak bertanggungjawab memilih dan melantik sultan. Sistem penggiliran seperti susunan yang berikut:

Sultan



Panji Diraja Perak



Keris Taming Sari, keris kebesaran diraja negeri Perak. (Sumber: *Alat-alat Kebesaran Di Raja Perak*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, 1986, hlm. 10)

- Sistem pentadbiran masih berasaskan pembesar empat, lapan, enam belas dan tiga puluh dua. Empat pembesar utama Perak ialah:
 - (a) Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja
 - (b) Orang Kaya Besar Maharaja Di-Raja
 - (c) Orang Kaya Temenggong Paduka Raja
 - (d) Orang Kaya Menteri Paduka Tuan
- Pemerintahan kerajaan negeri dijalankan bersama-sama Majlis Mesyuarat Kerajaan.

Kesultanan Terengganu

- Mengamalkan sistem perwarisan takhta. Waris ganti digelar Yang Di-Pertuan Muda.
- Walau bagaimanapun, Dewan Pangkuan Diraja berhak memilih dan melantik sultan. Jumaah ini turut dikenali sebagai *Ahli al-Hal wa al-Aqad* yang bermaksud ahli yang memilih dan menjadikan raja.
- Pemerintahan kerajaan negeri dijalankan bersama-sama Majlis Mesyuarat Kerajaan.



Panji Diraja Terengganu



Keris Panjang Diraja Terengganu

(Sumber: Mohamed Anwar Omar Din dan Nik Anuar Nik Mahmud, *Dirgahayu Tuanku, Sejarah Kesultanan Terengganu 1708-2008*, Kuala Terengganu: Yayasan Diraja Sultan Mizan, 2011, hlm. 1)

Kesultanan Selangor

- Mengamalkan sistem perwarisan takhta. Waris ganti digelar Raja Muda. Pelantikan sultan juga atas nasihat dan pengesahan Dewan di-Raja.
- Dewan di-Raja bertanggungjawab membantu dan menasihati sultan dalam menjalankan fungsi baginda. Antara anggota dewan ini termasuklah Raja Muda, Tengku Laksamana dan Tengku Bendahara.
- Pemerintahan kerajaan negeri dijalankan bersama-sama Majlis Mesyuarat Kerajaan.



Panji Diraja Selangor



Keris Panjang Beruk Berayun

(Sumber: *Pertabalan dan Kemahkotaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Ke-IX*, Shah Alam: Lembaga Muzium Selangor, 2007, hlm. 39)

Sistem Pembesar Empat Lipatan yang diamalkan dalam Kesultanan Melayu Melaka diwarisi oleh Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor. Namun begitu, sistem ini disesuaikan mengikut acuan dan keperluan setiap negeri.

Agama Islam dalam Pemerintahan

Kesultanan Melayu Melaka terkenal sebagai pusat penyebaran agama Islam. Tradisi keagamaan ini diwarisi oleh negeri-negeri Melayu yang lain. Islam menjadi agama utama di setiap negeri yang beraja. Malahan, agama Islam kini termaktub dalam Perlembagaan Malaysia sebagai agama Persekutuan.

Keutamaan agama Islam dalam Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor dapat dilihat dengan jelas melalui perkara yang berikut:

- Sultan merupakan ketua agama bagi setiap negerinya. Kedudukan ini diperihalkan dengan jelas dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri.
- Institusi agama berperanan penting di setiap negeri dan bidang kuasa mereka mestilah dihormati. Misalnya, peranan mufti, kadi, mahkamah syariah dan Jabatan Agama Islam.
- Institusi kesultanan mempunyai ikatan yang rapat dengan institusi agama. Tokoh-tokoh agama berperanan dalam pentadbiran istana dan negeri. Misalnya, di negeri Selangor, mufti merupakan anggota Dewan di-Raja.
- Sultan juga bertanggungjawab dalam mendaulatkan syiar Islam. Misalnya, tauliah penceramah agama dikeluarkan oleh pejabat istana setelah ditandatangani oleh sultan.



Masjid Negeri Selangor merupakan simbol agama negeri.

Agama menjadi panduan membentuk masyarakat yang bersahsiah dan berakhlak mulia. Amalan agama Islam dalam pemerintahan membuktikan kepentingan amalan beragama di negara ini.



Amalan beragama membawa kepada kesejahteraan negara. Bincangkan.



Aktiviti "Lawatan ke Galeri" (Gallery Walk)



Tengkolok Sultan
Pahang



Tengkolok Sultan
Perak



Tengkolok Sultan
Terengganu



Tengkolok Sultan
Selangor


1. Secara berkumpulan, murid akan membandingkan tengkolok diraja di setiap negeri.
2. Dengan bimbingan guru, setiap kumpulan akan menghasilkan replika tengkolok diraja. Hasil tugasan dipamerkan di dalam kelas.
3. Setiap kumpulan akan berbincang hasil kerja rakan-rakan yang lain.

Perundangan

Undang-undang digubal bagi mengawal kehidupan bermasyarakat. *Hukum Kanun Melaka* menjadi asas kepada kelahiran undang-undang bertulis negeri-negeri Melayu yang lain seperti *Hukum Kanun Pahang* dan *Undang-Undang 99 Perak*. Warisan *Hukum Kanun Melaka* terbukti dalam fasal-fasal berhubung peraturan dan larangan istana, kekeluargaan Islam, jenayah, hutang-piutang dan hukum jual beli.



Hukum Kanun Pahang
Digubal semasa pemerintahan Sultan Abdul Ghafur Muhiyuddin Syah (1592-1614) dan mengandungi 92 fasal.
(Sumber: Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia)



Undang-Undang 99 Perak
Digunakan semasa pemerintahan Sultan Iskandar Dzulkarnain (1752-1765), berbentuk soal jawab, mengandungi 99 soalan dan jawapan.
(Sumber: Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia)

Perkembangan politik dan sosioekonomi menyebabkan berlaku perubahan dalam aspek perundangan. Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor menggubal pula Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri bagi menyesuaikan perubahan tersebut. Undang-undang yang dihasilkan melengkapkan lagi sistem pemerintahan dan sistem kesultanan sesebuah negeri. Oleh itu, sebagai warganegara yang bertanggungjawab kita perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang terdapat di negara ini.

Cerna Minda

Nyatakan nama undang-undang bertulis Kesultanan Pahang dan Kesultanan Perak.


Bincangkan kesan kepada masyarakat jika sesebuah kerajaan tidak mempunyai sistem perundangan.



Aktiviti "Kumpulan Pelangi" (Rainbow Groups)

1. Murid-murid dibahagikan kepada empat kumpulan utama.
2. Setiap kumpulan akan berbincang dan mencari maklumat tentang kandungan Undang-Undang Tubuh Negeri di bawah dengan menggunakan pelbagai sumber.
3. Selepas berbincang, bina kumpulan yang baharu.
4. Setiap ahli kumpulan akan menyatakan hasil perbincangan daripada kumpulan asal kepada ahli kumpulan yang baharu secara bergilir-gilir.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang
Diperkenalkan pada 1 Februari 1948 semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar.



Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Perak
Diperkenalkan pada 1 Februari 1948 semasa pemerintahan Sultan Abdul Aziz Al-Mu'tasim Billah.



Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Negeri Terengganu
Dikenali sebagai *Itqan al-muluk bi ta'dil al-suluk*.
Diperkenalkan pada 2 November 1911 ketika pemerintahan Sultan Zainal Abidin III.



Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor
Diperkenalkan pada 1 Februari 1948 semasa pemerintahan Sultan Hishamudin Alam Shah Al-Haj.



Adat Istiadat

Adat istiadat ialah aturan dan perbuatan yang telah lazim dilakukan sejak sekian lama. Istiadat turut melibatkan upacara tertentu. Adat istiadat merupakan identiti dan keunikan warisan Kesultanan Melayu. Antara adat istiadat ini termasuklah adat keputeraan, adat perkahwinan, istiadat pertabalan, istiadat pengurniaan darjah kebesaran dan istiadat pemakaman.

Adat Keputeraan

Adat ini melibatkan upacara:

- Melenggang perut ketika kandungan berusia tujuh bulan untuk membetulkan kedudukan bayi di dalam perut ibu bagi memudahkan proses kelahiran.
- Bayi diperdengarkan azan sebaik sahaja dilahirkan.
- Bercukur, apabila putera atau puteri berusia tujuh hari.
- Berendoi, iaitu meletakkan bayi di dalam buaian dan diperdengarkan alunan marhaban.



Buaian untuk adat berendoi bayi.

Adat Perkahwinan

Majlis perkahwinan diraja melalui proses adat istiadat yang tersusun meliputi:

- Merisik
- Meminang
- Bertunang
- Berinai besar (malam sebelum majlis perkahwinan).
- Khatam al-Quran.
- Pernikahan
- Persandingan dan bertepung tawar.
- Santap beradab.
- Bersiram di atas panca persada.



Istiadat persandingan diraja di atas pelamin.

Istiadat Pemakaman

Istiadat ini meliputi:

- Tempoh berkabung bergantung pada pihak istana.
- Pihak istana memberikan sedekah kepada rakyat dalam tempoh perkabungan.
- Usungan disediakan untuk mengangkat jenazah ke tempat perkaman dikenali sebagai Seraja Diraja.
- Setelah jenazah dimakamkan, nobat tidak akan dimainkan untuk tempoh tertentu.



Seraja Diraja sedang diarak ke tempat pemakaman.

Adat istiadat yang diamalkan oleh Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor merupakan warisan yang disesuaikan daripada Kesultanan Melayu Melaka. Keunikan adat ini menjadi lambang kedudukan yang istimewa golongan diraja dan institusi Kesultanan Melayu. Adat istiadat ini juga merupakan warisan budaya Melayu yang sangat bernilai dan wajar dipelihara.



Tahukah Anda?

Tempoh perkabungan bergantung pada setiap negeri dan kemangkatan raja-raja tertentu. Contohnya, tempoh perkabungan yang ditetapkan oleh kerajaan Negeri Selangor semasa kemangkatan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada tahun 2001 adalah untuk tempoh 40 hari. Kerajaan Negeri Perak pula mengumumkan tempoh perkabungan semasa kemangkatan Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada tahun 2014 selama 100 hari.




Cerna Minda

Nyatakan adat-adat yang dilaksanakan secara tertib dalam sesebuah perkahwinan diraja.

Persuratan

Tradisi persuratan Kesultanan Melayu Melaka diwarisi oleh negeri-negeri Melayu yang lain. Antara persuratan negeri Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor yang masyhur termasuklah karya sejarah, agama, perubatan dan sastra rakyat.

Karya Sejarah



Hikayat Pahang

- *Hikayat Pahang* dikarang oleh Haji Muhammad Nor, mengisahkan sejarah Kesultanan Pahang abad ke-19.




Misa Melayu

- *Misa Melayu*, dikarang oleh Raja Chulan mengisahkan sejarah Kesultanan Perak abad ke-18.



Syair Tawarikh Zainal Abidin Ketiga

- *Syair Tawarikh Zainal Abidin Ketiga* karangan Tengku Dalam Kalthum mengisahkan sejarah Kesultanan Terengganu abad ke-19 dan ke-20.



Kenang-Kenangan Selangor


- *Kenang-Kenangan Selangor*, dikarang oleh Wan Muhamad Amin mengisahkan sejarah Kesultanan Selangor abad ke-19 dan ke-20.

(Sumber: Koleksi Mardiana Nordin, 2017)

Kepelbagaian jenis karya yang ditulis menunjukkan berkembangnya pengetahuan masyarakat dan kesedaran untuk memelihara warisan Kesultanan Melayu. Perkembangan tradisi persuratan ini turut memperkukuh kedudukan bahasa Melayu dan penggunaan tulisan Jawi.

Karya Perubatan

Kitab Tib, disalin oleh Haji Mahmud al-Jawi, di Terengganu pada tahun 1819.



Kitab Tib

(Sumber: Koleksi Mardiana Nordin, 2017)

Sastra Rakyat

Hikayat Sang Kancil, cerita teladan dan jenaka yang berasaskan manuskrip *Hikayat Pelandok Jenaka* dibukukan oleh Daeng Abdul Hamid dari Perak. Karya ini mengandungi 20 buah cerita.



Hikayat Pelandok Jenaka

Hikayat Isma Yatim dibukukan oleh Tengku Ampuan Mariam permaisuri Terengganu.



Hikayat Isma Yatim

(Sumber: Koleksi Mardiana Nordin, 2017)



Apakah jenis-jenis karya persuratan yang dihasilkan oleh masyarakat negara kita hari ini?

Ekonomi

Kegemilangan sistem ekonomi Kesultanan Melayu Melaka telah diteruskan oleh Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor sehingga membawa kepada kemakmuran kesultanan masing-masing.

Pelabuhan

- Aktiviti perdagangan dijalankan melalui pelabuhan. Kesultanan Perak dan Selangor memiliki kelebihan kedudukan yang strategik di Selat Melaka. Pelabuhan Kuala Selangor dan Pangkalan Batu di Selangor serta pelabuhan Kuala Sungai Perak menjadi pusat perdagangan yang aktif pada abad ke-17 hingga ke-19. Antara hasil dagangan utama termasuklah bijih timah. Kuala Terengganu pula merupakan pelabuhan entrepot pada abad ke-18. Barang yang didagangkan di pelabuhan ini ialah emas, bijih timah, kain sutera, senjata, gula dan hasil hutan.
- Pelabuhan tersebut diuruskan oleh syahbandar dan pegawai pelabuhan yang lain. Sistem cukai yang cekap dilaksanakan bagi memastikan perdagangan berjalan lancar.

Ekonomi Sara Diri dan Jual Beli

- Ekonomi sara diri seperti pertanian, penternakan, perlombongan, mengutip hasil hutan dan perikanan dijalankan bagi menampung keperluan harian dan lebihannya untuk dijual.
- Perlombongan bijih timah merupakan kegiatan ekonomi yang utama di Selangor dan Perak. Masyarakat di Selangor juga mengusahakan tanaman padi dan tanaman sampingan seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Manakala masyarakat di Perak merupakan antara pengusaha utama hasil hutan seperti rotan, sumbu badak dan kayu-kayan pada abad ke-17 dan ke-18. Pada abad ke-18, negeri Terengganu mengusahakan tanaman lada hitam dan perlombongan emas.



Tanaman padi di Selangor.
(Sumber: Cheah Jin Seng, *Selangor: 300 Early Postcards*, Kuala Lumpur: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 175)

Mata Wang

- Negeri Perak terkenal dengan mata wang bongkah timah yang dinamakan bidor sejak abad ke-17.
- Mata wang pitis yang diperbuat daripada timah digunakan di Pahang mulai pemerintahan Sultan Muhammad Shah. Manakala mata wang tampang digunakan pada abad ke-19.
- Di Terengganu, Sultan Zainal Abidin I memperkenalkan mata wang berupa kupang emas. Selain itu, terdapat mata wang pitis.
- Di Selangor, turut ditemukan mata wang syiling yang digunakan semasa pemerintahan Sultan Ibrahim Shah.



Mata wang tampang.

(Sumber: *Historical Roots of Islamic Finance in Malaysia from the pre-Islamic Era until 1983*, Kuala Lumpur: ISRA dan Maybank Islamic, 2014, hlm. 43)

Kesultanan Melayu Melaka mewariskan banyak aspek dalam kehidupan masyarakat. Kesultanan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor pula memelihara warisan tersebut dan memperkayakannya sehingga membentuk identiti negara yang menjadi kebanggaan rakyat hari ini.





Imbas Kembali

Kesultanan Melayu Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor



**Pengasasan
Kesultanan
Pahang,
Perak,
Terengganu
dan Selangor**

- Kesultanan Pahang
- Kesultanan Perak
- Kesultanan Terengganu
- Kesultanan Selangor



**Warisan
Kesultanan
Melayu
Melaka di
Pahang, Perak,
Terengganu dan
Selangor**

- Sistem Pemerintahan
- Agama Islam dalam Pemerintahan
- Perundangan
- Adat Istiadat
- Persuratan
- Ekonomi

Bab ini telah membincangkan pengasasan Kesultanan Melayu Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor. Keempat-empat negeri ini merupakan kelangsungan daripada Kesultanan Melayu Melaka. Pemahaman terhadap perbincangan bab ini dapat menjadikan kita sebagai warganegara yang mentaati raja dan pemimpin serta berbangga dengan warisan negara. Keunikan sistem kesultanan yang dapat dilihat di negeri tersebut turut dimiliki oleh negeri Melayu lain seperti Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis yang akan dibincangkan pada bab seterusnya.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Pengasasan Kesultanan Terengganu berkait rapat dengan Kesultanan Johor Riau.

Antara berikut yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A. Pembesar wakil pemerintah Johor Riau.
- B. Waris Raja Patani yang menguasai Johor Riau.
- C. Putera Sultan Johor Riau berketurunan laksamana.
- D. Keluarga diraja daripada susur galur bendahara Johor Riau.

2. Siapakah dua orang pembesar tempatan yang memohon pertabalan waris Kesultanan Melayu Melaka sebagai Sultan Perak?

- I. Tun Saban
- II. Tok Temong
- III. Raja Muzaffar
- IV. Nakhoda Kassim

- A. I dan II
- B. II dan III
- C. III dan IV
- D. I dan IV

3. Kesultanan Selangor diasaskan pada tahun 1766.

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan pernyataan di atas?

- A. Pemerintah tempatan yang diiktiraf.
- B. Pembesar yang dilantik oleh Sultan Johor.
- C. Putera Bugis yang memenangi peperangan.
- D. Pertabalan kerabat Bugis oleh Sultan Perak.

- 4.



Gambar menunjukkan Istana Maziah, Terengganu dahulu dan kini. Berdasarkan gambar di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) Apakah peranan istana?
- (b) Senaraikan bandar diraja di negara kita.
- (c) Bincangkan kepentingan memelihara dan memulihara istana diraja. 🌸



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5. Susun peristiwa berikut dengan mencatatkan nombor 1 hingga 5 mengikut kronologi.

Sultan Zainal Abidin I mendirikan pusat pemerintahan Terengganu di Tanjung Baru, Kuala Berang.

Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu yang dikenali sebagai *Itqan al-muluk bi ta'dil al-suluk* digubal.

Raja Zainal dijadikan anak angkat oleh Raja Patani yang digelar Nang Chayam.

Tun Zainal Abidin mengasaskan Kesultanan Terengganu pada tahun 1708 dengan gelaran Sultan Zainal Abidin I.

Tun Zainal Abidin berangkat ke Terengganu diiringi oleh 80 orang keluarga Patani.

6. Tradisi persuratan Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor diwarisi sejak Kesultanan Melayu Melaka.

Berdasarkan maklumat di atas, jawab soalan yang berikut:

- Senaraikan jenis karya persuratan tersebut.
- Apakah kepentingan karya sastera rakyat? 🌸
- Pada pendapat anda, bagaimanakah karya penulisan di negara kita dapat dibawa ke peringkat antarabangsa? 🌸

7. Lihat peta negeri Pahang, Perak, Terengganu dan Selangor di bawah.

- Labelkan pusat pemerintahan terawal setiap kesultanan.
- Pada pendapat anda, mengapakah pusat-pusat pentadbiran kerajaan Melayu sentiasa berubah? 🌸
- Cadangkan strategi lain yang boleh digunakan untuk memantapkan pentadbiran kerajaan. 🌸





Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Apabila mengetahui sejarah pengasasan Kesultanan Melayu, kita dapat menghargai warisan tradisi dan budaya bangsa.
- Pengetahuan sejarah pengasasan dan warisan Kesultanan Melayu dapat mengukuhkan jati diri bangsa.
- Kita harus bertanggungjawab mempertahankan warisan Kesultanan Melayu untuk memelihara identiti negara bangsa kita.

Diri dan Keluarga

Kita perlu memahami salasilah keluarga supaya kita bertanggungjawab dan mengukuhkan ikatan kekeluargaan demi maruah keluarga.

Negara

Kita akan bersifat lebih terbuka setelah mengetahui sejarah Kesultanan Melayu tersebut. Oleh itu, secara tidak langsung dapat memupuk perasaan sayang terhadap negara dan sentiasa berusaha untuk mempertahankan kedaulatan negara.



Istana Negara merupakan kediaman rasmi Yang di-Pertuan Agong yang menjadi simbol pengekalan sistem beraja yang diwarisi daripada sistem kesultanan negeri-negeri Melayu.

(Sumber: Koleksi DBP, 2015)

BAB 8

KERAJAAN KEDAH, KELANTAN, NEGERI SEMBILAN DAN PERLIS



Sinopsis

Kegemilangan kerajaan Alam Melayu turut diwarisi menerusi pengasasan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis. Kerajaan-kerajaan ini diasaskan dalam tempoh masa yang berbeza-beza dan mempunyai sejarah yang tersendiri. Kerajaan-kerajaan ini juga menjalinkan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan negeri Melayu yang lain. Kebijaksanaan pemerintah menghadapi cabaran sejak pengasasannya telah membolehkan setiap kerajaan ini berkembang makmur dan stabil.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Memerihalkan pengasasan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.
2. Menerangkan hubungan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan negeri-negeri Melayu yang lain.



Istana Anak Bukit, Kedah.



Istana Lama Seri Menanti, Negeri Sembilan.



Istana Arau, Perlis.

(Sumber: Koleksi DBP, 2017)



Istana Balai Besar, Kelantan.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?



1. Menerangkan kepentingan menghargai pengasasan kerajaan-kerajaan Melayu.
2. Menilai kepentingan menjaga hubungan baik dengan negara lain.

Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:



1. Memahami kronologi pengasasan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.
2. Meneroka bukti pengasasan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis.
3. Membuat interpretasi asas hubungan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan negeri-negeri Melayu yang lain.
4. Membuat imaginasi bentuk hubungan antara kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan negeri-negeri Melayu yang lain.
5. Membuat rasionalisasi hubungan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan negeri-negeri Melayu yang lain.

8.1

Pengasasan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis

Pengenalan

Pengasasan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis merupakan penerusan kegemilangan kerajaan-kerajaan Alam Melayu. Kerajaan Kedah merupakan kerajaan terawal diasaskan di negara kita. Manakala kerajaan Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis diasaskan setelah berakhirnya Kesultanan Melayu Melaka.

Kerajaan Kedah

Kerajaan Kedah diasaskan oleh keturunan raja yang datang dari Parsi.

Maharaja Derbar Raja dari Parsi datang ke Kuala Sungai Merbok, Kedah pada sekitar tahun 630 M.

Tan Dermadewa dan Tun Perkasa, ketua orang Melayu di Kedah telah menghadap dan melantik Maharaja Derbar Raja menjadi Raja Kedah.



Ilustrasi kawasan Kuala Sungai Merbok tempat kedatangan Maharaja Derbar Raja.

(Sumber: Adaptasi daripada replika kawasan Lembah Bujang, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kedah)

Pemasyhuran Maharaja Derbar Raja sebagai Raja Kedah telah disusuli dengan pengiktirafan alat kebesaran yang dibawa dari Parsi, iaitu nobat. Kini, nobat diwarisi sebagai antara alat kebesaran kerajaan Kedah.

Baginda kemudiannya telah membina pusat kerajaan di Sungai Mas.

Cerna Minda

Apakah alat kebesaran diraja yang diiktiraf bersama-sama pertabalan Raja Kedah yang pertama?

Aktiviti "Laungan" (Shout)

Berdasarkan pelbagai sumber, secara berkumpulan anda diminta untuk mengumpul maklumat tentang nama lain bagi Kedah dan menyatakannya secara lisan.

Tahukah Anda?

Menurut sumber arkeologi, aktiviti perdagangan di pelabuhan Sungai Mas, Kedah bermula sejak abad kelima.

Dua sumber utama pengasasan kerajaan Kedah ialah:

- Naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* yang mencatatkan pengasas pertama dari Parsi.
- Naskhah *Hikayat Merong Mahawangsa* yang mencatatkan pengasas pertama daripada keturunan Rom. Sarjana berpendapat Rom ialah Parsi pada masa tersebut.

Kawasan pemerintahan kerajaan Kedah berkembang menerusi pembukaan kota atau pusat pentadbiran baharu setelah seseorang pemerintah menaiki takhta. Tindakan ini juga merupakan strategi dalam menghadapi ancaman dari dalam dan dari luar.

Kota Siputih telah dibuka oleh Tunku Ahmad (Raja Muda) pada tahun 1282 bertujuan untuk menghadapi ancaman daripada Siam dan Aceh di utara. Kota Siputih kemudiannya dijadikan tempat bersemayam oleh Sultan Kedah yang keenam, Sultan Ibrahim (1321-1373).

Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Mu'adzam Shah II, Sultan Kedah ke-19 (1710-1778) merupakan antara pemerintah yang masyhur. Baginda telah mengasaskan Alor Setar yang kemudiannya diisytiharkan sebagai ibu negeri Kedah.



Peta lokasi kota pentadbiran kerajaan Kedah.

(Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Sarji, *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet., 2011, hlm. 24)

Kedudukan Kuala Sungai Merbok yang menghala ke Selat Melaka dan Gunung Jerai, iaitu puncak tertinggi di Kedah telah menarik kehadiran pedagang. Kawasan tumpuan pedagang ini membolehkan Kedah menjadi pusat perdagangan dan muncul sebagai sebuah negeri yang makmur.

Kerajaan Kedah yang diasaskan pada sekitar abad ketujuh kekal hingga kini menerusi penggantian pemerintah daripada jurai keturunan pengasasnya.



Kerajaan
Kedah



Bagaimanakah Kedah muncul sebagai pusat perdagangan yang makmur?



Aktiviti "Penulisan Pantas" (Rocket Writing)

Balai Besar, Kedah dibina pada tahun 1735 bersempena dengan pengisytiharan Alor Setar sebagai ibu negeri Kedah. Dalam tempoh lima minit, anda diminta untuk menyenaraikan binaan lain yang dibina sebagai tanda peringatan sesuatu peristiwa penting di negara kita.



Kerajaan Kelantan

Kelantan merupakan sebuah wilayah yang pernah dikuasai dan bergabung dengan kerajaan Patani. Pengasasan kerajaan Kelantan merupakan hasil daripada penyatuan dua wilayahnya oleh putera pemerintah tempatan.

Kelantan merupakan sebahagian daripada Negara Patani Besar yang diasaskan oleh Raja Sakti I pada tahun 1650.

Kemangkatan pemerintah terakhir Negara Patani Besar, iaitu Raja Bahar pada tahun 1670 menyebabkan Kelantan berpecah kepada dua wilayah pemerintahan.

Kelantan Barat

- berpusat di Kota Kubang Labu.

Kelantan Timur

- berpusat di Kota Pangkalan Datu.

Long Yunus, putera pemerintah di Kota Kubang Labu telah berjaya menyatukan kedua-dua wilayah ini dan mengasaskan kerajaan Kelantan pada tahun 1762. Baginda menaiki takhta dengan gelaran Yang di-Pertuan Kelantan. Baginda mendapat pengiktirafan daripada Sultan Terengganu.

Pada tahun 1777, baginda telah memindahkan pusat pentadbiran ke Kota Galoh di timur tebing Sungai Kelantan. Baginda juga telah mengarahkan pembinaan Masjid Kampung Laut yang merupakan simbol pentadbiran Islam di Kelantan.



Peta wilayah Negara Patani Besar yang dibangunkan oleh Raja Sakti I dari tahun 1650 hingga tahun 1670.

(Sumber: Adaptasi daripada Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 2002, hlm. 14)

Tahukah Anda?

Negara Patani Besar meliputi gabungan wilayah Terengganu, Patani, Singgora dan Patalung. Pusat pentadbirannya adalah di Kota Pangkalan Datu. Pemerintahan kerajaan ini juga dikenali sebagai Keluarga Diraja Jembal dan bertahan hingga penghujung abad ke-17.



Bagaimanakah pemerintah menghadapi cabaran dalam mengekalkan kemakmuran negara?

Sultan Muhammad II (1837-1886) merupakan antara pemerintah yang masyhur. Baginda telah mengasaskan Kota Bharu sebagai pusat pemerintahan pada tahun 1844. Istana Balai Besar telah dibina sebagai tempat bersemayam dan pentadbiran kerajaan Kelantan. Baginda telah menguatkuasakan undang-undang syarak. Kesannya, Kelantan menjadi negeri yang aman. Kelantan juga makmur sebagai pusat perdagangan yang menjadi tumpuan para pedagang dari negara jiran dan negeri Melayu yang lain. Keturunan Long Yunus telah mewarisi pemerintahan kerajaan Kelantan hingga kini.



Tahukah Anda?

Legenda pemerintahan Raja Perempuan dalam kerajaan Kelantan.

Che Siti Wan Kembang

- Memerintah wilayah tebing Sungai Lebir yang kini dikenali sebagai Kampung Chali pada awal abad ke-17.
- Kijang yang merupakan binatang kesayangan baginda telah dijadikan sebagai antara simbol pemerintahan kerajaan Kelantan.

Puteri Saadong

- Memerintah wilayah di Kota Jelasin pada tahun 1667 yang kini dikenali sebagai Kampung Kota.
- Baginda pernah ditawan dan dibawa ke Siam.

(Sumber: Abdul Razak Mahmud, *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd., 2002, hlm. 12)



Wang emas Kelantan semasa pemerintahan Che Siti Wan Kembang.

(Sumber: Siri Cintai Malaysia, *Negeri Kelantan Darul Naim*, Kuala Lumpur: Penerbitan Seri Utama, 1987, hlm. 14)



Kerajaan
Kelantan



Cerna Minda

Bagaimanakah Long Yunus mengasaskan kerajaan Kelantan yang kekal hingga kini?



Aktiviti

"Saya Lihat, Saya Fikir, Saya Bertanya" (*I See, I Think, I Wonder*)



Istana Balai Besar, Kelantan.

(Sumber: Siri Cintai Malaysia, *Negeri Kelantan Darul Naim*, Kuala Lumpur: Penerbitan Seri Utama, 1987, hlm. 11)

Secara berkumpulan, berdasarkan gambar di sebelah lakukan aktiviti yang berikut:

- Ceritakan apakah yang anda lihat?
- Bincangkan peranan istana.
- Bagaimanakah kita dapat memelihara dan memulihara warisan seni bina istana lama?
- Bandingkan ciri-ciri binaan istana pada masa dahulu dengan masa ini.

Kerajaan Negeri Sembilan

Kehadiran masyarakat Minangkabau ke beberapa wilayah di Negeri Sembilan telah membawa kepada pengasasan kerajaan Negeri Sembilan oleh Raja Melewar.

Negeri Sembilan pada asalnya merupakan naungan Kesultanan Johor Riau.

Sejak awal abad ke-15, masyarakat Minangkabau yang berasal dari Sumatera telah merantau dan mendiami beberapa wilayah di Negeri Sembilan.

Pada tahun 1770, empat Penghulu Luak terdiri daripada Sungai Ujong, Jelebu, Johol dan Rembau telah menghantar utusan untuk menjemput anak raja Minangkabau di Sumatera bagi dirajakan di Negeri Sembilan.

Raja Minangkabau bersetuju mengutuskan Raja Melewar sebagai pemerintah di Negeri Sembilan.

Raja Melewar mengasaskan kerajaan Negeri Sembilan yang berpusat di Seri Menanti pada tahun 1773. Baginda memakai gelaran Yamtuan Seri Menanti dan mendapat pengiktirafan daripada pemerintah Kesultanan Johor Riau.



Peta menunjukkan kedatangan masyarakat Minangkabau ke wilayah di Negeri Sembilan sejak awal abad ke-15.

(Sumber: Adaptasi daripada Abd. Rahman Ali, N. Rajendra dan V. Rajendra, *Tawarikh Dunia Baru Buku Satu*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1982, hlm. 106)



Makam Raja Melewar dan permaisuri di Kampung Astana Raja, Rembau.

(Sumber: Koleksi DBP, 2017)




Tahukah Anda?

Nama Negeri Sembilan merujuk persekutuan sembilan buah “negeri” dalam istilah Minangkabau yang membawa pengertian kawasan atau daerah. Sembilan buah “negeri” tersebut ialah Sungai Ujong, Jelebu, Jempol, Johol, Rembau, Tampin, Ulu Muar, Inas dan Gunung Pasir.



Cerna Minda

Ceritakan kembali proses pengasasan kerajaan Negeri Sembilan.



Peta menunjukkan persekutuan sembilan daerah atau “negeri” pada peringkat awal dalam kerajaan Negeri Sembilan.

(Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 55)

Yamtuan Antah (1872-1888) merupakan antara pemerintah yang masyhur. Baginda berusaha menjamin keamanan negeri daripada campur tangan kuasa luar. Kestabilan pemerintahan membolehkan Negeri Sembilan memperluas hubungan perdagangan dengan kerajaan lain.

Tradisi melantik pemerintah dari Minangkabau berakhir dengan kemangkatan Yamtuan Lenggang. Pertabalan Yamtuan Radin, putera Yamtuan Lenggang pada tahun 1830 menandakan bermulanya sistem penggantian waris pemerintah tempatan daripada keturunan Yamtuan Radin.


Namun begitu, kuasa memilih Yamtuan kekal ditentukan oleh Undang Yang Empat, iaitu Sungai Ujong, Jelevu, Johol dan Rembau.

Seri Menanti kekal menjadi tempat bersemayam Yamtuan Besar Negeri Sembilan hingga kini. Manakala, istana di Seremban merupakan istana hinggap.



Aktiviti “Stesen Berputar” (Rotating Stations)

Gambar menunjukkan Istana Seri Menanti, Negeri Sembilan dan keratan rentasnya.



- Gambar ini diletakkan di stesen pertama dan stesen kedua dengan dicerakinkan soalan yang berbeza-beza, iaitu:
 - Nyatakan keunikan seni bina bangunan ini. (Stesen Pertama)
 - Apakah fungsi anjung dan singgahsana dalam binaan tersebut? (Stesen Kedua)
- Bandingkan fungsi anjung rumah tradisional dengan rumah moden. (Stesen Ketiga)
- Murid bersiap sedia di stesen yang ditetapkan oleh guru.
- Dalam tempoh 10 minit, murid menjawab soalan yang diberikan. Apabila masa tamat, murid akan bergerak ke stesen berikutnya sehingga selesai.
- Setiap kumpulan diberikan pen warna yang berbeza-beza untuk menulis jawapan.

Kerajaan Perlis

Sejarah pembentukan kerajaan Perlis melibatkan pengaruh Kedah dan Siam. Pelantikan Syed Hussin Jamalullail sebagai pemerintah merupakan asas kepada pembentukan kerajaan Perlis.

Pada peringkat awal, Perlis merupakan sebahagian daripada wilayah Kedah.

Sultan Kedah, iaitu Sultan Muhyiddin Mansur Shah, Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I dan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II telah menjadikan Perlis sebagai pusat pemerintahan kerajaan.

Sultan Muhyiddin Mansur Shah, Sultan Kedah Ke-14 (1651-1661) telah membina Kota Sena yang menjadi asas kepada perkembangan bandar Kangar.

Sultan Dhiauddin Mukarram Shah I, Sultan Kedah Ke-15 (1661-1688) telah mengasas dan membangunkan Kota Kayang yang merangkumi kawasan pelabuhan Kuala Perlis dan Kota Keran. Baginda mangkat pada tahun 1688 dan dimakamkan di Kota Kayang, Perlis.

Sultan Dhiauddin Mukarram Shah II, Sultan Kedah Ke-21 (1798 - 1804)

- Membangunkan Kota Kayang II semasa menjadi Raja Muda.
- Membentuk Mukim Arau dengan melantik Syed Harun Jamalullail sebagai Penghulu pada tahun 1798.



Peta menunjukkan negeri naungan Siam.

(Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*. Perlis: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992, hlm. vii)

Semasa di bawah pengaruh Siam pada tahun 1839, wilayah Kedah dipecahkan kepada empat unit pentadbiran, iaitu Setul, Perlis, Kubang Pasu dan Kedah. Perlis ditadbir oleh Syed Hussin Jamalullail.

Pada tahun 1843, Siam mengiktiraf Syed Hussin Jamalullail sebagai pemerintah negeri Perlis dengan gelaran Phya Songkhram Ramu Wichit Willis Asmara Phya Pelit.

Syed Hussin Jamalullail telah menjadikan Arau sebagai pusat pentadbiran.



Muzium Kota Kayang, Perlis tempat yang menyimpan sejarah negeri Perlis.
(Sumber: Koleksi Ahmad Salehee Abdul, 2017)



Replika bunga emas Perlis.
(Sumber: Muzium Kota Kayang, Kangar)

Pelantikan Syed Hussin Jamalullail sebagai pemerintah menjadikan Perlis sebagai sebuah negeri berdaulat. Keturunan Jamalullail yang bergelar Syed memerintah kerajaan Perlis hingga kini dengan gelaran Raja Perlis.



Cerna Minda

Siapakah Sultan Kedah yang dimakamkan di Kota Kayang, Perlis?



Tahukah Anda?

- Wilayah Setul kemudiannya telah diserapkan sebagai wilayah Siam, manakala Kubang Pasu kembali menjadi sebahagian wilayah Kedah pada tahun 1859.
- Bunga Mas (Emas) merupakan sephohon bunga emas dan perkakas pengiring dengan kadar yang ditentukan oleh pihak raja dan kerajaan Siam. Bunga Mas dihantar ke Bangkok setiap tiga tahun sebagai tanda persahabatan dan menjamin keselamatan.



KPS

“Pada masa yang sama sebenarnya raja dan pembesar Perlis telah melancarkan satu gerakan berlumba-lumba dan bersaing dengan Sultan Kedah dalam menyemai perasaan baik dan mesra Maharaja dan istana Siam terhadapnya... . Dari tahun 1841 hingga 1909, kerajaan Perlis telah menghantar tidak kurang daripada dua puluh bunga emas, setiap tiga tahun kepada Siam.”

(Sumber: Julie Tang Su Chin, “Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957” dlm. MBRAS, 2002, hlm. 95)

Berdasarkan pernyataan di atas:

- (a) Buat intepretasi anda tentang bunga emas.
- (b) Rasionalkan tindakan pemerintah dalam penghantaran bunga emas tersebut.

8.2

Hubungan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis dengan Negeri-negeri Melayu yang Lain


Pengenalan

Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis telah muncul sebagai kerajaan yang berdaulat. Setiap kerajaan ini telah berusaha memantapkan pemerintahan masing-masing dengan menjalinkan hubungan dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Hubungan tersebut terjalin dalam aspek diplomatik dan perdagangan. Terdapat tiga asas hubungan ini, iaitu keserumpunan, geografi dan agama.

Asas Hubungan

Tujuan

- Pada peringkat awal pengasasan, setiap kerajaan menjalinkan hubungan luar kerana hendak memperkukuh kedaulatan.
- Pemerintah telah menghantar utusan ke negeri Melayu yang lain bagi mendapatkan pengiktirafan kedaulatan kerajaan.
- Kestabilan dalam negeri kemudiannya mendorong pemerintah berusaha menjalinkan hubungan luar untuk kemakmuran negeri.



Ilustrasi menggambarkan rombongan utusan diraja kerajaan negeri Melayu ke negeri yang lain.

(Sumber: Adaptasi daripada Ahmad Sarji (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 50)

1

Keserumpunan

- Persamaan dalam aspek bahasa dan budaya mendorong wujud hubungan dengan negeri-negeri Melayu yang lain.
- Persamaan ini memudahkan interaksi sesama kerajaan.
- Setiap kerajaan bersikap toleransi dalam menerima amalan budaya kerajaan lain.



Cerna Minda

Bagaimanakah aspek keserumpunan mewujudkan hubungan antara sesebuah negeri dengan negeri Melayu yang lain?

2

Geografi

- Sempadan antara negeri yang berjiran memudahkan perhubungan.
- Antara tarikan perhubungan termasuklah hasil sumber alam dan sumber bumi.
- Sungai penting sebagai laluan perhubungan yang dikongsi secara bersama-sama antara negeri.
- Kepentingan sungai ini mendorong setiap negeri berusaha menjamin keselamatan laluan tersebut.
- Pembentukan pelabuhan di pinggir sungai telah menggalakkan hubungan dengan negeri berjiran dan kuasa luar.



Pangkalan Alor Tok Pasai merupakan laluan perdagangan pelabuhan Kuala Kedah.

(Sumber: *Kedah Dulu-Dulu*, Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2003, hlm. 76)



Peta menunjukkan Sungai Linggi yang merupakan laluan penting perhubungan dan perdagangan serta kawasan pungutan cukai kerajaan Negeri Sembilan.

(Sumber: Abd. Rahman Ali, N. Rajendra dan V. Rajendra, *Tawarikh Dunia Baru Buku Satu*, Kuala Lumpur: Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1982, hlm. 107)

3

Agama

- Berlaku melalui penerimaan Islam oleh pemerintah.
- Diperkukuhkan dalam kegiatan keagamaan menerusi peranan ulama.
- Berkongsi institusi pendidikan agama menerusi kehadiran penuntut dari pelbagai wilayah.



Pembinaan Masjid Kampung Laut di tebing Sungai Kelantan membantu usaha penyebaran Islam dalam kalangan masyarakat tempatan dan pedagang luar.



Apakah kepentingan sungai kepada negara pada hari ini?



Bangunan asal Masjid Kampung Laut kini telah dipindahkan ke Nilam Puri dan terus dipelihara dan dipulihara.

(Sumber: Koleksi DBP, 2017)



Glosari

Sumber alam: sesuatu yang diperolehi daripada tanah serta usaha yang dilakukan bagi memenuhi keperluan kehidupan. Contoh sumber alam ialah tanaman padi.

Sumber bumi: hasil galian seperti bijih timah.

Hubungan Diplomatik

Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis telah menjalinkan hubungan diplomatik dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Hubungan diplomatik dijalinkan menerusi pengiktirafan kerajaan Melayu yang lain, bantuan pertahanan dan perkahwinan diraja.

Cara Jalinan Hubungan Diplomatik

1. Pengiktirafan

Pengiktirafan bertujuan mengabsahkan sultan sebagai pemerintah. Hal ini mewujudkan hubungan antara kerajaan berdaulat yang mempunyai taraf yang sama.

- Pada abad ke-15, Sultan Mahmud Shah, pemerintah Kesultanan Melayu Melaka telah mengiktiraf kerajaan Kedah sebagai kerajaan yang berdaulat, manakala kerajaan Kedah mengakui pertuanan Sultan Melaka.
- Pada tahun 1775, Sultan Terengganu telah mengiktiraf kerajaan Kelantan yang telah disatukan di bawah pemerintahan Long Yunus.

2. Pertahanan

Pertahanan merupakan aspek penting dalam memastikan kelangsungan sesebuah kerajaan. Hubungan pertahanan yang diwujudkan dapat mengekalkan kedaulatan sesebuah kerajaan daripada campur tangan kuasa lain.

- Long Yunus mendapat bantuan ketenteraan daripada kerajaan Terengganu dan kerajaan Reman di Hulu Perak dalam usaha untuk menyatukan Kelantan.
- Pelantikan Long Gaffar dari kerajaan Reman sebagai Perdana Menteri Kelantan merangkap Panglima Perang telah membantu mengekalkan keamanan di Kelantan.



Peta
Kerajaan
Reman



Glosari

Mengabsahkan: mengesahkan pelantikan seseorang sebagai pemerintah.

3. Perkahwinan

Perkahwinan diraja antara sesebuah kerajaan merupakan amalan tradisi kerajaan negeri-negeri Melayu. Perkahwinan diraja akan mengukuhkan hubungan dan menjamin kedaulatan sesebuah kerajaan.

- Onang Kening, iaitu puteri Kelantan dikahwinkan dengan Sultan Mahmud Shah dari Melaka. Hasil perkahwinan ini melahirkan Raja Muzaffar yang kemudiannya menjadi Sultan Perak yang pertama.
- Che' Ku Wan, iaitu puteri Long Yunus dikahwinkan dengan Tengku Muhammad, putera Sultan Terengganu.
- Raja Perlis, iaitu Raja Syed Hussin berkahwin dengan Tengku Nor Asiah, iaitu cucunda kepada Sultan Abdullah Mukarram Shah, Sultan Kedah Ke-20.



Cerna Minda

Bagaimanakah hubungan perkahwinan diraja dapat menjamin kedaulatan sesebuah kerajaan?



Bagaimanakah sesebuah kerajaan dapat menjalinkan hubungan diplomatik pada masa ini?



Singgahsana yang menjadi tempat persandingan pasangan diraja.

(Sumber: Koleksi DBP, 2016)



Aktiviti "Kedai Kopi" (Cafe)

Seperti di kafe, murid duduk secara berkumpulan di sebuah meja. Guru meletakkan tajuk perbincangan di tengah-tengah meja tersebut, iaitu "Hubungan diplomatik penting dalam memastikan keselamatan dan kelangsungan sesebuah kerajaan". Secara berkumpulan, murid akan membincangkan tajuk ini.



Kajian Kes



Kota Lukut,
Negeri
Sembilan.

Pertahanan menjadi asas kepada kelangsungan sesebuah kerajaan. Buktikan.

Hubungan Perdagangan

Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis juga menjalinkan hubungan perdagangan dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Hubungan perdagangan dijalinkan menerusi pembinaan pelabuhan dan hasil perdagangan tempatan.

1. Pelabuhan

Hubungan antara kerajaan berlaku melalui aktiviti perdagangan di pelabuhan. Pelabuhan-pelabuhan ini menjadi asas kepada pembentukan hubungan dengan pedagang tempatan seperti Melaka, Perak dan Johor serta pedagang luar dari Siam, China, Arab dan Kemboja.

Kedah

- Pangkalan Lembah Bujang, Pangkalan Kuala Merbok terletak di Sungai Merbok.
- Pangkalan Kuala Muda di Sungai Muda.
- Sultan Muhammad Jiwa (1472-1506) telah memperkemaskan penggunaan mata wang Kedah di pelabuhan.

Kelantan

- Pangkalan Galoh yang bermaksud Pangkalan Permata dibina di Sungai Kelantan.
- Menggunakan mata wang logam dinar dalam urusan perdagangan sejak tahun 1181.

Perlis

- Pelabuhan Kuala Perlis di Sungai Perlis.
- Pekan Kangar yang terletak di pertemuan cabang anak Sungai Perlis menjadi tempat pertemuan pedagang.

Negeri Sembilan

- Pangkalan di Sungai Linggi.
- Pedagang Rembau menguasai aktiviti perdagangan dengan pedagang luar.

Kegiatan
Ekonomi
Negeri
Melayu



Perahu Sagor diperbuat daripada batang balak yang ditebuk dan digunakan bagi membawa hasil dagangan tempatan ke pelabuhan Lembah Bujang, Kedah.

(Sumber: Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Kedah)



Pangkalan Kuala Merbok.
(Sumber: *Kedah Dulu-Dulu*,
Kedah: Perbadanan Perpustakaan
Awam Kedah, 2003, hlm. 90)



2. Barang Dagangan

Kekayaan hasil bumi dan kepelbagaian jenis barang dagangan menjadi tarikan pedagang tempatan dan dari luar Alam Melayu. Keperluan terhadap barang dagangan ini mendorong berlakunya hubungan perdagangan antara kerajaan.

Kedah

- Kedah memperdagangkan beras, garam, damar, kapur barus dan emas urai. Manakala pedagang dari Perak dan Melaka membawa barang dagangan seperti arang kayu, papan dan ikan kering.
- Kedah juga merupakan pembekal gading dan gajah bagi perdagangan entrepotnya.

Kelantan

- Kelantan memperdagangkan emas dan dikunjungi oleh pedagang dari dalam dan luar Kepulauan Melayu.

Perlis

- Perlis memperdagangkan beras dan bijih timah dengan negeri jiran dan Siam.

Negeri Sembilan

- Negeri Sembilan memperdagangkan bijih timah, sirih, kayu gaharu dan kapur barus dengan Johor dan Melaka.



Beras



Arang kayu.



Bijih timah.

Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis telah menjalin hubungan diplomatik dan perdagangan dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Hubungan diplomatik ini telah menjamin kedaulatan kerajaan-kerajaan ini kekal hingga kini. Hubungan perdagangan pula telah menyumbang kepada kemakmuran dan perkembangan kerajaan.



Aktiviti "Drama" (Dramatisation)

Secara berkumpulan, lakonkan aktiviti urusan jual beli barang dagangan utama setiap kerajaan ini.



Aktiviti KMD



Secara berkumpulan, lakarkan bentuk mata wang dan barang keperluan pada masa dahulu, masa ini dan masa hadapan.

Perkara	Masa Dahulu	Masa Ini	Masa Hadapan
Mata wang			
Barang keperluan			



Imbas Kembali

Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis



Bab ini telah membincangkan penerusan kegemilangan kerajaan Alam Melayu menerusi pengasasan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis. Pelantikan pemerintah telah memantapkan sistem pentadbiran tempatan. Kerajaan-kerajaan ini telah berusaha mempertahankan kelangsungan kedaulatan masing-masing daripada ancaman luar melalui jalinan hubungan diplomatik dan perdagangan dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Kelangsungan kegemilangan kerajaan-kerajaan ini dapat dilihat dari aspek warisan serta keunikannya yang masih kekal hingga hari ini dalam bab seterusnya.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

- Undang Sungai Ujong
 - Undang Johol
 - Undang Jelebu
 - Undang Rembau

Pembesar di atas bersetuju menghantar utusan bagi menjemput pemerintah dari Minangkabau. Apakah nilai yang berkaitan dengan persetujuan pembesar tersebut?

- Menghormati peraturan kerajaan.
 - Bertanggungjawab terhadap negara.
 - Permuafakatan dalam membuat keputusan.
 - Gigih mempertahankan sempadan wilayah.
- Mengapakah pelabuhan penting kepada sesebuah kerajaan Melayu?
 - Perluasan wilayah.
 - Lambang kedaulatan.
 - Menjamin keselamatan.
 - Meningkatkan kemakmuran.

3. Lengkapkan jadual di bawah dengan maklumat yang berikut:

Arau	Long Yunus	Seri Menanti	1773
Maharaja Derbar Raja	1762	Kedah	Raja Melewar
Kelantan	Syed Hussin Jamalullail	1843	Kota Kubang Labu
630 M	Sungai Mas	Negeri Sembilan	Perlis

Kerajaan	Tahun	Pengasas	Lokasi Pentadbiran



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

4. Jawab soalan yang berikut berdasarkan gambar di sebelah.
- (a) Apakah kuasa luar yang berkaitan dengan gambar tersebut?
 - (b) Berikan pendapat anda terhadap tindakan pemerintah berkaitan dengan gambar tersebut. 🧠



5. Bincangkan penyelesaian bagi situasi di bawah.

Situasi A:

Kerajaan X menerima ancaman daripada kuasa lain yang lebih kuat. Apakah tindakan yang boleh diambil?

Situasi B:

Kerajaan Y ingin memakmurkan negaranya. Apakah usaha terbaik yang perlu dilakukan?

Situasi C:

Pemerintah Z ingin mengukuhkan kerajaannya yang berdaulat. Apakah antara bentuk hubungan yang boleh diambil?

6. Kekayaan hasil bumi serta kepelbagaian jenis barangan dagangan menjadi tarikan kepada kehadiran pedagang.

Berdasarkan pernyataan di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) Nyatakan hasil bumi yang diperdagangkan oleh kerajaan Melayu.
- (b) Bagaimanakah kegiatan perdagangan dapat mewujudkan hubungan antara negeri Melayu?
- (c) Pada pendapat anda, apakah kriteria yang perlu ada bagi mewujudkan sebuah pelabuhan perdagangan yang baik? 🧠



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Pengetahuan tentang sejarah berkaitan kerajaan Melayu menyedarkan kita agar menghargai usaha yang dilakukan oleh pemerintah terdahulu.
- Memahami hubungan luar kerajaan Melayu dengan negeri Melayu lain memberikan pengetahuan tentang kepentingan memelihara hubungan baik demi kesejahteraan negara.
- Dasar berbaik-baik dengan negara jiran amat penting dalam mengekalkan kedaulatan negara dan dihormati di persada antarabangsa.

Diri dan Keluarga

Setiap ahli keluarga berperanan untuk mewujudkan keluarga yang harmoni.

Negara

Menjaga hubungan baik dengan negara lain dapat menjamin kedaulatan negara kita.



Hubungan baik dengan negara jiran menerusi ASEAN telah membawa kesejahteraan dan kemakmuran kepada negara kita.

BAB 9

WARISAN KERAJAAN KEDAH, KELANTAN, NEGERI SEMBILAN DAN PERLIS



Sinopsis

Aspek warisan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis mencakupi sistem pemerintahan beraja, adat istiadat, perundangan, persuratan dan kesenian. Aspek warisan Negeri Sembilan pula meliputi keunikan adat dan pemerintahannya. Warisan kegemilangan kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis ini kekal hingga kini.



Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menjelaskan warisan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis hingga kini.
2. Menghuraikan keunikan adat dan pemerintahan Negeri Sembilan.



Istana Jahar, Kelantan.
(Sumber: Koleksi DBP, 2017)



Replika Istana Raja Melewar, Negeri Sembilan.
(Sumber: Koleksi DBP, 2017)



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Menghuraikan kepentingan menghargai warisan negeri Melayu.
2. Merumuskan iktibar yang diperolehi daripada kelangsungan negeri Melayu.



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi warisan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis yang masih kekal hingga hari ini.
2. Meneroka bukti warisan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis yang masih kekal hingga hari ini.
3. Membuat interpretasi keunikan adat dan pemerintahan Negeri Sembilan.
4. Membuat imaginasi keunikan kesenian warisan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis serta adat dan pemerintahan Negeri Sembilan.
5. Membuat rasionalisasi kepentingan menghargai warisan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis serta keunikan adat dan pemerintahan Negeri Sembilan.

Pengenalan

Kelangsungan kewujudan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis hingga kini turut diiringi dengan kegemilangannya mengharungi pelbagai cabaran sejak pengasasan lagi. Kemegahan dan kegemilangan kerajaan ini dapat dilihat menerusi warisan dalam aspek sistem pemerintahan beraja, adat istiadat, perundangan, persuratan dan kesenian.

Sistem Pemerintahan Beraja

Pengenalan institusi beraja oleh setiap kerajaan sejak pengasasan merupakan warisan yang kekal hingga hari ini. Warisan ini telah diperkembangkan menerusi pewujudan institusi raja berperlembagaan apabila negara mencapai kemerdekaan.

1. Penggunaan Gelaran Pemerintah

- Kerajaan Kedah dan Kelantan menggunakan gelaran Sultan.
- Kerajaan Perlis menggunakan gelaran Raja.

2. Cara Pelantikan Pengganti Pemerintah

- Pelantikan putera Sultan atau Raja sebagai pengganti.
- Daripada jurai keturunan pemerintah pengasas.



Bagaimanakah kita dapat mempertahankan warisan institusi beraja?

Salasilah Raja-Raja Perlis

DYMM Raja Perlis Pertama,
Tuanku Syed Hussin Jamalullail (1843–1873)

DYMM Raja Perlis Kedua,
Tuanku Syed Ahmad Jamalullail (1873–1897)



DYMM Raja Perlis Ketiga,
Tuanku Syed Safi Jamalullail
(1897–1904)



DYMM Raja Perlis Keempat,
Tuanku Syed Alwi Jamalullail
(1904–1943)



DYMM Raja Perlis Kelima,
Tuanku Syed Hamzah
Jamalullail
(1943–1945)




DYMM Raja Perlis Keenam,
Tuanku Syed Putra Jamalullail
(1945–2000)



DYMM Raja Perlis Ketujuh,
Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail
(2000–kini)

Sistem pemerintahan beraja dalam sesebuah negeri sejak diasaskan kekal diwarisi hingga hari ini. Pentadbiran wilayah kekal dengan pengubahsuaian mengikut keperluan sistem pemerintahan pada masa ini.

Sultan atau Raja merupakan hierarki tertinggi dalam pemerintahan beraja. Warisan ini dikekalkan dengan kedudukan Sultan atau Raja sebagai ketua bagi negeri serta memiliki keistimewaannya. Sultan atau Raja juga bertanggungjawab sebagai ketua agama Islam dan merupakan lambang perpaduan rakyat.



Pembesar dilantik sebagai wakil pentadbir bagi pihak kerajaan dan bertanggungjawab terhadap jajahan atau daerah. Warisan pentadbiran secara unit daerah ini masih wujud hingga kini.

Penghulu merupakan penguasa pada peringkat mukim. Penghulu berperanan sebagai orang perantaraan antara rakyat dengan pemerintah. Warisan pentadbiran peringkat mukim ini masih kekal hingga hari ini dengan kewujudan ketua kampung yang bertanggungjawab untuk mentadbir unit yang lebih kecil.



Warisan
Kesultanan
Melayu



Cerna Minda

Bagaimanakah penghulu dapat membantu pentadbiran setiap negeri?



Aktiviti "Peta Pemikiran" (*Thinking Map*)

1. Secara berkumpulan, kumpulkan maklumat berkaitan keistimewaan Sultan atau Raja.
2. Bentangkan dalam bentuk peta pemikiran yang sesuai.

Adat Istiadat

Keserumpunan budaya kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis mewujudkan persamaan warisan adat istiadat diraja yang meliputi aspek keputeraan, perkahwinan, pertabalan, penganugerahan darjah kebesaran dan pemakaman pemerintah. Alat-alat kebesaran diraja turut diwarisi dan digunakan dalam setiap istiadat rasmi.

Sistem pemerintahan raja yang berdaulat terpancar menerusi warisan istiadat pertabalan diraja. Pertabalan pemerintah bertujuan memaklumi rakyat dan bagi mengabsahkan kedaulatan raja.

1

Majlis Pemasyhuran

Majlis pemasyhuran pengganti Sultan atau Raja disempurnakan sebelum jenazah pemerintah dimakamkan.



Istiadat pertabalan Raja Perlis.
(Sumber: Muzium Kota Kayang, Kangar)



Buku atur cara majlis pemasyhuran Sultan Abdul Halim Mu'azzam Shah. (Ahmad Sarji Abdul Hamid (ed.), *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Editions Didier Millet, 2011, hlm. 30)

2

Istiadat Pertabalan

- Istiadat dimulai dengan mempersembahkan naskah al-Quran dan alat kebesaran diraja.
- Sultan atau Raja yang dimasyhurkan membaca watakah pertabalan dan kemudian mengucup keris kuasa.
- Menteri Besar mengetuai seruan “Daulat Tuanku”.



Pertabalan Sultan Kedah pada tahun 1959

3

Penganugerahan Bintang dan Darjah Kebesaran

Penganugerahan darjah kebesaran oleh Sultan atau Raja juga merupakan warisan yang kekal hingga hari ini. Penganugerahan ini merupakan lambang hubungan antara pemerintah dengan rakyat. Lazimnya, penganugerahan ini disempurnakan bersempena dengan hari sambutan keputeraan pemerintah. Darjah Kebesaran dianugerahkan sebagai pengiktirafan kepada Sultan atau Raja, kerabat diraja dan rakyat yang berjasa.



Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran Kelantan oleh Sultan Muhammad V.

Pingat Darjah Kebesaran



Darjah Kerabat Yang
Amat Di-Hormati (D.K.)
Kelantan



Darjah Dato' Paduka Seri
Setia Sultan Abdul Halim
Mu'azzam Shah (D.H.M.S.)



Darjah Setia Mahkota
Perlis (S.M.P.)



Darjah
Kebesaran
Kelantan



Aktiviti "Kumpulan Pelangi" (Rainbow Groups)

1. Murid dibahagikan kepada tiga kumpulan utama.
2. Berdasarkan pelbagai sumber, setiap kumpulan akan mencari maklumat berkaitan adat istiadat bagi kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis.

Kumpulan 1:

Adat istiadat keputeraan diraja.

Kumpulan 2:

Adat istiadat perkahwinan diraja.

Kumpulan 3:

Adat istiadat pemakaman pemerintah.

3. Selepas berbincang, bina kumpulan baharu yang terdiri daripada ahli daripada tiga kumpulan asal.
4. Ahli kumpulan akan menyatakan hasil perbincangan daripada kumpulan asal masing-masing kepada ahli kumpulan baharu secara bergilir-gilir.



Aktiviti "Lukis Ikut Kreativiti" (Stretch to Sketch)



1. Secara berkumpulan, hasilkan lakaran kreatif berdasarkan ciri binaan kedua-dua istana di atas.
2. Bentangkan keistimewaan lakaran tersebut.

Perundangan

Kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis memantapkan sistem pentadbiran dengan melaksanakan undang-undang yang kemas dan teratur. Sistem perundangan ini bertujuan untuk menjamin keadilan rakyat, melancarkan pentadbiran kerajaan dan memakmurkan negeri. Sistem perundangan ini diwarisi hingga kini dengan beberapa pengubahsuaian dan penambahbaikan.

Penggantian Pemerintah

- Sultan atau Raja hendaklah lelaki, berketurunan raja, berbangsa Melayu dan beragama Islam.



Istiadat pemasyhuran Raja Muda Kedah.
(Sumber: Koleksi DBP, 2016)



Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan.
(Sumber: Koleksi DBP, 2016)

Peranan Sultan atau Raja

- Kedudukan Sultan atau Raja sebagai Ketua Negeri.
- Ketua Agama Islam.



Tanggungjawab Raja dalam Menjaga Agama

Badan Penasihat Sultan atau Raja

- Kuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diketuai oleh Menteri Besar sebagai Yang Dipertua yang membantu Sultan atau Raja dalam mentadbir negeri dan rakyat.

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah Darulaman

Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis

Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan



Jemaah Menteri semasa pemerintahan Sultan Muhammad II (1836-1886) di Kelantan.
(Sumber: Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 2003, hlm. 27)

Tanggungjawab Sultan atau Raja

- Larangan kepada Sultan atau Raja, Menteri dan Jemaah Menteri menyerahkan negeri atau kuasa kepada kerajaan lain.
- Sultan atau Raja berhak memilih Menteri Besar.

Hak Rakyat dalam Pentadbiran

- Warganegara berumur 21 tahun atau lebih yang tinggal di dalam negeri layak menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri mengikut Perlembagaan Persekutuan.



Glosari

Maksiat: perbuatan berdosa yang melanggar ajaran agama Islam.




Cerna Minda

Apakah tujuan penggubalan sesuatu undang-undang?

Pemantapan Undang-Undang Islam

- Kerajaan Kedah memperkenalkan enakmen zakat yang diuruskan menerusi penubuhan sebuah jawatankuasa pada tahun 1955.
- Kerajaan Kelantan memperkenalkan enakmen dan pekeliling berkaitan undang-undang jenayah Islam dan busana cara Islam dalam kehidupan rakyatnya.
- *Hukum Maksiat di Kelantan* ditulis pada abad ke-19 yang melarang perbuatan laga lembu dan persembahan menora.



Undang-Undang Hukum Maksiat di Kelantan.
(Sumber: Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia)



Sistem Perundangan di Negeri Melayu




Sebagai warganegara yang patriotik, bagaimanakah anda menghayati prinsip Rukun Negara yang ketiga?

Persuratan

Kegemilangan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis turut mewariskan hasil karya persuratan yang sangat bernilai dan masih kekal hingga hari ini. Karya-karya persuratan ini masih menjadi asas rujukan utama dalam kewujudan sesebuah kerajaan.

Karya Sejarah



Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah

(Sumber: Koleksi Mardiana Nordin, 2017)

- *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* merupakan karya Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad pada tahun 1927.
- Mencatatkan sejarah istana Kedah dan pentadbiran di Perlis.
- Mengisahkan pengasasan dan senarai pemerintah, pembukaan ibu kota, alat kebesaran diraja, iaitu nobat dan pengislaman pemerintah kerajaan Kedah.

- *Hikayat Merong Mahawangsa* dihasilkan sekitar tahun 1821.
- Mengisahkan pengasasan kerajaan Kedah, pembukaan kota pentadbiran dan pengislaman pemerintah.



Hikayat Merong Mahawangsa

(Sumber: Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia)

- *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah* ditulis oleh Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib pada tahun 1911.
- Mencatatkan secara kronologi maklumat jurai pemerintah negeri Kedah dari tahun 630 M hingga tahun 1911.
- Memaparkan perkembangan ekonomi dan pentadbiran kerajaan Kedah menerusi pembahagian daerah.



Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah

(Sumber: Koleksi Mardiana Nordin, 2017)



Bincangkan kepentingan karya persuratan dalam masyarakat pada masa kini.

- *Syair Sultan Maulana* dihasilkan pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845) berkaitan kisah perang tentera Kedah.
- Dipersembahkan dalam bentuk syair.



Syair Sultan Maulana

(Sumber: Muhammad Yusoff Hashim, *Syair Sultan Maulana*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1980, hlm. 27)



Hikayat Seri Kelantan

(Sumber: Koleksi Mardiana Nordin, 2017)

- *Hikayat Seri Kelantan* dipercayai ditulis pada tahun 1914.
- Mengisahkan pemerintahan negeri Kelantan sejak zaman Che Siti Wan Kembang, Puteri Saadong dan Raja Abdullah hingga tahun 1900.

- *Detik2 Sejarah Kelantan* ditulis oleh Sa'ad Shukri bin Haji Muda pada tahun 1971.
- Mencatatkan sejarah pengasasan kerajaan Kelantan dan peristiwa penting setiap pemerintah.



Detik2 Sejarah Kelantan

(Sumber: Sa'ad Shukri, *Detik2 Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Penerbit PAP Kelantan, 1971)



Aktiviti
"Pembentangan Hasil Kendiri"
(Self Access Learning)

1. Berdasarkan pelbagai sumber, cari sinopsis sebuah karya sejarah.
2. Bentangkan hasil dapatan.



Kajian Kes

Karya-karya persuratan di sebelah sangat bernilai sebagai rujukan yang perlu dipelihara dan dipulihara pada masa ini. Bincangkan.



Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah



Hikayat Merong Mahawangsa



Hikayat Seri Kelantan

Kesenian

Penghasilan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis juga menyumbang kepada warisan kesenian. Warisan kesenian yang merupakan identiti unik setiap kerajaan ini masih kekal hingga hari ini. Aspek warisan tersebut termasuklah seni ukir, seni bina, seni pertukangan dan barang perhiasan, seni kraf tangan, seni persembahan dan seni silat.

1. Warisan Seni Ukir

- Banyak diwarisi di Kelantan dan Kedah.
- Motif haiwan dalam karya telah digantikan dengan motif alam yang bersesuaian dengan amalan Islam.
- Kekal sebagai hiasan pada istana, rumah dan bangunan seperti masjid.



Seni ukir bermotifkan alam.



Mimbar masjid.

2. Warisan Seni Bina

- Berupa binaan istana serta hiasan ukiran daripada kayu berkualiti.
- Keunikan binaan rumah tradisional Melayu ialah tebar layar berbentuk “V” terbalik yang dihiasi ukiran bermotif alam. Banyak tiang yang menggunakan hasil hutan tempatan dan berdaya tahan dengan perubahan cuaca.



Rumah tradisional Melayu.



Kiasan Matahari
Ukiran Tebuk
Keunikan tebar layar rumah tradisional Kelantan.

3. Warisan Seni Pertukangan dan Barang Perhiasan

- Pertukangan perhiasan daripada emas dan perak telah menyerlahkan kreativiti masyarakat tempatan.
- Pertukangan senjata tradisional seperti keris berkembang pesat terutamanya di Kelantan.



Seni pertukangan emas dan keris.



Glosari

Motif: sesuatu yang dijadikan corak pada ukiran, lukisan dan lain-lain.



Cadangkan langkah-langkah untuk memelihara dan memulihara warisan kesenian negara.

4. Warisan Seni Kraf Tangan

- Berkaitan dengan kreativiti hasil kraf tangan masyarakat seperti anyaman tikar dan bakul rotan.
- Kelantan terkenal dengan warisan pembuatan wau dan batik.



Seni batik.



Pembuatan wau.

5. Warisan Seni Persembahan

- Merupakan keunikan pada setiap kerajaan.
- Awang Batil merupakan penglipurlara di Perlis.
- Wayang kulit telah diangkat sebagai warisan kebangsaan di bawah kategori warisan tidak ketara.
- Mek Mulung merupakan teater tradisional negeri Kedah yang kekal hingga kini.



Wayang kulit.

6. Warisan Seni Silat

- Merupakan seni atau kepandaian berjuang dengan menggunakan ketangkasan menyerang dan mempertahankan diri.
- Kini, sebagai persembahan istimewa dalam sesuatu majlis dan menjadi acara yang dipertandingkan pada peringkat antarabangsa.

Warisan sistem pemerintahan beraja, adat istiadat, perundangan, persuratan dan kesenian masih kekal hingga hari ini dengan beberapa pengubahsuaian. Warisan kesenian ini merupakan tarikan kepada industri pelancongan negara. Kegemilangan dan kemegahan kerajaan Kedah, Kelantan dan Perlis dalam pelbagai aspek merupakan warisan yang perlu kita hargai.



Aktiviti "Kerusi Panas" (Hot Seating)

1. Secara berkumpulan, layari laman web Institut Kraf Negara www.ikn.gov.my dan dapatkan maklumat tentang peranan institut ini dalam memelihara dan memulihara warisan kesenian negara.
2. Wakil kumpulan akan membentangkan dapatan maklumat.
3. Murid lain boleh bertanya soalan.



Cuba Buat

Patung Wayang Kulit

Alatan yang diperlukan:

1. Watak wayang kulit.
2. Kertas keras.
3. Pisau atau gunting.
4. Gam, pita pelekat dan benang.
5. Lidi sate.



1. Lekatkan watak wayang kulit pada kertas keras dan gunting.



2. Tebuk dan ikatkan bahagian tangan yang dipotong.



3. Lekatkan lidi sate pada belakang patung.



4. Hasil tugas - Patung Wayang Kulit.



Pengenalan

Keserumpunan Alam Melayu telah membawa perantau dari Minangkabau menetap di kawasan Rembau, Sungai Ujong dan Johol di Negeri Sembilan serta Nanning. Masyarakat ini membawa bersama-sama amalan tradisi dan adat resam asal, iaitu Adat Perpatih.

Walaupun pada hari ini Adat Perpatih menerima perubahan semasa, namun masih tetap mengekalkan warisan keunikannya. Aspek keunikan ini berkaitan dengan jurai keturunan sebelah ibu, pelaksanaan hukuman, perkahwinan, upacara kedim dan wanita mewarisi harta pusaka.

Jurai Keturunan Sebelah Ibu

- Kaum perempuan dianggap Ibu Soko, iaitu ibu yang melahirkan anggota masyarakat.
- Setiap anak merupakan anggota suku ibunya.
- Anggota suku dianggap sedarah kerana berasal daripada moyang perempuan yang sama sebelah ibu.

Keunikan Adat Perpatih



Tahukah Anda?

Adat Perpatih yang diamalkan oleh kebanyakan orang Melayu di Negeri Sembilan dan Nanning, Melaka kini adalah berdasarkan Adat Minangkabau yang dibawa oleh Dato' Perpatih Nan Sebatang. Pengamalan adat ini telah disesuaikan dengan adat orang tempatan. Peraturan yang diguna pakai adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan individu dan masyarakat.

Pelaksanaan hukuman

- Bersifat pemulihan dengan memberikan pertimbangan terhadap pesalah ke arah kebaikan.
- Mengutamakan perasaan dan kepentingan pesalah.
- Sekiranya berlaku kesalahan kecil, maka boleh diselesaikan dengan saling bermaafan ataupun denda yang ringan.



Cerna Minda

Mengapakah Adat Perpatih menggalakkan perkahwinan di luar suku?



Glosari

Teromba: kata-kata adat berbentuk prosa dan puisi yang mengandungi peraturan, undang-undang, nasihat, salasilah yang di dalamnya terdapat adat yang sebenar-benar adat, adat yang diadakan, adat yang teradat dan adat istiadat untuk dijadikan sandaran.

Perkahwinan

- Perkahwinan sesama suku tidak digalakkan kerana dianggap sebagai sebuah keluarga besar dan bersaudara.
- Menggalakkan perkahwinan di luar suku bagi mewujudkan hubungan persaudaraan antara suku.
- Seseorang lelaki yang berkahwin akan menjadi anggota keluarga suku isterinya dan digelar “orang semenda” (orang mendatang).
- Wanita yang berkahwin sesama suku akan hilang hak mewarisi pusaka, manakala lelaki pula akan hilang hak untuk menyandang jawatan dalam adat. Namun begitu, jika hendak mengembalikan hak perlu menjalankan adat memulih pusaka.



Majlis perkahwinan.

Upacara Kedim

- Menerima orang dari suku lain atau orang luar menjadi ahli suku.
- Seseorang itu akan bersumpah taat setia dan bersaudara dengan ahli suku yang akan disertai serta dibuat penghebahan.

*“Darah dicecah
Doa ditampung
Sumpah dilabuh
Quran dijunjung.”*

(Sumber: Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 1982, hlm. 131)

Wanita Mewarisi Pusaka

- Wanita akan mewarisi harta pusaka termasuk tanah dan rumah bertujuan supaya wanita tidak terabai.
- Diwarisi secara turun temurun daripada ibu kepada anak perempuan.



KPS

Rasionalkan keunikan warisan Adat Perpatih.



Aktiviti “Peta Pemikiran” (*Thinking Map*)

1. Secara berkumpulan, layari Internet dan kumpulkan beberapa teromba atau perbilangan dalam Adat Perpatih dan tafsirkan maksudnya.
2. Bandingkan Adat Perpatih dengan Adat Temenggung.
3. Dapatan kajian dibentangkan dalam peta pemikiran yang sesuai.



Glosari

Suku: anggota masyarakat yang dikelaskan mengikut nenek moyang, iaitu keturunan sebelah ibu. Terdapat 12 suku di Negeri Sembilan, iaitu Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Mungkal, Tiga Nenek, Semelenggang, Selemak, Batu Belang, Tanah Datar, Anak Aceh, Anak Melaka dan Tiga Batu.

Orang Semenda:

- Lelaki yang berkahwin akan tinggal di rumah isteri dan menjadi anggota suku isteri.
- Bertanggungjawab mengerjakan tanah pusaka isteri, mestilah berkelakuan baik dan menjaga nama suku isterinya.
- Berperanan penting dalam keluarga seperti mengendalikan urusan peminangan.


Perbilangan: peribahasa yang melahirkan kata-kata yang menjadi sama ada peraturan, undang-undang atau nasihat yang dapat dijadikan pegangan.

Keunikan Pemerintahan di Negeri Sembilan

Sistem pentadbiran adat di Negeri Sembilan yang menggunakan sistem Adat Perpatih merupakan amalan pentadbiran adat yang unik. Terdapat tiga kumpulan utama dalam masyarakat di Negeri Sembilan, iaitu Perut, Suku dan Luak yang berkuasa melantik penyandang pesaka adat atau pemimpin.

Pelantikan Pemimpin

- Pemimpin dalam Adat Perpatih ialah ketua adat seperti Ibu Soko, Buapak, Lembaga, Undang dan Yamtuan Besar atau Yang di-Pertuan Besar.
- Penyandang pesaka adat pada semua peringkat dipilih hasil permuafakatan.



Hierarki Pemerintahan Adat Perpatih



Sistem Pemerintahan di Negeri Sembilan



Tahukah Anda?

- Penghulu merupakan Ketua Luak atau Daerah bagi Inas, Terachi, Jempol, Ulu Muar dan Gunung Pasir.
- Ibu Soko dikenali dengan beberapa nama. Contohnya, di Luak Johol sebagai Ibu Waris; di Luak Tampin sebagai Ibu Telapak; dan di Minangkabau sebagai Bundo Kandung.



Bincangkan kepentingan amalan muafakat dalam pelantikan pemimpin.

1. Yamtuan Besar atau Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan

- Yang di-Pertuan Besar dipilih oleh Undang Yang Empat.
- Berperanan sebagai ketua negeri.
- Menjadi lambang kesatuan dan persekutuan.



Adat pemasyhuran Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Ke-11.

2. Undang

- Undang merupakan Ketua Luak yang dilantik oleh Lembaga.
- Undang Yang Empat ialah Undang Sungai Ujong, Undang Jelebu, Undang Johol dan Undang Rembau.
- Undang Yang Empat akan berkerapatan bagi memilih seorang yang layak daripada keturunan Yamtuan Radin untuk menjadi Yamtuan Besar atau Yang di-Pertuan Besar.

3. Lembaga


- Lembaga merupakan Ketua Suku dan dilantik oleh Buapak.
- Peranan Lembaga:
 - Memilih Undang dan Penghulu.
 - Menjaga keamanan dan keselamatan.
 - Menyelesaikan pertelingkahan antara Suku.
 - Mengurus pembahagian harta pusaka.

4. Buapak

- Anak buah dalam Perut akan melantik seorang ketua yang digelar Buapak.
- Buapak menjadi ketua rujukan aspek yang berkaitan dengan adat dan hukum.

5. Ibu Soko

- Mengetahui, memahami dan menghafal adat dan asal usul kelompok kekeluargaan yang diwakilinya.
- Terlibat secara langsung dalam pemilihan dan pelantikan Buapak dalam kelompok yang diwakilinya.
- Jika tiada Ibu Soko, semua peringkat pelantikan pemimpin adat di Negeri Sembilan tidak boleh dilaksanakan.



Pelantikan pemimpin secara muafakat oleh ketua yang bergelar Ibu Soko, Buapak, Lembaga dan Undang merupakan amalan demokrasi. Pengekalan pegangan Adat Perpatih dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan hingga hari ini merupakan penghargaan terhadap warisan adat ini.



Bagaimanakah prinsip demokrasi diamalkan dalam Adat Perpatih?



Imbas Kembali

Warisan Kerajaan Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan dan Perlis



Keunikan Adat dan Pemerintahan Negeri Sembilan

Keunikan Adat Perpatih

- Jurai Keturunan Sebelah Ibu
- Pelaksanaan Hukuman
- Perkahwinan
- Upacara Kedim
- Wanita Mewarisi Pusaka



Hierarki pentadbiran Adat Perpatih melalui permuafakatan lantikan daripada peringkat bawah.

Warisan kegemilangan kerajaan Alam Melayu menerusi kerajaan Kedah, Kelantan, Perlis, serta keunikan adat dan pemerintahan Negeri Sembilan kekal hingga hari ini. Kesedaran terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan warisan ini merupakan tanggungjawab kita bersama-sama. Demikianlah juga dengan keunikan warisan di Sarawak dan Sabah yang akan dibincangkan dalam bab seterusnya.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Mengapakah istiadat penganugerahan darjah kebesaran oleh Sultan atau Raja diwarisi hingga kini?
 - A. Berkongsi kesejahteraan negeri.
 - B. Mendaulatkan pemerintahan beraja.
 - C. Peruntukan dalam undang-undang negeri.
 - D. Lambang hubungan antara pemerintah dengan rakyat.
2. Apakah peranan undang-undang dalam pemerintahan sesebuah kerajaan?
 - A. Menjamin keadilan.
 - B. Menjadi lambang perpaduan.
 - C. Mengelak ancaman pihak luar.
 - D. Mengekalkan kedudukan pembesar.
3. Lengkapkan jadual di bawah dengan maklumat yang betul.

Penggunaan Gelaran Pemerintah

Kerajaan	Gelaran Pemerintah
Kedah	
Perlis	
Kelantan	
Negeri Sembilan	

4.
 - *Syair Sultan Maulana* dihasilkan pada zaman pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845) berkaitan kisah perang tentera Kedah.
 - Dipersembahkan dalam bentuk syair.


Berdasarkan maklumat karya persuratan di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) Nyatakan keistimewaan karya tersebut.
- (b) Cadangkan langkah-langkah karya ini dapat dipelihara dan dipulihara.
- (c) Hasilkan satu rangkap syair berkaitan pencapaian cemerlang sekolah anda. 🌸




Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5. Isikan tempat kosong dengan maklumat yang betul.



6.



Petunjuk

1. Anjung
2. Serambi
3. Rumah ibu
4. Rumah dapur

Berdasarkan ilustrasi seni bina rumah tradisional di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) Apakah keunikan yang terdapat pada seni bina tersebut?
 - (b) Bandingkan ruang rumah tradisional dengan rumah sekarang. 🌸
 - (c) Sekiranya anda diberi peluang membina rumah, lakarkan bentuk dan seni bina yang anda gemari. 🌸
7. (a) Jelaskan asal usul Adat Perpatih di Negeri Sembilan.
(b) Apakah keistimewaan kedudukan wanita dalam Adat Perpatih?
(c) Berikan tafsiran anda tentang perbilangan “Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah”. 🌸



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Pengetahuan tentang keunikan warisan dan adat negeri-negeri Melayu menyedarkan kita tentang kepentingan menghargai keunikan tersebut.
- Keunikan aspek warisan dan adat mendidik kita agar sentiasa mempertahankan kepelbagaian budaya bangsa negara kita.
- Kita perlu bersikap kreatif dan inovatif dalam mengekalkan warisan dan adat bagi meneruskan kegemilangan negara tercinta.

Diri dan Keluarga

Mengetahui kepentingan mempertahankan nilai-nilai murni dan warisan dalam usaha membentuk institusi keluarga yang harmoni.

Negara

Memahami warisan dan adat bangsa dapat memupuk semangat bersatu padu ke arah kewujudan sebuah tamadun bangsa yang unggul.



Perarakan bergajah pada istiadat keberangkatan balik Seri Paduka Baginda Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong Ke-14, Almarhum Tuanku Abdul Halim Mu'azzam Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah ke negeri Kedah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang menggambarkan warisan kegemilangan dan keunikan kerajaan Alam Melayu.

(Sumber: Koleksi Jabatan Warisan Negara, 2016)

BAB 10

SARAWAK DAN SABAH



Sinopsis

Sarawak dan Sabah merupakan sebahagian daripada Alam Melayu. Masyarakat Sarawak dan Sabah telah mempunyai sistem pentadbiran dan pemerintahan mereka sendiri. Mereka telah menyesuaikan kehidupan harian dengan bentuk muka bumi, khususnya sungai. Hal ini telah mewujudkan keunikan kepada warisan budaya masyarakatnya yang berlainan dari satu tempat ke satu tempat mengikut kaum masing-masing.




Apakah yang akan anda pelajari?

1. Menjelaskan sejarah Sarawak dan Sabah sebagai sebahagian daripada kerajaan Alam Melayu.
2. Menerangkan pemerintahan tempatan di Sarawak dan Sabah.
3. Menghuraikan kegiatan masyarakat Sarawak dan Sabah.
4. Menghuraikan keunikan yang terdapat di Sarawak dan Sabah.



Apakah elemen kewarganegaraan dan nilai sivik yang anda dapati?

1. Merumuskan kepentingan memanfaatkan alam sekitar secara bijaksana.
2. Menghuraikan kepentingan permuafakatan dalam kalangan masyarakat.
3. Menerangkan kepentingan sikap bijaksana untuk meneruskan kelangsungan hidup.
4. Menilai kepentingan semangat kekitaan dalam sebuah negara.



Peta asal Sarawak dan Sabah.

(Sumber: Adaptasi daripada *Maps of Malaya and Borneo, The Collections of H.R.H. Sultan Sharafuddin Idris Shah and Dato' Richard Curtis*, Kuala Lumpur: Didier Millet, 2006, hlm. 180)



Kemahiran Pemikiran Sejarah yang anda dapati:

1. Memahami kronologi pembentukan pemerintahan tempatan di Sarawak dan Sabah.
2. Meneroka bukti petempatan awal dan keistimewaan corak budaya dan kehidupan masyarakat di Sarawak dan Sabah.
3. Membuat interpretasi keunikan yang terdapat di Sarawak dan Sabah.
4. Membuat imaginasi kehidupan penduduk di Sarawak dan Sabah.
5. Membuat rasionalisasi bentuk pemerintahan tempatan di Sarawak dan Sabah.

10.1 Sarawak dan Sabah dalam Alam Melayu

Pengenalan

Sarawak dan Sabah merupakan antara kawasan yang terletak di Alam Melayu. Kedudukan kedua-dua kawasan ini di barat daya hingga utara pulau Borneo telah mendedahkannya dengan perkembangan yang berlaku di Alam Melayu terutama dalam aspek perdagangan dan keagamaan. Di kedua-dua kawasan ini juga muncul beberapa pelabuhan seiring dengan kemunculan kerajaan masyhur, seperti Funan, Champa, Srivijaya, Angkor, Majapahit, Kedah Tua dan Gangga Nagara. Kepesatan kerajaan yang masyhur ini telah mendorong kemajuan kegiatan perdagangan di Sarawak dan Sabah.

Hubungan Sarawak dan Sabah dalam Alam Melayu

Sejak sebelum Masihi, penduduk di Sarawak dan Sabah telah mempunyai hubungan dengan Alam Melayu dan dunia luar seperti kemunculan pusat pembuatan tembikar di Bukit Tengkorak, Semporna, Sabah. Penduduk di Bukit Tengkorak ini telah menjalankan kegiatan perdagangan dengan kawasan di luar Sabah. Pada abad ketiga pula, muncul Chu-Po, iaitu pelabuhan di utara Sabah. Pelabuhan ini menjadi tempat mengeksport besi ke Funan dan Champa.

Pada abad ketujuh, Santubong muncul sebagai pusat perdagangan utama di Sarawak. Terdapat penemuan barangan tembikar zaman Dinasti T'ang dan Sung di Santubong. Pelabuhan ini membekalkan kapur barus, kayu laka, lilin, lebah madu dan kulit penyu. Pada abad ke-13, muncul industri peleburan bijih besi di Santubong. Selain Santubong, beberapa lagi pusat perdagangan muncul di Sarawak seperti Gedong, Bukit Sandong dan Kalka. Pusat perdagangan ini menjalankan kegiatan perdagangan dengan kerajaan Siam, Vietnam dan China.

Kemajuan pesat perdagangan di Sarawak dan Sabah pada ketika itu menjadi tarikan kepada kerajaan Alam Melayu untuk meluaskan pengaruhnya. Hal ini menyebabkan beberapa kawasan di pesisir pantai barat laut Borneo menjadi kawasan pengaruh kerajaan Alam Melayu ini. Kerajaan Srivijaya pernah meluaskan pengaruhnya di selatan Sarawak bagi mengawal perdagangan di Laut China Selatan. Kerajaan Majapahit turut mempunyai pengaruh di Sarawak dan di utara Sabah. Jumpaan gendang gangsa jenis Moko di Pulau Banggi, Sabah membuktikan terdapat hubungan perdagangan antara kerajaan Majapahit dengan penduduk di utara Sabah.

Kemerosotan Majapahit telah membawa kepada perkembangan pengaruh kerajaan Sambas, Brunei dan Sulu di kawasan barat dan utara pantai Pulau Borneo. Di Sarawak, berlaku penyebaran kuasa oleh kerajaan Sambas dan Kesultanan Melayu Brunei. Kerajaan Sambas mengambil peluang daripada kemerosotan Majapahit dengan meluaskan pengaruhnya ke Samarahan, Sadong, Sarawak (Sungai Sarawak), Saribas dan Kalka. Pada abad ke-14, Kesultanan Melayu Brunei telah muncul dan menjalin persahabatan dengan kerajaan Sambas. Persahabatan ini membolehkan kerajaan Sambas menyerahkan wilayahnya di Sarawak kepada Kesultanan Melayu Brunei. Kesultanan Melayu Brunei juga meluaskan pengaruhnya ke utara Borneo. Kemunculan Kesultanan Sulu di utara Borneo pula telah membawa kepada tersebarnya pengaruh mereka di pantai timur laut Borneo.

Gendang Gangsa di Pulau Banggi, Sabah



Gendang gangsa ini dikenali sebagai gendang gangsa Timbang Dayang yang dibuat di Pulau Jawa.

(Sumber: Adnan Jusoh, "Gendang Gangsa di Borneo: Satu Tinjauan Semula Terhadap Penemuan Gendang Gangsa di Sabah dan Kalimantan", *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*, Bil. 36, 2017, hlm. 4, 14 dan 17)



Cerna Minda

Nyatakan kepentingan hubungan Sarawak dan Sabah dengan kerajaan Alam Melayu.

Kebangkitan Kesultanan Melayu Brunei telah melemahkan pusat perdagangan di Sarawak kerana tumpuan perdagangan dialihkan ke Brunei. Manakala Kesultanan Sulu yang muncul pada abad ke-15 telah meningkatkan kegiatan perdagangan di utara Sabah. Kawasan ini kaya dengan hasil laut dan hutan terutama sarang burung yang menjadi tarikan pedagang China. Kedua-dua kesultanan ini kemudian mengalami kemerosotan menjelang abad ke-19 apabila bersaing dengan kuasa Barat.

Sarawak dan Sabah juga dipengaruhi oleh kedatangan agama Hindu, Buddha dan Islam. Pengaruh agama ini dibawa secara tidak langsung oleh kerajaan Alam Melayu di kedua-dua kawasan ini. Pada zaman kegemilangan kerajaan Srivijaya terdapat tinggalan objek-objek agama Buddha di Santubong. Selain itu, terdapat penemuan patung Ganesha di Limbang.

Pengaruh Kesultanan Melayu Brunei di Sarawak dan Sabah telah membawa penyebaran agama Islam di pesisir pantai Sarawak dan Sabah. Kesan ketara penyebaran Islam ini ialah penerimaan agama Islam oleh kebanyakan penduduk pesisir pantai Sarawak dan Sabah. Kesultanan Sulu pula memainkan peranan penting dalam penyebaran agama Islam di pantai timur Sabah.



Objek-objek emas berkaitan dengan agama Buddha dijumpai di Santubong.

(Sumber: Heidi Munan, *Sarawak Historical Landmarks*, Kuching: Mucof Books Company, 2015, hlm. 62)

Hubungan antara Sarawak dan Sabah dengan kerajaan Alam Melayu dan pedagang luar menunjukkan sikap keterbukaan masyarakat di kedua-dua kawasan ini menerima pengaruh dari luar. Sikap keterbukaan penduduk di kedua-dua kawasan ini juga membantu kemajuan perdagangan dan menunjukkan sikap toleransi dalam menerima pengaruh agama dari luar.



Tahukah Anda?

Bukti penemuan pelabuhan di Sarawak ialah berdasarkan sumber arkeologi dan sumber luar. Para pengkaji seperti Tom Harrison, F. E. Treloar, Stanley J. Corner, W. G. Solheim II, Jan Wisseman Christie, C. Doherty, R. Buckley, A. Gnanaratnam, P. Beavit dan W. Beavitt telah melakukan cari gali dan penyelidikan di Santubong. Mereka telah menemukan pelbagai objek barang dagangan, kawasan peleburan bijih besi dan keagamaan di Santubong. Jan Wisseman Christie pula menyatakan bahawa Santubong ialah Po-ni seperti yang dinyatakan oleh sumber China. Manakala Lucas Chin bersama-sama pasukannya pula menjalankan usaha cari gali di Gedong, Bukit Sandong dan Kalka. Mereka telah menemukan pelbagai barang dagangan dari luar Sarawak. Manakala tapak Chu-Po pula dibuktikan melalui sumber China yang menyebut tentang adanya sebuah kawasan pelabuhan di utara Borneo.

10.2 Kemunculan Pemerintahan Tempatan

Pengenalan

Di Sarawak dan Sabah telah wujud beberapa bentuk pemerintahan tempatan yang tersusun dan tersendiri. Bentuk pemerintahan ini wujud berdasarkan kawasan geografi, iaitu pedalaman dan lembah sungai.

Sarawak

Pemerintahan tempatan di Sarawak dibentuk di pedalaman dan lembah sungai. Di pedalaman, penduduknya membentuk sistem kepimpinan kesukuan mengikut kaum masing-masing. Di lembah sungai pula, terdapat pemerintahan tempatan yang kemudiannya berubah kepada pemerintahan wilayah kuasa besar Alam Melayu seperti kerajaan Sambas dan Kesultanan Melayu Brunei.

1. Kepimpinan Kesukuan

Di kawasan pedalaman Sarawak, terdapat kepimpinan kesukuan yang berbeza daripada kawasan muara sungai. Setiap kaum mempunyai ketuanya yang bebas daripada kawalan mana-mana kuasa dari luar. Masyarakat Iban mempunyai ketua mereka sendiri yang dikenali sebagai Tuai Rumah. Bagi kaum Kayan, pemimpin mereka dikenali sebagai Kelunan Maren atau Hipun Uma. Pemimpin kaum Kenyah pula digelar Peran Lepo, manakala pemimpin kaum Kelabit dikenali sebagai Laih Rayeh.

2. Kepimpinan Lembah Sungai


Hubungan dengan kerajaan Alam Melayu membentuk pemerintahan kerajaan dan wakil raja di Sarawak.

(a) Kerajaan

Di Sarawak, terdapat kerajaan di kawasan lembah sungai, iaitu Sawaku, Samadong, Kalka, Saribas dan Melano. Wujud interaksi antara kerajaan ini dengan kerajaan luar. Kerajaan ini telah muncul sejak abad ketujuh dan berakhir pada sekitar abad ke-14.



Batu Berhala ini dijumpai di Samarahan yang dikaitkan dengan kerajaan Samadong.



Samadong
Lokasi: Samarahan dan Sadong.
Masa: Abad ketujuh.

Peta kedudukan pemerintahan tempatan awal di Sarawak.

(Sumber: Sanib Said, "Sejarah Awal Kepulauan Melayu: Lima Buah Negeri Warisan Sarawak yang Hilang", *Current Research in Malaysia*, Vol.1, No.1, Oktober 2012, hlm. 22-49)

Sawaku

Lokasi: Santubong dan sekitar Sungai Sarawak.
Pengasas: Datu Merpati
Masa: Abad ketujuh.


Batu Gambar di Santubong membuktikan kewujudan kerajaan Sawaku.

(Sumber: Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), *Early History*, Singapura: Editions Didier Millet, 1998, hlm. 199)



(b) Wakil Raja

Pengaruh kerajaan di Alam Melayu ke atas Sarawak membawa kepada terbentuknya sistem wakil raja di Sarawak. Hal ini berlaku bermula dengan pengaruh kerajaan Majapahit. Kerajaan Sambas menyambung sistem ini dengan melantik pemimpin tempatan sebagai wakil mereka. Manakala Kesultanan Melayu Brunei pula, melantik dua wakilnya sama ada wakil terus dari Brunei atau pemimpin tempatan. Kawasan kekuasaan mereka adalah di sekitar dan sepanjang sungai yang mereka wakili. Wakil-wakil raja ini menjalankan pemerintahan dalam aspek kehakiman, kebajikan dan menjaga keamanan kawasan yang mereka wakili. Mereka juga mengutip cukai daripada penduduk dan aktiviti perdagangan. Semasa pentadbiran Kesultanan Melayu Brunei, usaha telah dibuat untuk menguatkan hubungan mereka dengan kaum-kaum di pedalaman. Suku kaum di pedalaman ini diiktiraf oleh Kesultanan Melayu Brunei dan diberi gelaran Orang Kaya.



Lokasi memainkan peranan dalam pembentukan pemerintahan tempatan di Sarawak. Penduduk di lembah sungai ditadbir menerusi kerajaan dan wakil raja. Penduduk di kawasan pedalaman pula membentuk pentadbiran berdasarkan suku kaum dan puak tertentu. Kedua-dua bentuk kepimpinan ini menjelaskan bahawa penduduk Sarawak telah mempunyai pentadbiran yang tersusun dan teratur.



Tahukah Anda?

Bukti tentang lima kerajaan di Sarawak ini ialah berdasarkan manuskrip luar dan tempatan. Sumber kerajaan Majapahit, iaitu *Negarakertagama* yang ditulis sekitar abad ke-14 menyatakan terdapat empat kerajaan di Sarawak, iaitu Sawaku, Kalka, Samadong dan Melano. Berdasarkan *Silsilah Raja-raja Brunei* dan *Syair Awang Semaun* pula telah wujud lima kerajaan di Sarawak, iaitu Kalka, Serawak (Sawaku), Saribas, Samarahan (Samadong) dan Mukah (Melano). Selain itu, beberapa manuskrip tempatan membuktikan kewujudan kerajaan-kerajaan ini seperti dalam *Hikayat Datu Merpati Jepang* yang menyatakan terdapat kerajaan di Santubong dan *Syair Tarsilah Cetera Dato' Gudam dan Temenggong Abdul Qadir Negeri Saribas* yang mengaitkan kewujudan kerajaan Saribas dan Kalka.



Cerna Minda

Nyatakan dua bentuk pemerintahan di Sarawak?

Sabah

Masyarakat di Sabah mempunyai sistem pemerintahan tempatan berdasarkan lokasi tertentu. Masyarakat di kawasan pedalaman Sabah membentuk kepimpinan kesukuan yang hampir sama antara satu kaum dengan kaum yang lain. Di kawasan lembah sungai, pentadbiran kerajaan diketuai oleh wakil raja dan ketua bebas.

1. Kepimpinan Kesukuan

Masyarakat pedalaman di Sabah telah mempunyai kepimpinan kesukuan yang tersusun dan bebas daripada kawalan kuasa-kuasa luar. Hal ini boleh dilihat dalam kepimpinan kesukuan kaum Kadazandusun, Murut dan Orang Sungai.

Kaum Kadazandusun, Murut dan Orang Sungai mempunyai bentuk kepimpinan yang sama. Kedua-dua kaum mempunyai seorang ketua yang dikenali sebagai Orang Tua. Bobohizan/Bobolian bagi kaum Kadazandusun dan Babalian bagi kaum Murut pula akan mengurus soal adat dan pantang larang.

Kewujudan petempatan di pedalaman Sabah telah membentuk kepimpinan kesukuan yang berdasarkan kaum-kaum tertentu. Keterbukaan kawasan lembah sungai pula membawa kepada kemunculan tiga corak kepimpinan yang berbeza mengikut pengaruh Kesultanan Melayu Brunei, Kesultanan Sulu dan ketua bebas.



Ketua Kaum Murut.

(Sumber: Owen Rutter, *The Pagans of North Borneo*, Singapura: Oxford University Press, 1985, hlm. 40)



Cerna Minda

Apakah peranan Bobohizan/Bobolian?

2. Kepimpinan Lembah Sungai


Kawasan lembah sungai di Sabah terdedah kepada pengaruh Kesultanan Melayu menerusi wakil Brunei, wakil Sulu dan ketua bebas.

(a) Wakil Raja

Pengaruh dari Brunei dan Sulu di Sabah adalah menerusi wakil-wakil raja. Kuasa pemerintah wakil raja ini adalah dalam aspek kehakiman, menjaga keamanan dan kebajikan penduduk. Mereka juga akan mengutip cukai daripada penduduk dan aktiviti perdagangan.

(b) Ketua Bebas

Kepimpinan ini diketuai oleh seorang ketua bebas. Mereka ini mentadbir wilayah di muara sungai. Ketua-ketua bebas di Sabah terdiri daripada Syarif Osman yang menguasai kawasan Marudu dan Datu Kurunding yang menguasai kawasan Tungku. Ketua Bebas ini menegakkan kekuasaan dan menjalankan undang-undang sendiri. Mereka ini biasanya mempunyai pertalian dengan keluarga diraja sama ada dari Brunei, Sulu atau keturunan Arab Sharif. Penduduk di bawah pemerintahan mereka terdiri daripada pengikut mereka.



Peta kedudukan pemerintahan tempatan di Sabah.

Penduduk Sarawak dan Sabah sudah mempunyai pemerintahan tempatan yang muncul di lembah sungai dan pedalaman. Hal ini menunjukkan bahawa penduduk di kedua-dua kawasan ini mempunyai kesedaran dalam aspek kepimpinan dan bertanggungjawab menjaga hal ehwal kawasan serta kaumnya.



Aktiviti

"Fikir-Pasangan-Kongsi" (Think-Pair-Share)

1. Secara individu, kumpulkan maklumat berkaitan suku kaum dan bentuk pentadbiran di Sarawak dan Sabah.
2. Bincangkan hasil dapatan dengan rakan sekelas.
3. Kongsikan hasil perbincangan di dalam kelas.

10.3 Kegiatan Ekonomi Masyarakat Sarawak dan Sabah

Pengenalan


Kedudukan dan tempat tinggal masyarakat di Sarawak dan Sabah mempengaruhi kegiatan harian mereka. Bentuk muka bumi di Sarawak dan Sabah ini boleh dibahagikan kepada tiga kawasan, iaitu pedalaman, muara sungai atau lembah sungai dan pesisir pantai.

Sarawak

Sejarah kegiatan ekonomi masyarakat di Sarawak berkembang di kawasan pedalaman, lembah sungai dan pesisir pantai.

Jadual: Kegiatan Ekonomi Masyarakat Sarawak Berdasarkan Lokasi.

Lokasi	Kegiatan	Kaum
Pedalaman	<ul style="list-style-type: none"> • Mengutip hasil hutan. • Memburu haiwan liar. • Menanam padi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kenyah • Iban • Penan • Kayan • Kelabit • Punan
Lembah Sungai	<ul style="list-style-type: none"> • Menanam padi. • Menanam buah-buahan dan sayur-sayuran. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melayu • Iban • Bisaya • Melanau • Bidayuh
Pesisir Pantai	<ul style="list-style-type: none"> • Perdagangan • Menangkap ikan. • Membuat perahu. • Perusahaan sagu. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melayu • Kedayan • Melanau



Menuai padi oleh penduduk pedalaman.



Kawasan petempatan dan kegiatan ekonomi masyarakat Sarawak.

Pembuatan sagu oleh kaum Melanau.



Penebangan Pokok Sagu

Sabah


Sejarah kegiatan ekonomi masyarakat di Sabah berkembang di kawasan pedalaman, lembah sungai dan pesisir pantai.

Jadual: Kegiatan Ekonomi Masyarakat Sabah Berdasarkan Lokasi.

Lokasi	Kegiatan	Kaum
Pedalaman	<ul style="list-style-type: none"> • Mengutip hasil hutan. • Menanam padi. • Mengutip sarang burung. 	<ul style="list-style-type: none"> • Murut
Lembah Sungai	<ul style="list-style-type: none"> • Menanam padi. • Menanam buah-buahan dan sayur-sayuran. 	<ul style="list-style-type: none"> • Kadazandusun • Rungus • Orang Sungai
Pesisir Pantai	<ul style="list-style-type: none"> • Menangkap ikan. • Membuat perahu. • Mengutip hasil laut. • Perdagangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Melayu Brunei • Bajau • Iranun • Suluk



Mengutip sarang burung layang-layang.



Kawasan petempatan dan kegiatan ekonomi masyarakat Sabah.



Orang Bajau terlibat dalam aktiviti mencari hasil laut.

Masyarakat Sarawak dan Sabah bijak memanfaatkan alam sekitar dalam mengembangkan kegiatan ekonomi mereka. Kebijakan ini telah mendorong mereka mempelbagaikan sumber keluaran harian dan sumber ekonomi demi kelangsungan kehidupan.



Sungai menjadi nadi kehidupan utama di Sarawak dan Sabah. Bincangkan.

10.4 Keunikan Masyarakat Bumiputera Sarawak dan Sabah

Pengenalan

Penduduk Sarawak dan Sabah yang berbilang kaum dan budaya menyebabkan kawasan ini memiliki keunikan tradisi dan warisan yang tersendiri.

Masyarakat Bumiputera Sarawak

Keunikan masyarakat bumiputera di Sarawak boleh dilihat dari segi kepelbagaian kaumnya seperti Iban, Melayu, Orang Ulu, Bidayuh dan Melanau. Terdapat beberapa lagi kaum bumiputera yang lain seperti Bisayah, Bukitan, Dusun, Kedayan, Kajang, Kejaman, Lahanan, Lisum, Lugat, Sebop, Sekapan, Sipeng, Tagal, Tanjong dan Ukit. Kepelbagaian ini disebabkan oleh sejarah budaya setiap kaum yang berbeza-beza. Kepelbagaian kaum ini juga merupakan keunikan masyarakat Sarawak yang berlainan latar belakang.

Iban

Kaum Iban yang berasal dari Sungai Kapuas mula berhijrah dan menetap di kawasan hulu Sungai Batang Lupar dan Sungai Rajang hingga Sungai Baram.



(Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak)

Melayu

Kehadiran kaum Melayu bermula dengan kemunculan kerajaan-kerajaan awal di Sarawak. Kebanyakan kaum Melayu menetap di kawasan pesisir pantai Sarawak.



(Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak)



Cerna Minda

Namakan suku-suku kaum yang terdapat di Sarawak.

Bidayuh

Kaum Bidayuh berasal dari Sungkung, Kalimantan dan kemudian berhijrah ke selatan Sarawak.



(Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak)

Melanau

Sejak dari dahulu kaum Melanau mendiami kawasan tengah Sarawak.




(Sumber: Koleksi Suffian Mansor, 2016)

Orang Ulu

Orang Ulu terdiri daripada pelbagai kaum yang mendiami kawasan pedalaman Sarawak. Mereka terdiri daripada kaum Kayan, Kenyah, Kelabit, Penan dan Punan. Kaum Kayan dan Kenyah berasal dari Sungai Kayan dan berhijrah ke kawasan hulu Sungai Rajang, Balui, Baram dan Hulu Kemena.



(Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak)



Peta menunjukkan taburan masyarakat di Sarawak.

(Sumber: Adaptasi daripada Hood Salleh, *Peoples and Traditions*, Singapura: Editions Didier Millet, 2006, hlm. 78-79)

Masyarakat Bumiputera Sabah

Masyarakat bumiputera Sabah juga unik dari segi kepelbagaian kaumnya. Kepelbagaian sejarah budaya setiap kaum menyebabkan masyarakat di Sabah mempunyai keunikan tradisi yang tersendiri. Keunikan kaum ini boleh dilihat mengikut kaum-kaum seperti Kadazandusun, Murut, Bajau, Suluk dan Orang Sungai. Terdapat beberapa kaum lain di Sabah seperti Balabak atau Molbog, Binadan, Bisaya, Bulungan, Idahan, Kadayan, Berunai, Iranun, Cocos, Lundayeh, Rungus, Tagaas dan Tatana.

Kadazandusun

Kebanyakan kaum Kadazandusun mendiami kawasan Penampang, Papar, Tuaran, Tambunan dan Ranau. Menurut catatan sejarah, nama Dusun diberi oleh orang Brunei yang bermaksud petani pedalaman.




(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)

Bajau/Sama

Terdapat dua pendapat tentang asal usul kaum Bajau/Sama, iaitu dari Sambaungan (Zamboanga) dan Johor. Kebanyakan kaum Bajau/Sama menetap di kawasan pantai timur dan pantai barat Sabah. Keunikan kaum Bajau/Sama yang tinggal di kawasan pantai barat Sabah ialah budaya menunggang kuda.



Kaum Bajau/Sama di pantai barat Sabah terkenal dengan budaya menunggang kuda.
(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)



Peta taburan masyarakat di Sabah pada tahun 1870-an.

(Sumber: Adaptasi daripada D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2000, hlm. 29)

Peraturan dan Adat Resam Masyarakat Sabah




Murut

Kebanyakan kaum Murut tinggal di kawasan Tenom hingga Kalabakan. Menurut catatan sejarah, nama Murut diberikan oleh orang Brunei yang bermaksud orang bukit atau orang dari pedalaman pergunungan yang terpencil.



(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)



Suluk

Kaum Suluk berasal dari Kepulauan Sulu dan ramai yang menetap di kawasan pantai timur Sabah.

Orang Sungai

Orang Sungai kebanyakannya tinggal di Sungai Kinabatangan, Sungai Sugut, Sungai Paitan dan Sungai Labuk. Mereka dikenali dengan pelbagai nama mengikut tempat tinggal seperti Dumpas dan Buludupi.



Tahukah Anda?

Tamu merupakan pasar terbuka yang sudah menjadi warisan sejak dahulu lagi. Di pasar tamu, terdapat jualan pelbagai barangan seperti barang basah, buah-buahan, kraf tangan dan pakaian. Tamu menjadi tempat pertemuan kaum-kaum di Sabah.



Aktiviti

"Pembentangan Hasil Kendiri" (Self Access Learning)

1. Buat kajian tentang cara hidup salah satu kaum di Sarawak atau Sabah.
2. Bentangkan hasil dapatan anda.

Kepentingan Sungai

Sungai telah memainkan peranan penting kepada masyarakat di Sarawak dan Sabah sejak turun-temurun. Kepentingannya boleh dilihat hingga hari ini. Sungai digunakan dalam kegiatan harian penduduk seperti alat perhubungan, kawasan petempatan, sumber rezeki, kegiatan perdagangan dan aktiviti rekreasi.



Kegunaan harian

- Sungai menjadi sumber bekalan air untuk minum, mandi dan membasuh pakaian serta pinggan mangkuk.



Pengangkutan

- Sampan dan bot menjadi pengangkutan utama untuk membawa penumpang dan barang melalui sungai.



Petempatan

- Sungai menjadi kawasan petempatan yang dikenali sebagai kampung air.



Sumber Rezeki

- Sungai merupakan sumber rezeki kepada penduduk di kawasan sekitar sungai.



Perdagangan

- Masyarakat menjalankan kegiatan perdagangan dan jual beli di sungai sejak zaman-berzaman.

Kegiatan Rekreasi

- Sungai menjadi tempat kegiatan rekreasi seperti pesta regata dan acara perahu berhias.



Sungai amat mempengaruhi kehidupan masyarakat di Sarawak dan Sabah. Fungsi sungai masih kekal hingga hari ini. Kepentingan sungai ini juga menunjukkan terdapat persamaan dengan petempatan awal dan pengasasan kerajaan Alam Melayu.

Kesenian

Penghasilan barang kesenian merupakan salah satu keunikan masyarakat di Sarawak dan Sabah. Barangan yang dihasilkan mempunyai pelbagai kegunaan dan dihiasi dengan pelbagai motif yang menarik. Pada peringkat awal, barangan kesenian yang dihasilkan adalah untuk kegunaan sendiri dan dijual secara kecil-kecilan untuk sara diri. Apabila terdapat lebih dan permintaan, barangan kesenian ini dikomersialkan dan didagangkan. Secara tidak langsung, kegiatan ini menambahkan pendapatan masyarakat.

Sarawak

Pua kumbu merupakan hasil kerja tangan kaum Iban yang dibuat daripada kain kapas. Pua kumbu digunakan dalam pelbagai majlis seperti kelahiran, perkahwinan dan kematian.



Menenun kain pua kumbu.



Pua kumbu.

Keringkam merupakan kerja tangan kaum Melayu yang dibuat daripada pelbagai jenis kain seperti kain kapas dan kain sutera. Kain tersebut disulam dengan benang emas, perak dan tembaga.



Wanita Melayu memakai keringkam.

Tenunan Kain

Kraf Tangan

Pertukangan

Sintung Duduk dihasilkan oleh kaum Iban untuk membawa benih padi, lanji untuk membawa hasil padi dan basong untuk memburu.



Sintung Duduk



Lanji



Basong

Orang Ulu pula menghiasi bakul mereka dengan manik. Simbol-simbol naga, manusia, burung kenyalang dan harimau yang dihiasi pada bakulnya digunakan oleh golongan atasan.



Bakul pembawa bayi.



Terendak

Kaum Melanau menghasilkan penutup kepala, iaitu terendak. Terendak digunakan semasa kerja-kerja harian dan adat tertentu, termasuk Pesta Kaul.

Tiang Totem dihasilkan oleh Orang Ulu yang melambangkan status masyarakat. Hanya mayat golongan atasan boleh diletak tinggi di atas tiang ini.



Tiang Totem.



Patung Burung Kenyalang.

Patung Burung Kenyalang merupakan lambang kepahlawanan kaum Iban. Ukiran patung ini digunakan sebagai pemberi semangat kepada pahlawan Iban. Patung ini juga menjadi penjaga rumah panjang daripada semangat jahat dan penyakit.



Bagaimanakah kita dapat melestarikan alam sekitar bagi menghasilkan barangan kraf tangan?

Sabah

Kaum Rungus menggubah Inavol dan menghasilkan selendang yang berwarna-warni.



Menggubah Inavol.



Inavol

Kaum Iranun menghasilkan kain dasar yang biasa digunakan sebagai tanjak.



Menenun Dasar



Dastar

Kaum Bajau/Sama masih mewarisi cara pembuatan barangan besi seperti Guuk, Badi' untuk memotong rumput dan Pida' untuk upacara perkahwinan.



Guuk



Badi'



Pida'

Masyarakat di kawasan pedalaman menghasilkan bakul yang mempunyai pelbagai kegunaan seperti wakid untuk membawa barang yang besar, tayen untuk membawa hasil dari kebun dan barang hantaran perkahwinan, dan buan sebagai tempat menyimpan barang.



Tayen



Buan



Wakid

Tenunan Kain

Kraf Tangan

Pertukangan

Kaum Bajau/Sama menghasilkan pelbagai barangan yang berwarna-warni daripada daun serdang seperti tikar pandan dan duang (tudung saji).



Daun serdang yang dikeringkan.



Duang



Tahukah Anda?

Jaket kulit kayu merupakan hasil kesenian yang dihasilkan oleh penduduk di pedalaman Sabah seperti kaum Murut.



Hasil kesenian masyarakat Sarawak dan Sabah mempunyai keunikan yang tersendiri. Hasil-hasil seni ini digunakan untuk kegunaan harian dan dalam upacara adat tertentu. Kita perlulah menghargai warisan kesenian yang unik dan unggul ini.



Kegiatan
Sosiobudaya
Masyarakat
Sabah

Perayaan

Perayaan merupakan warisan masyarakat Sarawak dan Sabah yang unik. Sambutan perayaannya penuh dengan adat yang diamalkan sejak zaman-berzaman dan kekal hingga hari ini. Setiap perayaan mempunyai sejarah tradisinya yang tersendiri dan unik.

Sarawak

Masyarakat di Sarawak mempunyai pelbagai perayaan yang berdasarkan kaum. Kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu merayakan Pesta Menuai atau Gawai Dayak. Bagi masyarakat Iban pula upacara *Miring* diadakan semasa Gawai Dayak. Upacara ini dilakukan untuk menyatakan rasa terima kasih kepada *petara* atau tuhan. Salah satu keunikan Gawai Dayak ialah acara Kumang dan Keling Gawai, iaitu pemilihan ratu cantik dan jejaka tampan.



Peserta dalam Kumang Gawai.

(Sumber: Koleksi Lembaga Pelancongan Sarawak, 2016)

Kaum Bisaya dan Kadayan pula masing-masing mengadakan Pesta Babulang dan Makan Tahun. Pesta Babulang merupakan pesta menuai. Manakala Makan Tahun diadakan sebagai tanda kesyukuran atas hasil yang diperoleh oleh petani. Kaum Melanau pula mengadakan Pesta Kaul yang bertujuan untuk mengelak malapetaka buruk oleh roh jahat yang dipanggil sebagai Ipok.



Lumba kerbau merupakan salah satu acara dalam Pesta Babulang.

(Sumber: Koleksi Lembaga Pelancongan Sarawak, 2016)



Acara Tibau diadakan sempena Pesta Kaul, iaitu permainan berayun oleh golongan lelaki.

(Sumber: Koleksi Lembaga Pelancongan Sarawak, 2016)

Sabah

Salah satu perayaan yang unik dalam masyarakat Sabah ialah Pesta Kaamatan. Dari segi sejarah dan budaya, perayaan ini diraikan oleh penduduk Kadazandusun dan Murut. Perayaan ini merupakan simbol kesyukuran untuk meraikan semangat padi atau Bambaazon atau Bambarayon. Upacara kesyukuran kepada semangat padi ini dijalankan oleh Bobohizan/Bobolian. Dengan melakukan upacara kesyukuran ini, penduduk berharap agar tahun hadapan mereka akan mendapat lebih banyak hasil tuaian padi. Antara acara yang diadakan dalam pesta ini termasuklah pertandingan ratu cantik atau Unduk Ngadau. Acara ini berkaitan dengan asal usul pengorbanan Huminodun.



Peserta dalam Unduk Ngadau.
(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)



Tahukah Anda?

Menurut kepercayaan kaum Kadazandusun, Huminodun merupakan seorang puteri, iaitu anak Kinoingan atau Minamangun (pencipta) yang mengorbankan dirinya untuk membantu manusia dalam kesusahan semasa musim kemarau.

Pesta Regata Lepa merupakan perayaan memperingati peranan lepa dalam kehidupan kaum Bajau/Sama di pantai timur Sabah. Dalam perayaan ini, kaum Bajau/Sama menghiasi lepa. Selain itu, pelbagai acara lain diadakan seperti perlumbaan perahu.



Lepa akan dihiasi semasa Pesta Regata Lepa.
(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)



Keunikan Bobohizan/Bobolian ialah beliau merupakan wanita.
(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)

Sambutan perayaan masyarakat Sarawak dan Sabah penuh dengan tradisi yang mengimbuai sejarah dan budaya nenek moyang mereka. Perayaan tersebut juga merupakan unsur keserumpunan Alam Melayu yang sentiasa menghargai alam semula jadi yang membantu kehidupan mereka seharian.



Glosari

Regata: perlumbaan perahu.



Majlis Rumah
Terbuka Pesta
Kaamatan.

Tarian

Ngajat



(Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak)

Tarian Ngajat ditarikan oleh kaum Iban dan Orang Ulu. Terdapat beberapa jenis tarian Ngajat Iban seperti Ngajat Indu dan Ngajat Lesung. Tarian Ngajat ditarikan sebagai pemberi semangat kepada para pejuang yang hendak pergi berperang.

Bermukun



(Sumber: Hedda Morrison, *Sarawak*, Singapura: Times Book International, 1982)

Bermukun merupakan acara bergendang. Keunikan bermukun ini ialah gendangnya yang dipalu oleh wanita dan penarinya hanya lelaki. Tarian ini biasa ditarikan semasa majlis perkahwinan. Semasa bermukun, para pemukul gendang akan berbalas pantun.

Tarian Datun Julud

Tarian ini berasal daripada kaum Orang Ulu. Tarian ini sebagai lambang kegembiraan dan terima kasih. Penarinya ialah wanita yang memakai pakaian berwarna-warni dengan perhiasan kepala. Bulu burung kenyalang digunakan semasa menari. Tarian ini diiringi oleh alat muzik tradisional, iaitu sape.



(Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak)

Sarawak

Kepelbagaian kaum di Sarawak membawa kepada kelahiran pelbagai persembahan tarian yang unik dan menarik. Hal ini dapat dilihat dengan kepelbagaian pakaian, alatan tarian dan rentak tariannya yang berbeza-beza antara satu kaum dengan kaum yang lain.

Alat muzik tradisional sape mengiringi persembahan tarian Datun Julud.

(Sumber: Lembaga Pelancongan Sarawak)



Sumazau

Sumazau ialah tarian kaum Kadazandusun. Terdapat variasi tarian ini mengikut kawasan seperti di Penampang dan Papar. Tarian ini ditarikan semasa Pesta Kaamatan dan majlis keramaian. Perkataan Sumazau diambil daripada perkataan “sazau” yang merujuk pergerakan tangan penari seperti seekor burung helang.



(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)

Magunatip



(Sumber: Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah)

Tarian ini ditarikan oleh kaum Murut di kawasan pedalaman. Tarian yang menggunakan dua batang buluh ini ditarikan semasa majlis keramaian.

Sabah

Masyarakat Sabah memiliki pelbagai jenis tarian yang diwarisi sejak zaman-berzaman. Setiap kaum memiliki tarian yang unik dan berbeza daripada satu kaum dengan kaum yang lain. Begitu juga halnya dengan hiasan baju penari, peralatan yang digunakan dan gerak tarinya.

Limbai



(Sumber: Irene Benggon Charuruks dan Janette Padasian (eds.), *Cultures, Customs and Traditions of Sabah, Malaysia: An Introduction*, Kota Kinabalu: Sabah Tourism Promotion Corporation, 1992)

Tarian kaum Bajau/Sama dari pantai barat Sabah ini ditarikan secara berpasangan. Pasangan wanita akan memakai sarimpak (hiasan kepala). Tarian ini ditarikan semasa majlis perkahwinan dan majlis keramaian.



Seni Muzik
Masyarakat
Sarawak dan
Sabah

Keunikan tarian penduduk Sarawak dan Sabah ini muncul kerana kepelbagaian penduduknya yang kreatif dalam mengatur gerak tari yang tersendiri dan mempunyai tujuan tertentu. Keunikan tarian ini terus diwarisi hingga hari ini.

Seni Bina

Dalam aspek seni bina, masyarakat Sarawak dan Sabah mempunyai sejarah pembinaan rumah yang unik. Setiap seni bina ini walaupun kelihatan mempunyai persamaan tetapi terdapat ciri-ciri tersendiri dan unik.

Sarawak

Di Sarawak, terdapat tiga bentuk seni bina yang unik, iaitu rumah panjang, rumah tinggi dan rumah baruk.

Rumah Panjang




Rumah panjang.

Rumah panjang merupakan seni bina kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu. Rumah panjang dibina untuk tujuan keselamatan dan pertahanan serta mewujudkan kerjasama dalam kalangan penduduk di rumah panjang.

Fungsi:

Selain menjadi tempat tinggal, rumah panjang ini merupakan tempat berinteraksi dan mengadakan acara-acara perayaan.

Bahan pembuatan: Kayu keras digunakan terutama kayu belian. Atapnya dibuat daripada daun tebal seperti daun rumbia.



Rumah panjang Iban.

(Sumber: Adaptasi daripada Hood Salleh, *Peoples and Traditions*, Singapura: Editions Didier Millet, 2006, hlm. 90-91)

Rumah Tinggi



Rumah tinggi Melanau.

Rumah tinggi merupakan hasil binaan unik kaum Melanau.

Fungsi:

Rumah ini dibina tinggi, iaitu 10 meter dari aras tanah untuk mengelak serangan musuh.

Bahan pembuatan:

Kayu keras dan bulat seperti belian menjadi bahan utama dalam pembuatan rumah ini.

Rumah Baruk

Rumah baruk merupakan seni bina tersendiri yang dihasilkan oleh kaum Bidayuh. Seni bina baruk ialah bulat dan berbentuk kon dengan puncaknya dihiasi dengan lambang burung kenyalang.

Fungsi:

Rumah ini menjadi tempat menyimpan tengkorak, menyimpan senjata, pusat ritual, mesyuarat dan majlis sosial yang lain.

Bahan pembuatan:

Kayu keras, iaitu belian digunakan untuk membina baruk. Atapnya akan ditutup dengan daun rumbia dan dinding pula diperbuat daripada buluh.



Rumah baruk.

(Sumber: Adaptasi daripada Hood Salleh, *Peoples and Traditions*, Singapura: Editions Didier Millet, 2006, hlm. 88-89)

Seni bina rumah di Sarawak mempunyai persamaan dari segi bahan binaannya, iaitu menggunakan sumber hutan. Namun begitu, setiap kaum menggunakan kebijaksanaan masing-masing untuk membentuk seni bina yang tersendiri.



Cerna Minda

Nyatakan kepentingan rumah panjang dalam kehidupan seharian.

Sabah

Di Sabah, terdapat juga rumah panjang. Namun begitu, rumah panjang ini direka dengan beberapa ciri tersendiri dan unik. Keunikan seni bina masyarakat Sabah ini terserlah lagi dengan menjadikan perahu sebagai kediaman di kawasan pantai timur Sabah.

Rumah Panjang Rungus

Kaum Rungus juga membina rumah panjang yang dikenali sebagai Vinatang. Keistimewaan rumah panjang Rungus ini ialah bilik tidurnya dibina dengan kedudukan kepala pada sudut tepat arah Gunung Kinabalu.

Fungsi:

Rumah panjang ini menjadi kediaman dan kubu pertahanan daripada serangan musuh. Kaum Rungus membina rumah ini untuk mewujudkan semangat bekerjasama dan melindungi ahli-ahlinya.

Bahan Pembuatan:

Kayu bulat, buluh, kulit kayu dan daun nipah.



Ongkob - merupakan ruang bilik keluarga.

Apad - tempat berkumpul untuk majlis-majlis tertentu dan tempat santai bersama-sama penghuni rumah panjang.

(Sumber: Adaptasi daripada Hood Salleh, *Peoples and Traditions*, Singapura: Editions Didier Millet, 2006, hlm. 120-121)



Cerna Minda

Nyatakan fungsi pembinaan rumah panjang kaum Rungus dan Murut.





Rumah Panjang Murut


Kaum Murut juga membina rumah panjang. Terdapat pelbagai nama yang merujuk rumah panjang Murut seperti Tulus dan Pahun.

Fungsi:

Rumah panjang ini dibina atas faktor keselamatan dan pertahanan. Keunikan rumah panjang ini boleh dilihat dengan pintu rumahnya yang dibina di tepi rumah dan terdapat ruang memanjang yang memisahkan bilik-bilik keluarga. Di bahagian tengah pula, terdapat tempat pertemuan dan lantai untuk tarian atau lansaran.

Bahan Pembuatan:

Kayu bulat, kulit kayu dan daun tolidus.



Petunjuk

1. Sulap - bilik keluarga.
2. Lansaran - lantai tarian.
3. Tobon - pintu utama.
4. Salo - ruang terbesar yang digunakan untuk majlis sosial dan agama.

Lepa

Lepa merupakan perahu yang dibuat oleh kaum Bajau/Sama di pantai timur Sabah yang bukan sahaja untuk mengangkut barang tetapi dijadikan tempat kediaman.

Bahan Pembuatan: Lepa diperbuat daripada pelbagai jenis kayu seperti kayu obasuluk, seraya, mata-mata dan gagir. Bahagian atapnya pula diperbuat daripada daun nipah. Apabila lepa hendak dibuat beberapa perkara perlu diberi perhatian seperti hari dan bulan untuk mengambil kayu dan bahan lain untuk membuatnya.

Pembinaan rumah masyarakat Sabah sangat unik kerana mereka menggunakan kebijaksanaan untuk menghasilkan rumah yang mempunyai ciri-ciri budaya mereka sendiri.



Lepa

(Sumber: Adaptasi daripada Hood Salleh, *Peoples and Traditions*, Singapura: Editions Didier Millet, 2006, hlm. 125)



Masyarakat Sarawak dan Sabah menggunakan kebijaksanaan mereka dalam memanfaatkan sumber alam sekitar untuk meneruskan kelangsungan hidup. Mereka juga menerima pengaruh luar terutama daripada Alam Melayu untuk meningkatkan kualiti hidup yang lebih baik. Hal ini menyedarkan kita bahawa kerajinan dan sikap terbuka membantu kemajuan diri dan negara.



Imbas Kembali


Sarawak dan Sabah dalam Alam Melayu

- Perdagangan
- Keagamaan



Kemunculan Pemerintahan Tempatan

- Kepimpinan Kesukuan
- Kepimpinan Lembah Sungai



Kegiatan Ekonomi Masyarakat Sarawak dan Sabah

- Kegiatan Ekonomi Masyarakat Sarawak
- Kegiatan Ekonomi Masyarakat Sabah



Keunikan Masyarakat Bumiputera Sarawak dan Sabah

- Masyarakat Bumiputera
- Kepentingan sungai
- Kesenian
- Perayaan
- Tarian
- Seni bina



Bab ini telah memberikan gambaran bahawa Sarawak dan Sabah merupakan sebahagian daripada Alam Melayu. Pemerintahan tempatan menunjukkan bahawa telah wujud sistem berorganisasi dalam masyarakat Sarawak dan Sabah. Mereka telah menyesuaikan diri dengan bentuk muka bumi dalam kegiatan sosioekonomi. Hal ini telah mewujudkan kepelbagaian warisan budaya yang unik di Sarawak dan Sabah.



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

1. Apakah bentuk pemerintahan tempatan di Sarawak dan Sabah?

- I. Pentadbiran lembah sungai.
- II. Pentadbiran pedalaman.
- III. Pemerintahan pembesar.
- IV. Pemerintahan beraja.

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

2. Apakah maksud lambang Patung Burung Kenyalang?

- A. Melambangkan kaum Iban.
- B. Melambangkan senjata kaum Iban.
- C. Melambangkan perpaduan kaum Iban.
- D. Melambangkan kepahlawanan kaum Iban.



3. Lengkapkan jadual di bawah dengan maklumat yang tepat.

Negeri	Lokasi	Kegiatan Ekonomi
Sarawak	Pesisir pantai	
Sabah	Kawasan pedalaman	

4. Sarawak dan Sabah mempunyai keunikan dari segi masyarakatnya yang berbilang kaum, budaya dan warisan yang tersendiri.

Berdasarkan pernyataan di atas, jawab soalan yang berikut:

- (a) Apakah keunikan budaya masyarakat Sarawak dan Sabah?
- (b) Bagaimanakah kita dapat meraikan kepelbagaian dan keunikan budaya masyarakat? 🌸



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

5.



Berdasarkan gambar di atas, jawab soalan yang berikut:

- Apakah yang dapat anda lihat dalam gambar di atas?
- Apakah fungsi binaan ini?
- Pada pendapat anda, bagaimanakah warisan kesenian ini dapat dipelihara dan dipulihara? 🌸

6.

Sungai memainkan peranan penting kepada masyarakat di Sarawak dan Sabah.

Berdasarkan pernyataan di atas, jawab soalan yang berikut:

- Senaraikan kepentingan sungai kepada penduduk tempatan.
- Bagaimanakah anugerah Tuhan ini dapat dipelihara? 🌸

7.



Berdasarkan gambar rumah panjang kaum Rungus di atas, jawab soalan yang berikut:

- Apakah yang anda boleh jelaskan tentang seni bina rumah panjang?
- Bagaimanakah rumah panjang boleh mewujudkan dan memperkukuh hubungan antara penghuninya? 🌸
- Mengapakah kita perlu mengekalkan warisan negara? 🌸



Cakna dan Cerminan Sejarah

Nilai, Patriotisme dan Iktibar

- Kepelbagaian budaya mendidik kita supaya menghargai dan mengekalkan warisan masyarakat yang unik.
- Kita perlu berbangga dengan adat resam pelbagai kaum untuk mengekalkan jati diri.
- Kelangsungan warisan suku kaum yang pelbagai ini boleh meningkatkan imej negara di pentas antarabangsa.

Diri dan Keluarga

Sikap bertolak ansur dan menghormati sesama ahli keluarga penting untuk menjamin keharmonian ahli keluarga. Bagi memupuk sikap ini kita harus menghormati kepelbagaian dalam kalangan ahli keluarga.

Negara

Kepelbagaian budaya ini mewujudkan perpaduan yang membentuk kestabilan dan kemajuan negara.



Perpaduan dalam kepelbagaian merupakan keunikan warisan negara kita yang diwarisi sejak zaman-berzaman dan harus terus dipelihara.

BIBLIOGRAFI

Buku dan Jurnal

- A. Aziz Deraman, 2005. *Masyarakat dan Kebudayaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad (penyelenggara), 1985. *Kerajaan Johor Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad (penyelenggara), 1986. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Hadi Haji Hassan, 1928. *Sejarah 'Alam Melayu*. Singapura: Fraser and Neave.
- Abdul Razak Mahmud, 2002. *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Abdullah Zakaria Ghazali dan Mardiana Nordin (ed.), 2012. *Kedah Warisan dan Sejarah*. Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Abdullah Zakaria Ghazali, 1996. *Terengganu: Tokoh, Pentadbiran dan Perjuangan*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Adnan Jusoh, 2017. "Gendang Gangsa di Borneo: Satu Tinjauan Semula Terhadap Penemuan Gendang Gangsa di Sabah dan Kalimantan", *Jurnal Persatuan Muzium Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Ahamad Ismail dan Yazid Mat, 1992. *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*. Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.
- Ahmad Bahri Mardi, 2016. *Kota Tinggi Dalam Sejarah*. Kota Tinggi: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kota Tinggi.
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri, 1986. *Cempaka Sari: Sejarah Kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Ahmad Jelani Halimi, 2006. *Perdagangan dan Perkapalan Melayu di Selat Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sarji Abdul Hamid (ed.), 2011. *The Rulers of Malaysia*, Singapura: Edition Didier Millet.
- Andaya, Barbara Watson dan Leonard Y. Andaya, 1983. *Sejarah Malaysia*. Kuala Lumpur: Macmillan Publishers.
- Andaya, Leonard Y., 1987. *Kerajaan Johor 1641-1728*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asyaari Muhammad, 2001. *Arkeologi Kota Sayong*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Awang Azman Awang Pawi (ed.), 2014. *Wajah Melayu Sarawak*. Kota Samarahan: Institut Asia Timur UNIMAS.
- Bambang Budi Utomo dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2008. *Zaman Klasik di Nusantara: Tumpuan Kajian di Sumatera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bernard Sellato, (ed.), 2012. *Plated Arts From the Borneo Rainforest*. Jakarta dan Singapura: The Lontar Foundation dan NUS Press.
- Bulbeck, David et. al., 1998. *Southeast Asian Exports Since the 14th Century: Cloves, Pepper, Coffee, and Sugar*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Buyang Adil, 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cady, John F., 1964. *Southeast Asia: It Historical Development*. New York: Mc Graw-Hill Books Company.
- Charlie anak Ungang, 2014. *Emik Bidayah: Budaya Dan Warisan*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Batu Lintang.
- Coedes, George, 1968. *The Indianized States of Southeast Asia*. Honolulu: East-West Center Press.
- Coedes, George, 2010. *Asia Tenggara Masa Hindu-Buddha*. Diterjemah oleh Winarsih Partaningrat. Jakarta: EFEO.
- Ding Choo Ming, 2016. *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi*. Bangi: Penerbit UKM.
- Empiang Jabu, 1989. "The Traditional Values and Functions of Pua Kumbu" dlm. *Sarawak Museum Journal*, 61, 1989. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Freeman, Michael dan Jacques, Claude, 2007. *Ancient Angkor*. Bangkok: Rivers Books Ltd.
- Gallop, Annabel Teh, 1994. *The Legacy of the Malay Letters*. London: British Library.
- Hall, D.G.E., 1987. *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hall, Kenneth R., 1999. "Economic History of Early Southeast Asia", dlm. Nicholas Tarling (ed.), *The Cambridge History of Southeast Asia Volume One: From Early Times to C.1500*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Irene Benggon Charuruks dan Janette Padasian (eds.), 1992. *Cultures, Customs and Traditions of Sabah, Malaysia: An Introduction*. Kota Kinabalu: Sabah Tourism Promotion Corporation.
- Ismail Hussein, 1993. *Antara Dunia Melayu dengan Dunia Kebangsaan*. Bangi: Penerbit UKM.
- Junaiddi Payne, 2000. *This is Borneo*. London: New Holland Publishers (UK) Ltd.
- Kamarudin Ab.Razak, 1998. *Peninggalan Sejarah di Pesisiran Sungai Johor*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Kamarudin Ab.Razak, 2005. *Kesultanan Johor Riau Sehingga 1699 dalam Ilustrasi*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.
- Khoo Kay Kim, 1985. "Raja Lumu/Sultan Salehuddin: The Founding of the Selangor Dynasty" dlm. *JMBRAS* 45:2.
- Kong Yuan Zhi, 2000. *Pelayaran Zheng He dan Alam Melayu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Liang Liji, 1966. *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mardiana Nordin, 2002. "Hikayat Negeri Johor: Kedu dukannya sebagai Naskhah Pensejarahan Negeri Selangor" dlm. *Arkeologi dan Sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Mardiana Nordin, 2003. "Sultan dan Rakyat: Satu Perbincangan dari Naskhah *Misa Melayu*" dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 31.
- Mardiana Nordin, 2004. "Selangor Sehingga 1766: Catatan dari Beberapa Teks Melayu" dlm. *Seri Alam*, Jurnal Lembaga Muzium Selangor Darul Ehsan.
- Mardiana Nordin, 2008. *Politik Kerajaan Johor Riau 1718-1862*. Johor Bahru: Yayasan Warisan Johor.

- Marriot, H., 1916. "A Fragment of the History of Terengganu" dlm. *JSBRAS*, 72.
- Maspero, Georges, 2002. *The Champa Kingdom: The History of Extinct Vietnamese Culture*. Bangkok: White Lotus.
- Maxwell, W.E., 2013. *An Account of the Malay Chiri: A Sanskrit Formula*. Hong Kong: Forgotten Books:
- Mohd Zain Musa dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (ed.), 2003. *Masyarakat Cam Sepanjang Zaman*. Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Muhammad Saleh Haji Awang, 1983. *Sejarah Darul Iman Hingga 1337H=1918M*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Muhammad Yamin, 1986. *Gajah Mada: Pahlawan Persatuan Nusantara*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Muhammad Yusoff Hashim dan Aruna Gopinath, 1992. *Tradisi Pensejarahan Pahang Darul Makmur 1800-1930*. Petaling Jaya: Tempo Publishing.
- Muhammad Yusoff Hashim, 1989. *Kesultanan Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Yusoff Hashim, 2006. *Kisah Melaka 1511*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Muhammad Yusoff Hashim (ed.), 2008. *Tun Perak*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 1990. "Kingdom of Srivijaya as Social Political and Cultural Entity", dlm. J. Kathirithamby-Wells and Villiers, John, *The Southeast Asian Port and Polity: Rise and Demise*. Singapura: Singapore University Press.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (et.al), 2016. *Asal Usul Melayu, Induknya di Benua Sunda*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nordin Selat, 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Norhalim Hj. Ibrahim, 1995. *Negeri Yang Sembilan: Daerah Kecil Pusaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ong Puay Liu, 2006. "Rumah Panjang Tradisi Rungus dalam Arus Pembangunan: Perbezaan Pengertian" dlm. *Akademika* 68 :1.
- Poline Bala, 2016. *Masyarakat Kelabit: Tradisi dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- R. Hamzah Yunus, 1992. *Peninggalan Sejarah di Pulau Penyengat*. Riau: Yayasan Kebudayaan Indera Sakti.
- Raja Chullan, 1997. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.
- Ramlah Adam (ed.), 2016. *Pemerintahan Beraja di Alam Melayu Merentas Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ranjit Singh, 2000. *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saidaitul Nornis Hj. Mahali, 2012. *Bajau Pantai Barat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Sandin, B., 1980. *Iban Adat and Augury*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sanib Said, 1999. "The History of Sarawak: Where Do We Begin?" dlm. *The Sarawak Museum Journal*, 75.
- Suffian Mansor, 2015. "Perubahan Sistem Pentadbiran Sarawak, 1840 -1963," dlm. Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus dan Noor Ain Mat Noor, (ed.), *Dasar dan Tadbir Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sutan Takdir Alisjahbana, 2008. *Indonesia: Social and Cultural Revolution*. Jakarta: Dian Rakyat.
- Tang Su Chin, Julie, 2002. *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957*, MBRAS. Kuala Lumpur.
- The Legacy of Malay Manuscripts*, 2012. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Wallace, Alfred Russel, 2009. *The Annotated Malay Archipelago*. Oxford: John Beaufoy Publications.
- Wang Gungwu, 1998. *The Nanhai Trade: The Early History of Chinese Trade in the South China Sea*. Singapura: Times Academic Press.
- Wheatley, Paul, 2010. *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Winstedt, R.O. dan R.J. Wilkinson, 1974. "The Chiri or Coronation Address" dlm. *A History of Perak*, MBRAS. (Reprint No.3).
- Wolters, O.W., 1975. *The Fall of Srivijaya in Malay History*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Zainal Abidin Abdul Wahid, 2004. *Kesultanan Melayu Melaka*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.

Laman Sesawang

- http://live.utusan.com.my/Event/Pidato_Antarabangsa_Bahasa_Melayu_Piala_PM_2013?Page=0, "Utusan Online" Dicapai pada 15 Februari 2017.
- http://www.jotravelguide.com/siem_reap_cambodia/bayon_leper_king_terrace.php, "Bayon Temple and Leper King Terrace Temple in Siem Reap" Dicapai pada 15 Februari 2017
- <http://pmr.penerangan.gov.my/index.php/component/content/article/395-artikel/7589-keunggulan-adat-perpatih.html> Dicapai pada 15 Februari 2017.



Senarai Penuh
Bibliografi Buku Teks
Sejarah Tingkatan 2

INDEKS

- adat istiadat 130
Adat Perpatih 168, 170
adat Temenggung 79
agama Buddha 17, 54, 57, 59
agama Hindu 54, 57, 59
agama Islam 59, 82
Alam Melayu 2, 4, 180
Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah
138, 164
Angkor Thom 12, 63
Angkor Wat 64
animisme 56
asimilasi 62
Awang Batil 167
- bahasa Austronesia 6
bahasa dan tulisan 40
bahasa Sanskrit 40
bahasa serumpun 6
Bajau 193
Bendahara 77
Bidayuh 187
Buapak 171
bunga emas 145
Candi Borobudur 31, 54, 62
Che Bong Nga 27
Che Siti Wan Kembang 141
- China 89
- dinamisme 56
- Hikayat Hang Tuah* 108
Hikayat Iskandar Zulkarnain 45
Hikayat Merong Mahawangsa 138,
164
Hikayat Muhammad Ali Hanafiah 45
Hikayat Pahang 128
Hikayat Sang Kancil 129
Hikayat Seri Kelantan 165
hubungan diplomatik 19, 148
hubungan perdagangan 150
Hukum Kanun Melaka 77, 78, 83,
126
Hukum Kanun Pahang 126
- institusi agama 131
Jayavarman VII 12
- Kadazandusun 182, 195
karya sejarah 128
kegiatan perlombongan 33
kegiatan pertanian 46
kepentingan sungai 190
- kerajaan Angkor 8, 27
kerajaan Alam Melayu 14, 17-20,
32, 64
kerajaan Brunei 178
kerajaan Champa 8, 11, 40
kerajaan Funan 13, 18, 44
kerajaan Gangga Nagara 9, 13
kerajaan Kedah Tua 9, 12
kerajaan Majapahit 8, 13, 178
kerajaan Negeri Sembilan 142
kerajaan Perlis 144-45
kerajaan Sarawak 180
kerajaan Srivijaya 8, 58, 178
kesenian 192
kесerumpunan budaya 160
Kesultanan Terengganu 120
Kesultanan Johor Riau 98, 100, 102,
104
Kesultanan Melayu Melaka 72, 76,
80, 91, 131
Kesultanan Pahang 116, 124
Kesultanan Perak 118, 124
Kesultanan Selangor 122-23, 125
Ketua Negeri 172
Kitab Tib 165
konsep beraja 60
konsep daulat 54
Kota Kara 99
- Laksamana 77
Lembaga 171
Long Yunus 148
luak 170
- Mahabhrata* 45
masyarakat Sabah 184
masyarakat Sarawak 184
Melanau 187
Misa Melayu 128
Murut 189
- Nagarakertagama* 45
- Orang Laut 87
orang semenda 169
Orang Sungai 189
Orang Ulu 187, 194
- Parameswara 73
Patih Gajah Mada 12
pelabuhan kerajaan 62
pelabuhan pembekal 62
pembesar berempat 76
pembesar berlipan 76, 125
- Penghulu Bendahari 77
Perang Johor-Jambi 100
perayaan 194
persamaan budaya 7
Pesta Kaamatan 195
pua kumbu 192
pusat perdagangan 84
- Raja Kechil 102
rumah panjang 201
Ryukyu 89
- seni bina 198
sistem kepimpinan kesukuan 180-
182
Sistem Pembesar Empat Lipatan
76-77, 125
sistem pemerintahan 24, 26, 34,
170
sistem pemerintahan beraja 159
sistem perundangan 162
struktur sosial 51
suku 170
Sulalatus Salatin 108
Sultan Alauddin I 99, 106
Sultan Iskandar Dzulkarnain 119
Sultan Mahmud Shah 91
Sultan Muzaffar Shah 75
syahbandar 86
Syair Sultan Maulana 165
Syair Tawarikh Zainal Abidin
Ketiga 128
Syed Hussin Jamalullail 145
- Tajul Salatin* 109
tarian 196
Temenggung 77
tulisan Palava 41
Tun Seri Lanang 109
- Undang 171
Undang-Undang 99 Perak 126
undang-undang adat 79
undang-undang Islam 163
Undang-undang Laut Melaka 78,
83
Undang-Undang Tubuh Kerajaan
Negeri 127
UNESCO 6
Upu Bugis 101
- wayang kulit 7, 167

Dengan ini, **SAYA BERJANJI** akan menjaga buku ini dengan baik dan bertanggungjawab atas kehilangannya, serta mengembalikannya kepada pihak sekolah pada tarikh yang ditetapkan.

Skim Pinjaman Buku Teks

Sekolah _____

Tahun	Tingkatan	Nama Penerima	Tarikh Terima

Nombor Perolehan: _____

Tarikh Penerimaan: _____

BUKU INI TIDAK BOLEH DIJUAL